

"ADAPUN kerajaan yang baik itu tertakluk bilamana mekanismenya baik. Semua anggota Perkhidmatan Awam adalah mekanisme kerajaan. Sebab itulah, selaku mekanisme, ia perlu telus, gigih, amanah dan berfikir maju. Mekanisme yang tidak memiliki ciri-ciri ini adalah mekanisme yang lapuk yang sudah ketinggalan zaman. Kita tidaklah mahu mekanisme kita ketinggalan zaman." - Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-10 pada 4 Oktober 2003.



"SESUNGGUHNYA lelaki dan perempuan yang Muslim, lelaki dan perempuan yang mukmin, lelaki dan perempuan yang tetap dalam keteguhan, lelaki dan perempuan yang sabar, lelaki dan perempuan yang khusyuk, lelaki dan perempuan yang bersedekah, lelaki dan perempuan yang berpuasa, lelaki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, lelaki dan perempuan yang banyak menyebut nama Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka ampun dan pahala yang besar." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab ayat 35

Kehebatan ilmu bawa kebenaran

GADONG, Rabu, 20 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa dasar ilmu itu adalah sangat luhur dan amat berharga dalam kita menjalani kehidupan sehari-hari.

"Kehebatan ilmu itu akan membawa kita kepada kebenaran," titah baginda di Majlis Forum Khas Mengenai Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-60 Tahun yang

diadakan di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini. Kebenaran yang ditampikan oleh ilmu itu, tegas baginda adalah kebenaran mutlak yang tidak dapat dicabar-cabar.

"Semua orang boleh lemah dan tunduk dengannya," titah baginda menekankan.

Menurut baginda lagi, dengan ilmulah kita akan mendapat pedoman dan seterusnya memperoleh kebenaran.

Baginda mengibarat-

kan ilmu adalah merupakan suluh ketika kita berjalan di dalam gelap.

"Dasar ilmu itu sangat luhur dan amat berharga. Dengan ilmu, kita akan mendapat pedoman. Ibarat orang berjalan di dalam gelap, di mana ilmu adalah suluhnya," titah baginda.

Dalam hubungan ini, titah baginda forum khas mengenai dengan konsep MIB yang diadakan sempena Hari Keputeraan baginda ke-60 tahun ini adalah amat istimewa bagi kita semua.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengurniakan cenderamata kepada Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah ibni Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibuddin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzwan. (Lagi berita dan gambar dimuatkan muka 3, 8 dan 9).

Tidak syak lagi majlis ini adalah 'majlis penting' untuk kita menggali ilmu.

Menurut baginda lagi, forum khas itu akan memberikan kita minda dan menyuntik kita dengan maklumat-maklumat yang bernas dan betul.

"Pada malam ini, kita akan meniti irama. Irama itu bukanlah irama yang menidurkan. Dengannya jiwa dan minda kita akan hidup, disuntik oleh maklumat-maklumat yang bernas dan betul. Inilah santapan kita pada malam ini," titah baginda meyakinkan.

Untuk itu, baginda dengan tulus ikhlas mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pengatur yang telah berjaya mengendalikan Forum Khas Mengenai Konsep MIB.

Lihat muka 2

PENDIDIKAN TIADA NOKTAHNYA

BERAKAS, Khamis, 21 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa pendidikan tidak ada noktahnya dan ia menuntut supaya terus diperingkatkan.

Pendidikan, titah baginda adalah aset hidup untuk perubahan, kerana jika tidak meningkat, bermakna perubahan tidak akan secepat yang diharapkan.

Dari itu tegas baginda, jangan lambatkan proses peningkatan, kerana peningkatan adalah kemajuan. Melambatkan kemajuan adalah perkara yang sia-sia.

Baginda bertitah demikian di Majlis Sambutan Hari Guru Ke-16 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini. Tema bagi sambutan itu ialah 'Guru Berkualiti Meningkatkan Daya Saing Bangsa'.

Dalam titahnya, baginda juga mengingatkan bahawa pendekatan kemajuan bukan dibuat berasaskan apa yang individu mahu, tetapi hendaklah mengambil kira apa yang negara anggap perlu, sama ada suka atau tidak, kepentingan negara adalah yang utama.

Oleh :
Zabaidah Haji Salat
zabaidah.salat@information.gov.bn
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

"Inilah etika yang betul di dalam pekerjaan. Terutama sekali dalam bidang pendidikan, etika ini adalah perlu untuk mempercepatkan proses peningkatan. Jika hari ini kita memang layak meningkat, maka apakah lagi perlunya untuk kita menunggu sampai besok ataupun lusa," titah baginda.

Baginda seterusnya bertitah menjelaskan bahawa pelaburan negara yang paling besar ialah pendidikan.

Dari itu, ia mesti diberi nilai seajar dengan tuntutan zaman dan janganlah usaha-usaha lebih ke hadapan kita hentikan, walaupun pencapaian kita sudah pun sama setanding dengan negara-negara maju, berdasarkan, hampir semua matlamat Millennium Development Goals (MDG) Bangsa-Bangsa Bersatu dan matlamat Educationi For All (EFA) UNESCO sudah pun kita capai, titah baginda.

Lihat muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Guru Berjasa sempena Sambutan Hari Guru Ke-16 kepada Dato Paduka Cikgu Haji Kifli bin Haji Bujang. - Foto : Ampuan Haji Mahmood bin Ampuan Haji Tengah. (Berita lanjut sempena Sambutan Hari Guru Ke-16 akan dimuatkan di keluaran PELITA BRUNEI 4 Oktober 2006).

ANTARA YANG MENARIK

Hasrat Negara:

Kebenaran ilmu adalah mutlak

- Muka 2

DYTM berangkat mengurniakan Anugerah BICTA 2006

- Muka 4

DYTM rasminan Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi, IT ASEAN Ke-6

- Muka 5

Forum Khas : Melayu Islam Beraja

- Muka 8 & 9

Kerja DYTM ke beberapa institusi KPSSU

- Muka 12 & 13

Atlet karatedo dan taekwondo di Sukan SEA Ke-23 Manila raih perak

- Muka 15

Seruan Suci:

Ibadat puasa mempunyai rahsia dan hikmah

- Muka 4 ANEKA

NAM sepakat membentuk keamanan, kemakmuran dan kerdian dunia

- Muka 9 ANEKA

TAHUKAH AWDA

MASJID yang paling utama di dalam Islam ialah Masjidilharam di Mekah Al-Mukaramah kemudian Masjid An-Nabawi di Madinatul-Munawwarah dan selepas itu Masjidilquba di Palestin. Masjidilharam ertinya masjid yang dihormati atau dimuliakan. Bangunan di tengah-tengah Kota Mekah itu merupakan masjid tertua di dunia. Masjidilharam memiliki 152 kubah-kubah kecil, 589 tiang dengan masing-masing tingginya 20 kaki (6.6 meter) dan berdiameter 1.5 kaki (50 cm). Setiap tiang diselangi sebuah tiang besar dengan diameter empat kaki (1.5 meter). Di sekeliling masjid terdapat tujuh menara yang menjulang tinggi yang menjadi ukuran bagi masjid-masjid di seluruh dunia. Nama-nama menara itu adalah Bab Al-Umrah, Bab Al-Hazurah, Bab As-Salam, Bab Az-Zadab, Bab Al-Ali, Solaimanah dan Kait Bai. Ditengah-tengah Masjidilharam terdapat Ka'bah sebagai bangunan terpenting yang berbentuk kubus disebut juga Baitullah (rumah Allah). Baitul 'Atiq (rumah kemerdekaan) dan Baitulharam (rumah yang dimuliakan). Di dalam Masjidilharam terdapat makam Nabi Ibrahim Alaihissalam, Samur Zamzam dan Hajjar Aswad (batu hitam). - Sumber dari Internet.



27 SEPTEMBER 2006 BERSAMAAN 1427 رمضان 4

ILMU WADAH ISTIMEWA MENJANA PEMBANGUNAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Forum Khas Mengenai Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) baru-baru ini menekankan peristiwah rakyat Brunei mempunyai ilmu dalam pelbagai bidang bagi menjana pembangunan dan kemajuan negara. Dalam makna yang lebih jauh, ilmu itu mencorakkan segala-galanya dan merupakan nadi kekuatan sesuatu bangsa bukan sahaja untuk maju tetapi tidak mudah ditindas dan diperkecil-kecilkan oleh bangsa-bangsa lain yang sudah maju dalam pelbagai ilmu.

Begitulah realiti dan kepentingan ilmu yang sangat luhur dan amat berharga. Kehebatan ilmu membawa kita kepada kebenaran mutlak yang tidak siapa boleh mencabar apatah lagi untuk mempertikaikannya. Kerana dengan ilmu, semua orang akan menjadi lemah dan tunduk. Begitulah pengaruh ilmu yang sangat dominan serta mampu merubah sesuatu dan membawa perubahan yang lebih cemerlang.

Perlu diingat, ilmu itu tidak statik, kaku dan tidak bermaya, tetapi berkembang mengikut peredaran zaman dan masa. Untuk itu, kita perlu mencapai keilmuan yang tinggi dengan cara apa sekalipun sambil menghayatinya sejajar dengan perubahan zaman. Apalagi di era globalisasi, ilmu itu menjadi penting dan menjadi 'tools' yang amat berguna dan bermanfaat dalam kita melayari kehidupan harian.

Berhenti atau menutup daripada mengikuti perkembangan ilmu, bermakna menyekat perjalanan untuk maju, sedangkan menyekat perjalanan untuk maju dan berjaya itu adalah satu perbuatan yang sia-sia dan tidak bertamadun. Sedangkan tamadun itu tidak datang bergolek seperti bola tetapi dibina dengan ilmu dan azam yang tinggi untuk mencapainya.

Begitulah sebenarnya, kehebatan tamadun ilmu yang membawa kita ke puncak kejayaan dan kemegahan yang lebih tinggi. Bayangkan apa akan terjadi jika bangsa kita tidak berilmu dan mengenyepkan ilmu. Jawapan yang pasti kita akan ketinggalan dan tertinggal dalam apa jua serba-serbi kemajuan.

Dalam konteks sedemikian, janganlah kita mengabaikan sama sekali ilmu pengetahuan. Ingatlah bangsa yang berilmu tetap akan disanjung dan digalati, tetapi bangsa yang tidak berilmu mudah saja akan diratah dan menjadi bahan 'permainan' bangsa asing.

Dalam satu ketika, tidak mengapa kita melupakan lain-lain perkara, tetapi dengan ilmu, janganlah sekali-kali cuai, lupa atau sengaja lupa. Kerana ilmu itu sifatnya istimewa yang merupakan jiwa kepada kemuliaan dan kemajuan baik di dunia mahupun di akhirat.

Bangsa yang menitikberatkan ilmu adalah bangsa yang mempunyai masa depan. Mereka akan berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa lain yang memiliki nama-nama besar di arena antarabangsa. Inilah sebenarnya yang kita idam-idamkan untuk menampilkan dan menghasilkan masyarakat Brunei yang pemikir dan pencetus idea yang besar di arena antarabangsa.

Maka atas asas itu, Forum Khas Mengenai Konsep MIB merupakan satu cabang untuk menggali ilmu pengetahuan. Selain sebagai instrumen yang dapat menjana ilmu dan menyuntik kesedaran bangsa dan masyarakat Brunei terhadap kepentingannya, sambil menyaring dan merumuskannya sebagai maklumat yang berguna di kemudian hari.

Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berbunyi "Dengannya, jiwa dan minda kita akan hidup, disuntik oleh maklumat-maklumat yang bernas dan betul."

Kita amat merasa optimis apa jua acara-acara ilmu baik dalam bentuk konvensional, forum dan seminar setentunya akan menjadi wadah kepada pembangunan insan. Ia tetap berfungsi menggali dan mengembangkan idea-idea yang bernas ke arah pembangunan tersebut.

Apa yang diharapkan agar forum khas mengenai konsep MIB ini menuntut kita agar lebih peka tentang kecemerlangan dan kemegahan konsep berkenaan yang telah lama memberikan kita nilai kesejahteraan, kemakmuran dan keamanan yang berpanjangan. Harapan mengungguli yang kita harapkan agar generasi masa kini dan masa akan datang menatangnya dengan sepenuh jiwa raga dan bukan mempertikaikannya secara melulu tanpa mencari pendekatan yang sebenar dan fakta-fakta yang sahih.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Forum Khas Mengenai Konsep 'Melayu Islam Beraja (MIB)' sempena Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 Tahun yang diadakan di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam pada hari Rabu, 27 Syaaban 1427/20 September 2006.

Pendidikan tiada noktahnya

Dari muka 1

Di sinilah peranan para guru, tegas baginda. Kerana merekalah tulang belakang kepada sistem pendidikan.

Berjaya atau gagalnya sistem ini menurut baginda, turut ditentukan oleh para guru. Sebab itulah guru yang cemerlang adalah mereka yang mampu menghadapi pelbagai cabaran sambil dapat memenuhi ekspektasi bangsa dan negara.

Dari itu, para guru titah baginda, perlulah terus relevan, menguasai alam per-guruan dengan sebaiknya.

Guru bukan sahaja mampu mengajar, malahan juga mendidik sehingga melahirkan generasi gemilang, titah baginda.

Baginda seterusnya mengajak supaya mencontohi sikap bangsa-bangsa yang maju terhadap masa. Titah baginda menghargai masa adalah salah satu faktor yang menjadikan bangsa-bangsa tersebut maju.

Kita selaku bangsa yang sedang membangun ini, tegas baginda masih belum bergerak mencontohi mereka. Dari itu baginda menyarankan kita mengambil perkara yang baik, walau dari siapa pun adalah sifat terpuji. Apa yang kita tidak mahu ialah mendatangkan yang tidak baik untuk merosakkan diri sendiri.

"Inilah di antara stra-

tegi pendidikan yang kita mesti ada, dengan matlamat, ianya dapat menimbulkan rasa bangga terhadap nilai-nilai sendiri, di samping juga dalam masa yang sama, mampu menjana semangat ingin maju yang tinggi, titah baginda.

Sambutan Hari Guru bukan sahaja untuk menghargai jasa-jasa para guru, malahan juga merupakan satu forum bagi menilai semula keberkesanan dan profesionalisme perguruan.

Terdahulu sebelum mengurniakan titah, keberangkatan baginda di majlis sambutan yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Menteri Hal Ehwal Uag-ma, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru Ke-16.

Berangkat sama di majlis itu ialah DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, DYTM Paduka Seri Pengiran Benda-hara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

HASRAT NEGARA

Kebenaran ilmu adalah mutlak

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULILLAH I Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Malam ini adalah malam yang amat istimewa untuk kita sama-sama mengikuti forum khas mengenai dengan konsep 'Melayu Islam Beraja (MIB)' yang disempenakan dengan perayaan sambutan Hari Keputeraan beta yang ke-60 tahun.

Tidak syak lagi, majlis ini adalah 'Majlis Penting' untuk kita menggali ilmu. Dasar ilmu itu sangatlah luhur dan amat berharga. Dengan ilmu kita akan mendapat pedoman. Ibarat orang berjalan di dalam

gelap, di mana ilmu adalah suluhnya.

Begitulah kehebatan ilmu. Ia akan membawa kita kepada kebenaran.

Kebebatan yang ditampilkan oleh ilmu adalah kebenaran mutlak yang tidak dapat dicabar-cabar. Semua orang boleh lemah dan tunduk dengannya.

Pada malam ini, kita akan meniti irama. Irama itu bukanlah irama yang menidurkan, tetapi irama yang membangunkan. Dengannya, jiwa dan minda kita akan hidup, disuntik oleh maklumat-maklumat yang bernas dan betul. Inilah santapan kita pada malam ini.

Beta dari hati yang tulus ikhlas, turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa penganjur dan juga tidak lupa untuk mengalu-alukan paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah ibni Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibuddin Shah, Raja Muda Perak Darul

Ridzwan, yang sudi berangkat untuk menyampaikan Ucaptama di majlis ini. Begitu juga kepada ahli-ahli panel dari dalam dan luar negara, yang beta percaya, akan mampu untuk menyerikan majlis ini dengan hujah-hujah mereka yang bernas menurut kepakaran masing-masing.

Kepada para hadirin dan juga mereka yang berada di rumah, sama-samalah kita mengikutinya sambil membuka dada dan minda luas-luas untuk menyaring dan merumusnya sebagai maklumat berguna.

Dengan mendahulukan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma Salli 'Alaa Sayyidina Muhammad Wa'ala Aali Sayyidina Muhammad, beta rasmikan Forum Khas Mengenai Konsep 'Melayu Islam Beraja (MIB)' sempena perayaan sambutan Hari Keputeraan beta yang ke-60 tahun.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Hubungan Brunei - Arab Saudi terus terjalin erat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah bin Abdul Aziz Al-Saud, Penjaga Dua Buah Masjid Suci dan Kerajaan Arab Saudi sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Arab Saudi.

Dalam perutusan itu, baginda merakam perasaan gembira dan setinggi penghargaan di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Arab Saudi. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang di peringkat dua hala dan antarabangsa demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendoakan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Raja Abdullah bin Abdul Aziz Al-Saud, sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Arab Saudi akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berkekalan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, juga telah menghantar perutusan tahniah kepada Duli Yang Teramat Mulia Saud Al-Faisal bin Abdul Aziz, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Arab Saudi.

Dalam perutusan itu DYTM merakamkan perasaan gembira dan rasa hormat terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah bin Abdul Aziz Al-Saud serta kerabat diraja bersama DYTM Saud Al-Faisal dan kerajaan serta rakyat Arab Saudi sempena ulang tahun Hari Kebangsaan Arab Saudi.

DYTM juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Menteri Hal Ehwal Luar Arab Saudi dan kerajaan serta rakyat Arab Saudi di atas hubungan yang mesra dan kerjasama yang dinikmati oleh kedua-dua buah Negara dan berharap akan terus bekerjasama untuk mengeratkan lagi hubungan di masa depan.

Kehebatan ilmu bawa kebenaran

Dari muka 1

"Beta juga tidak lupa untuk mengalu-alukan paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah ibni Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibuddin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridz-

wan yang sudi berangkat untuk menyampaikan ucaptama di majlis ini."

Baginda juga mengucapkan penghargaan kepada ahli-ahli panel dari dalam dan luar negara yang baginda percaya akan mampu menyerikan majlis ini dengan hujah-hujah yang bernas menurut ke-

pakaran masing-masing.

"Kepada para hadirin dan juga mereka yang berada di rumah, sama-samalah kita mengikutinya sambil membuka dada dan minda seluas-luasnya untuk menyaring dan merumusnya sebagai maklumat," titah baginda dengan penuh harapan.

Memacu pendidikan ke arah kecemerlangan

PENDIDIKAN memainkan peranan penting bagi memajukan pertumbuhan ekonomi yang cergas, memperingkatkan daya saing dan kualiti hidup penduduk sesebuah negara. Kemajuan sesebuah negara menyebabkan taraf sosio-ekonomi sesebuah masyarakat berubah-ubah. Golongan yang mempunyai kesedaran kepentingan pendidikan biasanya berlumba-lumba untuk memberi pendidikan yang secukupnya kepada anak-anak agar masa depan keluarga lebih baik daripada keluarga.

Pendidikan merupakan faktor penting bagi meningkatkan taraf hidup seseorang. Semua negara di dunia ini inginkan rakyatnya maju dalam bidang

pendidikan, contohnya Amerika Syarikat, England dan lain-lain negara maju. Begitu juga Negara Brunei Darussalam boleh dikatakan perubahan dalam bidang pendidikan di mana semua rakyat berpeluang untuk mendapatkan pendidikan sehingga ke peringkat universiti. Apabila mereka diberi peluang melanjutkan pelajaran, mereka berpeluang mengubah mobiliti diri dan keluarga ke arah yang lebih tinggi.

Dalam hubungan ini Kementerian Pendidikan sedang mereview semula sistem pendidikan negara, dari peringkat rendah sehingga ke peringkat menengah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

ANALISIS

Oleh: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

Brunei Darussalam sendiri berharap tindakan serupa dilakukan di sektor pengajian tinggi bagi melihat sejauh mana tahap pencapaian institusi-institusi pengajian tinggi negara ini. Baginda menyuarakan harapan tersebut ketika bertitah di Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam Ke-18 baru-baru ini.

Penubuhan Jawatankuasa Meneliti Pengajian Tinggi peringkat Menteri Kabinet yang akan menilai perkembangan dan pencapaian sektor pengajian tinggi negara dan

seterusnya mengenal pasti arah tuju pengajian tinggi tersebut.

Dengan demikian kita mengharapkan sumber tenaga manusia dapat diperkasakan segera dengan ilmu dan pendidikan yang lebih tinggi dan lebih berkualiti yang memenuhi kehendak pasaran semasa dan mendatang dalam sektor tenaga manusia di era globalisasi yang penuh mencabar ini.

Justeru, itu semua pihak harus menggembleng tenaga terutama para pensyarah agar meningkatkan azam

dan menganggap tanggungjawab yang mereka laksanakan sebagai ibadah dan amanah daripada Allah. Mereka perlu mengubah paradigma mereka seiring dengan peredaran era dan zaman. Mereka perlu mengubah paradigma mereka seiring dengan hala tuju didikan mereka kepada anak didik mereka.

Ilmu pengetahuan mereka perlu ada nilai tambah supaya mereka tergolong sebagai tenaga pengajar yang profesional sifatnya. Bangsa yang akan dibina adalah bangsa yang bermaruah dan bukan bangsa yang mudah diperlekehkan seperti jaguh kampung sebaliknya adalah juara di peringkat negara dan antarabangsa. Dengan adanya kesedaran sedemikian

kita akan menjadi golongan yang kompeten dan berdaya saing serta mampu menangkis apa sahaja cabaran yang melanda.

Sejajar dengan itu kita menghendaki institusi pengajian tinggi wajar mempunyai reputasi yang dapat memberikan contoh-contoh berguna serta pendidikan yang berkualiti termasuk mempunyai pelbagai jenis pembelajaran yang melahirkan pelajar yang berjaya serta berupaya membawa perubahan.

Para siswa dan siswi pula harus mempunyai cita-cita tinggi dan bergerak selari dengan aspirasi, misi dan visi negara. Pr-

sarana telah disediakan, haluan telah dipimpin melalui tenaga pensyarah yang berwibawa, cuma minda wawasan sendiri perlu diperkuatkan jenteranya. Ibarat, 'perahu sudah di air, pengayuh sudah di tangan, tepuk dada tanyalah selera'.

Justeru, para sisa dan siswi diharap lebih bersedia menghadapi hamparan dunia global yang memerlukan mereka mengejar masa pada masa akan datang. Di samping itu janganlah menjadi seperti kacang lupukan kulit. Apabila berjaya, lupa daratan dan lupa asal usul. Kenanglah budi mereka yang membantu mereka terutama ibu bapa dan para pensyarah.

Tataurus negara tidak semudah tulisan di kertas

GADONG, Rabu, 20 September. - Tataurus negara adalah satu kesenian yang perlu dikuasai terutama sekali ke arah usaha menyatukan warga dan memupuk kesetiaan kepada raja dan negara.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah ibni Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibuddin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzwan menekankan tataurus negara tidak berlaku semudah tulisan di kertas.

"Tataurus negara memerlukan seni urus yang halus - daya tadbir yang canggi, dilaksanakan melalui mekanisme yang berkesan, cekap dan telus; mekanisme tadbir yang tidak menyimpang atau menyeleweng serta jauh dari amalan rasuah," tegas DTYM ketika memberikan ucapata di Majlis Forum

Oleh: Jaafar Ibrahim jaafar.ibrahim@information.gov.bn
Abu Bakar Haji Abdul Rahman bakar.rahman@information.gov.bn

Khas Mengenai Konsep Melayu Islam Beraja yang bertepatan 'Kecemerlangan Institusi Beraja' yang diadakan di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam di sini.

Menurut DTYM, urus tadbir yang lemah menjadi punca keresahan rakyat, urus tadbir yang pincang merosakkan negara dan akhirnya melemahkan raja.

Justeru itu, tegas DTYM adalah menjadi kemestian kepada pentadbir yang dilantik mengurus tadbir negara membuktikan kesetiaan kepada raja dengan melaksanakan tanggungjawab secara amanah, ikhlas, bersempul-gungguh dan komited.

"Itulah bentuk pengorbanan seseorang yang telah terbiyah kepada raja, sumpah setia yang perlu diterjemahkan dengan memastikan kestabilan kerajaan, mewujudkan kemakmuran negara dan menjamin kesejahteraan warga," jelas DTYM lagi.

Dalam ucapata itu, DTYM menjelaskan bahawa kekuatan dan kelemahan seorang raja dipengaruhi oleh kekuatan atau kelemahan mereka yang diberi amanah menjadi pembesar dan penasihat raja.

"Hubungan raja, pembesar, pemimpin dan rakyat perlu dibina secara sihat, di-

suburkan melalui saluran komunikasi yang berkesan.

"Barisan yang diberikan kepercayaan dan tanggungjawab menasihati raja, wajib bersifat ikhlas, arif lagi berilmu, berkata benar betapa pahit sekalipun. Jika jambatan komunikasi yang kukuh dapat dibina, persefahaman dapat diluaskan, hubungan harmoni dapat diarakkan. Insya-Allah, raja akan selamat bertakhta, penuh berdaulat - dikasihi rakyat," jelas Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah.

Peranan utama raja, tegas DTYM adalah memberi kepimpinan, menjadi contoh dan teladan untuk dijadikan pedoman untuk memberikan panduan, untuk disandarkan



DULI Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzwan ketika mengurniakan ucapata yang bertajuk 'Kecemerlangan Institusi Beraja'. - Foto: Halim Haji Sulaiman.



SABDA ALU-ALUAN ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika mengurniakan sabda alu-aluan. - Foto: Halim Haji Sulaiman.

harapan, untuk memberi naungan.

"Raja dihormati, dimuliakan, dinobatkan dan didaulatkan kerana raja diiktiraf memiliki kelebihan dan keistimewaan; tempat rakyat tumpang berteduh, tempat warga dapat berlindung."

Terdahulu dalam ucapata, Duli Yang Teramat Mulia menjelaskan bahawa kepimpinan beraja adalah antara sistem kepimpinan tertua di dunia di mana terdapat lebih 900 takhta kerajaan pada awal kurun ke-19.

Kajian kronologi dan manual genealogi tentang dinasti baru Islam merumuskan terdapatnya 186 kesultanan berpaksikan Islam di antara 632 hingga 1944 Masihi.

Pada hari ini sahaja, menurut DTYM lagi terdapat 193 negara berdaulat merangkumi 192 negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Vatican City. Dari jumlah tersebut, hanya 44 buah negara yang memilih sistem beraja, sementara Vatican City di bawah 'Supreme Pontiff', pemerintah Kerajaan Theocracy yang dikenali dengan gelaran 'pope' yang diiktiraf berstatus ketua negara.

Dari 44 negara beraja, 16 buah daripadanya mengiktiraf Ratu Elizabeth II sebagai Raja Pemerintah di bawah sistem Raja Berperlembagaan. 16 negara lagi mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan, lima sistem Raja Beraja Separa Autonomi dan

tujuh negara mengamalkan sistem Raja Secara Mutlak.

Analisis taburan secara geografi, menunjukkan di kalangan negara yang mempunyai raja, 11 terletak di benua-benua Eropah, tiga di Afrika dan 14 di Asia, sementara enam negara Oceania dan 10 negara terletak di sekitar benua Amerika Utara mengiktiraf Ratu Elizabeth II sebagai Raja Berperlembagaan.

10 buah dari negara yang mengamalkan sistem beraja adalah negara Islam, sembilan di Asia dan sebuah negara di Afrika, lapan daripadanya adalah negara pengeluar minyak.

Memantapkan kecintaan kepada raja

TUNGKU, Rabu, 20 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah bersabda, tidak banyak negara lain di dunia ini mempunyai pendekatan jalinan erat di antara pemimpin dan rakyatnya yang sebanding dengan Negara Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian, sabda DTYM marilah kita sama-sama berusaha ke arah memantapkan kecintaan ke-

pada raja dan mendalamkan kefahaman rakyat terutamanya generasi muda terhadap keindahan serta kesesuaian konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

Dalam masa yang sama DTYM bersabda, kita hendaklah sentiasa menghayati sistem institusi beraja ini dan mudah-mudahan usaha-usaha kita akan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Ben-

dahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Pengerusi Majlis Mesyuarat Adat Istiadat selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi bagi Majlis-majlis Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 bersabda demikian di Majlis Forum Khas Mengenai Konsep Melayu Islam Beraja anjuran Orang-orang Yang

Dikurniai Gelaran di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam UBD di sini.

DTYM seterusnya bersabda, forum khas yang diungayahkan malam itu merupakan salah satu usaha pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk mendukung dan memartabatkan kekukuhan dan keunggulan institusi beraja di negara ini.

Sistem dan institusi beraja yang merupakan sistem kerajaan dan pentadbiran

negara sejak zaman-berzaman dari dahulu hingga sekarang sabda DTYM secara berterusan menunjukkan daya tahan sistem tersebut dalam menjaga kedaulatan, kepentingan dan kesejahteraan negara ini dan sekalian rakyat serta penduduk yang bernaung di bawah sistem tersebut.

"Konsep negara iaitu Melayu Islam Beraja adalah berasaskan kepada ciri-ciri beraja yang mana ianya mencerminkan nilai-nilai kebu-

dayaan Melayu Brunei, kemurnian adat istiadat Brunei, keunggulan agama Islam serta kedaulatan raja sebagai pemimpin tertinggi dan payung kepada negara," sabda DTYM.

DTYM menegaskan forum yang bertepatan 'Melayu Islam Beraja Konsep Negara,' tersebut adalah sangat sesuai dan tepat pada masanya untuk menyediakan satu wadah bagi rakyat mem-

berikan tumpuan ke arah kekukuhan dan keunggulan institusi beraja dalam konteks dunia moden yang membawa banyak cabaran kepada kebudayaan serta cara hidup.

Untuk melihat betapa unikny sistem beraja di negara ini DTYM berpendapat kita hanya perlu menjuruskan pandangan ke arah keceratan hubungan di antara raja dan rakyat iaitu rakyat setia - raja adil dan saksama.



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Majlis Malam Anugerah BICTA 2006.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berangkat di Majlis Malam Anugerah BICTA 2006.

DYTM berangkat kurniakan Anugerah BICTA 2006

GADONG, Selasa, 19 September - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan Anugerah Teknologi Infokomunikasi Brunei (BICTA) 2006.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia selaku Penaung Diraja BICTA di Majlis Malam Anugerah BICTA dijunjung oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar yang berlangsung di Rizqun International Hotel di sini.

Dalam sembah alu-aluannya, Menteri Perhubungan selaku Penaung BICTA 2006 menyeru para pemenang yang akan mewakili negara ke Anugerah Teknologi Infokomunikasi Asia - Pasifik (APICTA 2006) pada 2 November hingga 5 November tahun ini di Macau supaya meningkatkan serta memperbaiki kualiti tahap inovasi dan kreativiti produk mereka.

Yang Berhormat seterusnya menyarankan supaya mereka menambah kemahiran berkomunikasi dan persembahan serta mempelajari strategi pemasaran yang efektif agar dapat bersaing dengan para peserta dari negara-negara

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

Foto : Masri Osman, Ampuan Haji Mahmood
Ampuan Haji Tengah

lain.

Anugerah BICTA dihasratkan untuk menjadi landasan bagi menjana inovasi, kreativiti dan kecermerlangan dalam bidang teknologi infokomunikasi (ICT) serta menjadi wadah untuk menilai dan membuat sukat-sukat bagi pendedahan produk, aplikasi dan penyelesaian hasil tempatan dalam bidang ICT, di peringkat kebangsaan dan serantau.

Anugerah tersebut juga sebagai mengiktiraf pencapaian terbaik individu, pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana dalam bidang ICT dan institusi-institusi pendidikan serta pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan perkembangan ICT di negara ini.

Sebanyak 13 kategori dipertandingkan dalam BICTA 2006 meliputi empat domain iaitu kerajaan, industri, pendidikan dan pengguna serta tiga kategori bagi golongan pelajar iaitu Tertiary Student Project, Secondary Student Project dan Primary Student Project yang telah dipertandingkan di bawah INFORAMA yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan.

Tahun ini BICTA mem-

perkenalkan Anugerah Penaung Kurnia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

WestEgret Technology & Services Sendirian Berhad dengan produk Pink Point Payment Card, Mobile Payment System dan Community SMS, di mana produk mereka dipilih sebagai produk terbaik bagi keseluruhan kategori yang dipertandingkan telah berjaya membawa pulang Anugerah Penaung dan juga merupakan pemenang bagi Kategori 'Start-up Companies'.

Manakala CfBT Education Services (B) Sendirian Berhad muncul pemenang bagi Kategori Pendidikan dan Latihan, eSuria Mentari Systems Sdn. Bhd. pula memenangi Kategori e-Kerajaan dan Perkhidmatan, Fusion - Dalplus Technologies memenangi Kategori Aplikasi Perindustrian, Rumbian Nation menjuarai Kategori Penyelidikan dan Perkembangan.

Sekolah St. Georges' berjaya membawa pulang dua anugerah bagi Kategori Projek Pelajar Sekolah Menengah dan juga Projek

Murid Sekolah Rendah, sementara peserta-peserta yang diberi Sebutan Khas (Special Mention), Sekolah Rendah Amar Pahlawan bagi Kategori Pendidikan dan Latihan, Awang Haji Mohidin bin Haji Mus dan Dayang Marsita Omar dalam Kategori Kesihatan, BAG Networks Sdn. Bhd. bagi Kategori e-Kerajaan dan Perkhidmatan, Bsearch Company untuk Kategori Aplikasi Umum.

Maktab Kejuruteraan Jefri Bolikah memperolehi Sebutan Khas untuk dua hasil kerja di bawah Kategori Projek Institut Pengajian Tinggi, sementara Sekolah Menengah Sayyidina Othman dan Maktab Sain Paduka Seri Begawan Sultan untuk Kategori Projek Penuntut Sekolah Menengah, manakala Sekolah Rendah Dato Marsal dan Sekolah Rendah Masin dipilih sebagai pemenang bagi Projek Murid Sekolah Rendah.

Anugerah Bakat Tempatan disandang oleh Awang Haji Mohidin dan Dayang Marsita Omar dengan hasil mereka yang bernama 'BhealSys' sebagai pengusaha yang merupakan pemenang dari sudut penglibatan dan pengetahuan bakat dan inovasi anak-anak tempatan.

Di majlis tersebut, DYTM telah berkenan menerima pesambah daripada Yang Berhormat Menteri Perhubungan.



DYTM ketika menyempurnakan pengurniaan Anugerah BICTA kepada CfBT Education Services (B) Sendirian Berhad yang muncul pemenang bagi Kategori Pendidikan dan Latihan (atas).

DYTM ketika menyempurnakan pengurniaan Anugerah Penaung kepada WestEgret Technology & Services Sendirian Berhad yang mana produk mereka dipilih sebagai produk terbaik bagi keseluruhan kategori (kiri).



DYTM ketika berkenan menyempurnakan pengurniaan Anugerah BICTA kepada salah sebuah sekolah rendah yang mengambil bahagian.



DYTM ketika berkenan menerima junjung ziarah daripada para pemenang Anugerah BICTA 2006 sebelum berangkat meninggalkan majlis.



DYTM berkenan bergambar ramai bersama Menteri-menteri Telekomunikasi dan IT ASEAN yang menghadiri mesyuarat tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan, wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat merasmikan Mesyuarat ASEAN TELMIN Keenam.



DYTM berkenan melancarkan Mesyuarat ASEAN TELMIN Keenam.



DYTM berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat ASEAN TELMIN Keenam (atas). Sementara gambar bawah, DYTM merakamkan sikap ramah mesra ketika disembahkan bersama Menteri-menteri Telekomunikasi dan IT ASEAN yang menghadiri mesyuarat tersebut.



Rasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi, IT ASEAN Keenam

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

saidah.omaralli@information.gov.bn

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Masri Osman

BERAKAS, Isnin, 18 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan, wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bercemar duli ke Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi dan IT ASEAN Keenam (6th ASEAN TELMIN). Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar; Timbalan Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusoff; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Ibrahim dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Majlis. Juga menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia, Menteri-menteri Telekomunikasi dan IT ASEAN.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Menteri Perhubungan yang antara lain menyentuh kemajuan ASEAN TELMIN yang sedang

bersidang di negara ini.

Yang Berhormat menyempahkan usaha-usaha ke arah mencapai kemajuan dan kerjasama dalam pembangunan teknologi infokomunikasi ICT termasuk penggunaan ICT dalam meningkatkan rangka kerja latihan e-pembelajaran.

Menurut Yang Berhormat pada 1 April lepas industri ICT Brunei Darussalam mencapai sejarah dengan pengkorporatan Jabatan Telekom Brunei dan penubuhan pihak berkuasa bagi Info komunikasi (IT) sebagai badan pengawal yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat seterusnya berkata ASEAN TELMIN telah mencapai kemajuan signifikan. Dengan kesefahaman peringkat menteri terhadap kerjasama ASEAN dalam teknologi perhubungan dan maklumat di Mesyuarat ASEAN TELMIN yang pertama, para menteri mengikrarkan komitmen terhadap perkongsian dalam dasar perkembangan bagi pelaksanaan pelbagai program dalam pelbagai bidang kerjasama termasuk mengukuhkan kerjasama dan pendekatan bersama dalam menangani isu perhubungan dan IT bagi kepentingan bersama.

Ketika TELMIN semakin berkembang, menurut Yang Berhormat langkah berterusan diambil secara berperingkat. ASEAN TELMIN kedua di Manila telah meletakkan hala tuju bagi kumpulan kerja ASEAN TELMIN ke arah memajukan aspirasi Menteri-menteri ASEAN.

Yang Berhormat menambah ASEAN TELMIN juga menyeru bagi dilaksanakan pelbagai inisiatif ke arah pembangunan masyarakat ekonomi ASEAN yang saling berkait dan gigih. Dengan penandatanganan Perjanjian Rangka Kerja e-ASEAN dan Pelan Tindakan Vientiane, ASEAN TELMIN terus mengukuhkan pelaksanaan pelbagai tindakan untuk mempromosi perkhidmatan dan aplikasi on-line.

Paling penting kata Yang Berhormat, ASEAN TELMIN telah menubuh-

kan Dana ICT ASEAN yang melibatkan setiap negara anggota akan menyumbangkan sama rata sebanyak AS\$ 0.5 juta bagi tempoh lima tahun bagi mempercepatkan pelaksanaan program kerja ICT ASEAN.

Mesyuarat bertemakan 'Meningkatkan Saingan ICT: Pembangunan Kapasiti'. Tema tersebut menggariskan kepentingan pembangunan kapasiti khususnya dalam aspek ICT, penerapan ICT di dalam pendidikan dan latihan serta menjana kepakaran dan kemahiran di dalam bidang tersebut.

Kerjasama yang berterusan ke arah perkembangan dan kemajuan bidang itu akan memberi manfaat kepada industri ICT khususnya dan ekonomi ASEAN secara amnya. Mesyuarat tersebut juga dijangka akan mengesahkan beberapa projek dan aktiviti yang akan dibiayai di bawah Dana ICT ASEAN.

Di majlis tersebut Duli Yang Teramat Mulia berkenan melancarkan Mesyuarat ASEAN TELMIN Keenam serta berkenan menerima pesambah yang disemahkan oleh Menteri Perhubungan.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid. ASEAN TELMIN ditubuhkan untuk menjana dan mengeratkan hubungan kerjasama di dalam sektor ICT di kalangan negara ASEAN. Mesyuarat dua hari itu di-pengerusi oleh Menteri Perhubungan memfokuskan kepada isu keselamatan siber, pembinaan keupayaan, rangkaian perisian virtual dan mempelbagaikan bahasa.

Mesyuarat ASEAN TELMIN bertujuan untuk mencapai kerjasama bagi meningkatkan perkembangan sektor telekomunikasi dan ICT di dalam rantau ASEAN. Selain itu mesyuarat tersebut juga berhasrat untuk menggalakkan para penduduk di rantau ini menggunakan ICT di dalam kehidupan harian mereka dan menjadikannya sebagai alat yang membolehkan

mereka mencapai potensi mereka sepenuhnya serta meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Selain itu TELMIN juga berhasrat untuk memudah cara transaksi perniagaan di kalangan para sektor swasta di rantau ini. Kerjasama yang dibentuk ini juga merangkumi isu-isu keselamatan serta infrastruktur maklumat. Secara keseluruhannya objektif ASEAN TELMIN mendukung sepenuhnya aspirasi para Ketua-ketua ASEAN untuk mencapai Masyarakat ASEAN pada tahun 2020. Terdapat tiga asas penting di dalam Masyarakat ASEAN iaitu Masyarakat Keselamatan ASEAN, Masyarakat Ekonomi ASEAN dan Masyarakat Sosio-budaya ASEAN.

Idea mengadakan mesyuarat tersebut terbit daripada Menteri Perhubungan yang terdahulu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria. Beliau menyuarakan cadangan beliau untuk mengadakan satu forum bagi membincangkan bersama perkembangan sektor telekomunikasi dan IT rantau ASEAN kepada Menteri-menteri ASEAN semasa bermesyuarat di Cancun, Mexico pada tahun 1999.

Mesyuarat ASEAN TELMIN bersidang setiap tahun dan Negara Brunei Darussalam buat kali pertama menjadi tuan rumah bagi persidangan tersebut. Mesyuarat turut bersidang dengan rakan dialog daripada Republik Rakyat China, Republik Korea, Jepun dan India. Selain itu mesyuarat juga turut berinteraksi dengan sektor swasta di dalam bidang tersebut melalui penglibatan Timur ASEAN Perniagaan Kouncil (e-ERC).

Mesyuarat dihadiri oleh Menteri-menteri Telekomunikasi dan ICT ASEAN, pegawai-pegawai kanan dan para perwakilan dari sektor swasta serta rakan negara dialog. Mesyuarat turut memberi ruang untuk penyertaan para belia ASEAN melalui Forum ASEAN e-Belia.

Berangkat menghadiri Perhimpunan Agung PBB Sesi Ke-61 di New York



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat tiba di New York.

Laporan:
**Haji Ahmad
Haji Salim**
ahmad.salim@
information.gov.
bn
dari New York

Foto:
Ramli Tengah

DYTM berangkat
menghadiri santap
tengah hari Menteri-
menteri ASEAN. (ka-
nan)



Bincang pencalonan ke badan-badan PBB

Berangkat ke Majlis Resepsi dari Presiden Amerika Syarikat

NEW YORK, Selasa, 19 September.- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah telah berangkat ke Majlis Resepsi yang diberikan oleh Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama George W. Bush dan Puan Laura Bush yang berlangsung di salah sebuah hotel di sini.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berangkat tiba di sini bagi menghadiri Sesi Ke-61 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA).

Sepanjang berada di

sini, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda di perhimpunan dunia Sesi Ke-61 di Dewan Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang dijadualkan pada hari Jumaat ini.

Sesi Ke-61 Perhimpunan Agung PBB yang bermula 19 hingga 26 September membincangkan oleh para perwakilan 192 negara ahli PBB yang tertumpu mengenai isu-isu antarabangsa antaranya ialah program pengurangan nuklear Iran, mengenai Lubnan, mengenai proses keamanan di Timor Tengah, mengenai krisis di Darfur serta keselamatan yang meruncing di Afghanistan, strategi global serangan pengganas dan prospek terhadap pemilihan di Ivory Coast.



DYTM berangkat menghadiri Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Luar ASEAN yang membincangkan beberapa perkara yang menjadi perhatian ASEAN. Mesyuarat berlangsung di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

NEW YORK, Jumaat, 22 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan telah berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Luar ASEAN yang berlangsung di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini.

Mesyuarat tersebut telah membincangkan beberapa perkara yang menjadi perhatian ASEAN termasuk pencalonan negara-negara ASEAN ke badan-badan PBB.

Di mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Menteri Luar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Alberto G. Romulo, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN (ASC).

Pada sebelah tengah-hari, Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari Menteri-Menteri ASEAN bagi menghormati Presiden Perhimpunan Agung Sesi Ke-61, Puan Yang Terutama Sheikh Haya Rashed Al-Khalifah.

Turut hadir di majlis itu ialah Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama Kofi Annan.

Manakala di sebelah malam, Duli Yang Teramat Mulia berkenan bersabda dalam sesi Perdebatan Umum Perhimpunan Agung PBB Sesi Ke-61 mengenai cadangan pembaharuan organisasi tersebut.

Cadangan itu bukan sahaja melibatkan pembaharuan pentadbiran tetapi dapat mempersiapkan PBB bagi mengatasi cabaran-cabaran abad ke 21.

Lawatan kerja pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan ke Sabah

ROMBONGAN seramai 25 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam telah membuat lawatan kerja ke Jabatan Penerangan Sabah, Malaysia pada 5 September hingga 8 September lepas.

Rombongan ini diketuai oleh Awang Haji Yusof bin Haji Ladi, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan. Lawatan ini bertujuan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Jabatan Penerangan dengan memberikan pendedahan kepada pegawai dan kakitangannya tentang bidang tugas dan aktiviti Jabatan Penerangan Malaysia khususnya di Sabah.

Lawatan dimulakan dengan lawatan ke Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Sabah, dengan dialu-alukan oleh Pengarah Penerangan Sabah, Haji Almain bin Ajirul dan diberikan taklimat oleh Penolong Pengarah Cawangan Komuniti BESTARI, Jabatan Penerangan Sabah, Haji

Mohd. Taib bin Haji Ubah mengenai struktur, latar belakang dan bidang tugas Jabatan Penerangan Sabah.

Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab mengenai pentadbiran dan aktiviti-aktiviti jabatan tersebut juga telah diadakan. Lawatan ini bertujuan untuk mengetahui dan melihat secara dekat pengurusan dan aktiviti-aktiviti Jabatan Penerangan Negeri Sabah. Disamping itu juga, ianya juga memberikan peluang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kedua-dua belah pihak untuk berinteraksi dan bertukar pendapat mengenai bidang tugas masing-masing.

Rombongan itu juga berkesempatan melawat ke Kota Marudu di utara Sabah untuk melihat dengan lebih dekat lagi hasil daripada satu program Jabatan Penerangan Sabah yang dinamakan Komuniti BESTARI. Program ini berperanan untuk meningkatkan lagi barisan kepimpinan di peringkat akar umbi dan sebagai kaedah me-

Oleh: Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

nyalurkan maklumat kepada masyarakat di Sabah.

Di samping itu juga, rombongan Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam telah berpeluang untuk melawat Sekolah Pengajian Seni dan Sekolah Sains Sosial

di Universiti Malaysia Sabah untuk mengetahui serba sedikit tentang program-program akademik yang dilaksanakan terutamanya program-program akademik yang relevan dan berhubung kait dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan

Negara Brunei Darussalam.

Majlis Jamuan Makan Malam dan Perlawanan Persahabatan Boling juga telah diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dan kerjasama di antara Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Penerangan Sabah, Malaysia.

Lawatan ini merupakan

salah satu usaha Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kapasiti pegawai-pegawai dan kakitangannya dan sentiasa peka tentang cara pengurusan, pengendalian program dan aktiviti jabatan dalam kerja seharian.

Menurut Ketua Rombongan, Awang Haji Yusof bahawa

lawatan serupa ini akan diteruskan pada masa-masa akan datang. Hasil lawatan ini akan dijadikan sebagai sukat-sukat dalam membuat perancangan masa hadapan ke arah meningkatkan lagi kecemerlangan dan kecekapan Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam dalam mencapai objektif dan peranan jabatan tersebut.



ROMBONGAN pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang diketuai oleh Awang Haji Yusof bin Haji Ladi, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan ketika membuat lawatan di Komuniti BESTARI Penerangan Sabah di Kota Marudu Utara Sabah. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah berkenan berangkat untuk menyaksikan pameran sempena Hari Pelanggan Dewan Bahasa dan Pustaka. - Foto: Hennie Suliana Haji Othman.

Berangkat melawat pameran

Oleh: Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

BERAKAS, Rabu, 20 September. - Cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah berkenan berangkat untuk menyaksikan pameran sempena Hari Pelanggan Dewan Bahasa dan Pustaka hari ini.

Keberangkatan tiba Yang Amat Mulia dan rombongan seramai 84 orang murid dari Sekolah Yayasan Sultan Haji Has-

sanul Bolkiah di jabatan tersebut dijunjung oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim bin Bakar.

Sejurus kemudian Yang Amat Mulia dan rombongan termasuk beberapa orang guru dijunjung berangkat menyaksikan pameran mengenai dengan perkhidmatan-perkhidmatan dan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka termasuk pameran buku-buku terbitan jabatan berkenaan.

Penubuhan Pusat Inovasi SME dan Penyelidikan ICT perlu dilaksanakan

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman bakar.rahman@information.gov.bn

GADONG, Selasa, 12 September. - Penubuhan Pusat Inovasi SME dan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Teknologi Informasi Komunikasi (ICT) adalah perlu dilaksanakan di negara ini.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar, berkata kementerannya mengalu-alukan usaha yang dilaksanakan ini akan dapat mendukung dan mempercepatkan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke arah menjana perkembangan industri ICT di negara ini dan menonjolkan jenama buatan Brunei di peringkat serantau dan antarabangsa.

"Setentunya perkara ini jelasnya memerlukan sokongan dan komitmen yang berterusan di mana pihak-pihak tertentu perlulah menyediakan bimbingan dan galakan yang bersesuaian malah kementerannya mengalu-alukan penubuhan 'SME Innovation Centre' dan Pusat Penyelidikan dan Perkembangan ICT," jelasnya di Majlis Pelancaran Rasmi Pameran Anugerah

Teknologi Infokomunikasi Brunei (BICTA) 2006, di Rizqun International Hotel di sini.

Menteri Perhubungan berpendapat dengan kebolehan dan kemampuan yang kita ada menerusi BICTA ini, kita perlu merubah paradigma ini untuk melahirkan masyarakat pencipta dan inovatif yang mampu memasarkan ciptaannya, di samping memberi dorongan, galakan serta bimbingan bagi mengangkat hasil ciptaan seumpama ini menjadi 'intellectual property' (IP) yang boleh dikomersialkan.

Perkara ini tegasnya bukanlah suatu yang mustahil dan tidak juga merupakan impian semata-mata kerana kita telah menyaksikan kejayaan di beberapa buah negara yang mampu membuat transformasi dalam aktiviti ekonomi mereka dengan menjadikan ICT sebagai industri yang boleh membantu pertumbuhan ekonomi mereka.

Ke arah itu, Yang Berhormat menyeru agar usaha berterusan diusahakan dengan segera untuk me-

mastikan produk-produk yang dihasilkan mempunyai nilai komersial yang tinggi supaya ianya dapat digunakan dan mempunyai daya saing dan boleh dipasarkan bukan hanya untuk dalam negeri malah luar negara.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat berpuas hati dalam tempoh satu dekad perkembangan sektor teknologi informasi komunikasi (ICT), sangat menggalakkan sama ada dari segi tahap literasi ICT mahupun penggunaannya dalam sektor kerajaan, swasta dan pihak persendirian malah mampu menaiki perkembangan dan kemajuannya.

Jelas Yang Berhormat, BICTA yang diwujudkan sejak tiga tahun yang lalu telah banyak menghasilkan produk-produk ICT ciptaan tempatan yang berpotensi dan boleh dikomersialkan namun adalah wajar untuk dinilai sejauh mana BICTA telah dapat menjana kemajuan dan mendorong daya kreatif dan inovatif ICT tersebut.

"Berapakah jumlah hasil ciptaan yang telah diangkat oleh pengusaha-pengusaha



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar. - Foto: Halim Haji Sulaiman.

ICT untuk menjadi business enabler?" "Apakah masalah yang menjadikan kemajuan dalam bidang ini tidak mencapai tahap yang diharapkan?" tegas Yang Berhormat.

Justeru itu jelas Yang Berhormat kita perlu menilai dan mengenal pasti akan masalah-masalah ini, kerana jika tiada daya kreatif dan inovatif yang dilahirkan menerusi pertandingan ini akan berakhir di penghujung jalan pameran ini sahaja malah dengan demikian negara ini akan selamanya berada di tahap di mana kita akan selamanya menjadi pengguna.

Hari Perkhidmatan Awam huraikan ekspektasi orang ramai

BERAKAS, Sabtu, 23 September. - Ekspektasi orang ramai yang kian meningkat terhadap pemberian Perkhidmatan Awam 'Public Service Delivery', di samping gelombang perubahan yang dibawa arus globalisasi dan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) merupakan di antara cabaran hebat yang dihadapi oleh Perkhidmatan Awam (PA) di negara ini.

Bagi memberi kesefahaman kepada orang ramai mengenai usaha pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi kelancaran dan keberkesanan pemberian PA di negara ini melalui pelbagai proses peningkatan dan jaminan kualiti kerja maka sambutan Hari Perkhidmatan Awam telah diwujudkan.

"Kita juga harus sama-sama memahami bahawa proses-proses ini adalah di antara beberapa perkara dalam perjalanan kita ke arah kecemerlangan dalam perkhidmatan," jelas Pengarah Pembangunan Pengurusan yang juga Setiausaha Jawatankuasa Eksekutif Sambutan Hari PA Kali Ke-13, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Muhammad Hussain

Oleh: Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn

pada Sidang Media persiapan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-13, di Jabatan Perkhidmatan Awam, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dijangka akan berkenan berangkat menjadi tetamu kehormat majlis kemuncak HPA yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini pada 30 September, nanti.

HPA telah dipilih setiap 29 September bagi mengambil sempena detik bermulanya perlembagaan bertulis negara ini, bagaimanapun sambutan ke-13 ini akan diadakan pada kesokan harinya.

HPA merupakan peluang untuk semua warga PA untuk membaharui ikrar dan azam untuk sentiasa taat kepada raja selaku pemimpin; patuh melaksanakan kehendak dan dasar-dasar kerajaan; undang-undang negara; peraturan dan arahan kerja; sentiasa memelihara dan meningkatkan martabat kewibawaan; kecemerlangan; sentiasa berusaha

meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja; berkhidmat berasaskan keadilan serta amanah untuk agama, bangsa, kerajaan dan negara.

"Perkhidmatan Awam Mesra Pelanggan" menjadi tema sambutan tahun ini yang diharap menjadi satu sandaran untuk semua warga PA untuk melangkah ke hadapan agar lebih 'customer-focus' ataupun 'citizen centric' dalam pendekatan dan bukan lagi mengutamakan kepentingan agensi.

Tema HPA itu juga menekankan kepada pemberian perkhidmatan yang berteras dan berasaskan kepada pelanggan iaitu perkhidmatan yang cekap, berkesan, telus, pemedulian dan bersopan santun.

"Adalah diharap tema ini akan dapat merubah 'mind-set' warga PA supaya bersifat lebih mesra pelanggan, lebih cekap, lebih efisien, lebih tekun, lebih telus dan lebih bertanggungjawab," jelas Setiausaha Jawatankuasa Eksekutif Sambutan HPA.

Lebih dari itu, tema berkenaan dipilih sebagai menyokong hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sentiasa memperbaiki mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai selaku pelanggan kepada agensi-agensi kerajaan.

Dengan membudayakan sikap mesra pelanggan itu diharap akan dapat merapatkan jurang di antara ekspektasi pelanggan dengan perkhidmatan yang disampaikan oleh PA, di samping dapat mengurangkan aduan-aduan mengenai ketidakpuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan sekali gus dapat menaati dan mempertingkatkan integriti dan beribawa PA selaku jentera pentadbiran negara dalam meningkatkan kualiti kehidupan negara darussalam sentiasa aman, makmur dan sejahtera.

Kemuncak sambutan HPA ke-13 bakal menyaksikan penganugerahan Anugerah Cemerlang PA bagi tahun 2006 sementara kira-kira 1,518 pegawai kerajaan yang telah bersara dari pelbagai bahagian akan menerima

sijil persaraan mereka.

Satu mini pameran yang berasaskan Hari Pelanggan yang akan disertai oleh kesemua kementerian-kementerian akan mempamerkan produk masing-masing, di samping sesi Bersama Pelanggan juga dibukakan kepada orang ramai di gerai pameran berkenaan.

Sementara itu, pihak penganjur juga merangka acara sektoral bagi termasuk Majlis Bertahli di Kubah Makam Diraja, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Khas di masjid-masjid utama di keempat-empat daerah.

Konvensyen Kebangsaan Pertama PA juga akan dianjurkan yang akan melibatkan Setiausaha Tetap dan ketua jabatan yang akan menjadi panel bagi menyampaikan mengenai PA dengan memfokuskan pengalaman dan pengetahuan berhubung kait dengan warga PA.

Selain sambutan yang akan diadakan di kesemua daerah, aktiviti sektoral sambutan HPA yang lain termasuklah Anugerah Cemerlang Kaunter PA, Anugerah Cemerlang Laman Web Kerajaan dan Pertandingan Kuiz PA.

Manakala beberapa acara sukan seperti walkaton, cabaran mendaki Bukit Shahbandar, perlantikan bola tampar, ping-pong, dart dan sepak takraw bakal menarik minat semua warga PA sekali gus memeriahkan lagi sambutan kali ke-13 itu nanti.

Kontinjen kedua IMT selamat pulang

Oleh: Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

RIMBA, Sabtu, 9 September. - Seramai 10 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dari kontinjen kedua Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) selamat kembali ke tanah air dari Republik Filipina setelah selesai melaksanakan tugas mereka di sana.

Kontinjen kedua IMT Negara Brunei Darussalam itu diketuai oleh Leftenan Kolonel Haji Jol Jublee bin Haji Bangkol.

Hadir sama bagi meraikan kontinjen tersebut ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff.

Kontinjen kedua tersebut mula menjalankan tugas mereka di Cotabato Mindanao, Republik Filipina pada bulan September 2005, mereka terdiri dari Leftenan Kolonel Haji Jol Jublee bin Haji Bangkol, Mejar Haji Mohd. Norfahsain bin Haji Abd. Karim, Mejar Haji Abd. Razak bin Abd. Kadir, Kapten Hairin bin Jafar@Ghaffar, Kapten P. Aedee Masjafrin bin Pg. Haji Mohd. Jaafar, Kapten Amirul Adly bin Haji Ali, Kapten Mohamad Hanafi Azami bin Nayan, Pegawai Warrant 2 (U) Haji Ibrahim bin Haji Adam, Koperlah Muhd. Azizan bin Muhd. Redzuan dan Koperlah (L) Aliuddin bin Haji Sarbini.



PENGARAH Pembangunan Pengurusan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Muhammad Hussain pada Sidang Media persiapan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-13 di Jabatan Perkhidmatan Awam. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.





BAGINDA bersama-sama Orang-orang Yang Dikurniai Gelaran ketika merakamkan gambar kenangan sejeurus selepas Forum khas berakhir.

zuan Raja Dr. Nazrin Shah yang bertajuk 'Kecemerlangan Institusi Beraja'.

Forum dipengerusikan oleh Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid dengan empat orang panel iaitu Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dengan tajuk 'Raja dan Islam Dalam MIB',

Profesor Emeritus Dato Dr. Khoo Kay Kim dari Malaysia dengan tajuk forum 'Institusi Beraja dalam Tamadun Melayu'; Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim dengan tajuk 'Nilai-nilai Luhur dan Adat Istiadat Dalam MIB' dan Yang Arif Datin Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka

Haji Awang Mohd. Salleh dengan tajuk forum 'Melayu Islam Beraja Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam'.

Manakala Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain selaku pengulascara membawakan tajuk 'MIB Asas Kesejahteraan'.

Di akhir forum Kebawah Duli Yang Maha

Mulia telah berkenan meninggalkan cenderamata kepada Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Dr. Nazrin Shah berserta peserta forum yang lainnya.

Sebelum meninggalkan majlis, baginda berserta ahli kerabat yang lain berkenan merakamkan kenangan dengan sesi bergambar ramai bersama orang-orang yang dikurniai gelaran.



YANG Arif Datin Paduka Hajah Hayati yang merupakan salah seorang panel forum ketika menerima cenderamata yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



FORUM Khas mengenai Konsep MIB dipengerusikan oleh Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid dengan empat orang panel iaitu Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dengan tajuk 'Raja dan Islam Dalam MIB', Profesor Emeritus Dato Dr. Khoo Kay Kim dari Malaysia dengan tajuk forum 'Institusi Beraja Dalam Tamadun Melayu'; Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim dengan tajuk 'Nilai-nilai Luhur dan Adat Istiadat Dalam MIB' dan Yang Arif Datin Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Salleh dengan tajuk forum 'MIB Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam', sementara itu Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain selaku pengulascara membawakan tajuk 'MIB Asas Kesejahteraan' (bawah kiri).



HALUAN

Bismillahir Rahmanir
Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULIL-LAH, dengan izin Allah, dapatlah kita menghadiri majlis yang saya anggap sebagai satu majlis sangat penting kerana ia berkait langsung dengan perkara yang sangat penting pula iaitu ibadat sembahyang.

Insyaa-Allah, majlis ini akan diisi dengan ilmu mengenainya. Ilmu ini adalah nur atau cahaya yang akan bertindak menerangi orang-orang yang sedia menghayatinya.

Walaupun ini mungkin sebagai urusan dari majlis-majlis seperti yang pernah diadakan, namun ia tetap bermanfaat dan berguna, bahkan menjadi tazkirah kepada orang-orang yang sedia berilmu dan orang-orang yang kurang berilmu mengenainya. Ia akan menyegarkan dan menyuburkan terus ingatan orang berilmu dan menyiram basah orang yang kurang berilmu. Mandi dengan ilmu adalah 'mandi rahmat'. Kerana ilmu yang dijeruk atau yang dipendam yang tidak dimuthala'ah atau diulang-ulang boleh sahaja akan layu atau padam. Kerana itu ulama telah menyebut bahawa hidupnya ilmu itu adalah dengan muthala'ah dan muzakarah serta mengulang-ulangnya. Bertambah kerap ia diulang bertambah mantap dan bertambah matangnya ia.

Sebagai contoh, cuba kita perhatikan berapa ramai orang yang memiliki ilmu membaca Al-Qur'an semasa kecilnya tetapi oleh kerana tidak suka mengulang atau tidak membacanya selalu-selalu sehingga ke dewasanya, maka ilmu itu akan layu dan lemah. Begitu pula juga berapa banyak lain-lain ilmu yang pernah dipelajari tetapi oleh kerana tidak pernah diulang, tidak pernah didegar semula, maka ilmu itu mungkin sahaja akan layu, lemah dan malap.

Jadi berdasarkan ini, majlis kita pada hari ini tidak diragukan lagi adalah sangat relevan dan penting.

Kemudian dari sudut lain, kita akan tetap mendapatinya selaku ibadat yang paling menentukan.

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya, "Sesungguhnya apa yang mula-mula sekali akan dikira dari amalan hamba pada Hari Kiamat ialah amalan sembahyangnya. Jika sembahyang itu baik, maka dia beruntung dan selamat. Jika sembahyangnya rosak, dia miskin dan rugi."

Hadis ini mengisytiharkan bahawa ibadat sembahyang adalah asas penyelamat manusia dan penyelamat kepada ibadat-ibadatnya yang lain. Di dalam hadis lain, ia juga disebut sebagai 'tiang'. Tidakkah asas dan tiang itu penting mengikut adat dan logik akal? Sebagai asas dan tiang, ia mesti wujud dan tegak. Maknanya, tanpa

asas dan tiang ini, agama roboh. Dan begitu juga, kalau asas dan tiang tidak baik akan menjelaskan perkara-perkara lain yang berkaitan.

Kerana itulah, kerana ia adalah asas dan tiang yang mesti tegak, maknanya manusia sejak kecil dan men-tah lagi mestilah diasuh dan dibekalkan dengannya.

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya, "Kamu suruhlah anak-anak kamu sembahyang dalam usia sepuluh tahun."

Persoalan yang timbul di sini ada dua:

Pertama - Adakah kita sudah menaruh seruan supaya menyuruh anak-anak sembahyang? Adakah kita sudah pernah menyuruh dan melatih anak-anak kita sembahyang? Jika sudah, alhamdulillah.

Kedua - Adakah, atau siapakah yang sudah pernah bertindak memukul anak kerana tidak mahu sembahyang pada hal dia (anak itu) sudah berumur sepuluh tahun? Siapa yang pernah? Berapa ramai ibu bapa Islam yang melakukannya? Dalam seribu berapa orang? Berapa peratus? Berbanding dengan ibu bapa yang memukul anak-anak mereka hanya kerana sebab-sebab biasa yang remeh-temeh seperti memukul kerana ponteng sekolah cuma sehari saja, memukul kerana gagal ujian dan sebagainya. Tetapi pukul kerana tidak mahu sembahyang, tidak mahu melakukan perintah asasi ini, wallahu'alam.

Di hadapan Allah biarlah saya mengaku, bahawa sehingga setakat ini, umur saya sudah enam puluhan, namun pernah walau sekali pun, saya melihat kanak-kanak dipukul kerana tidak mahu sembahyang. Saya tak tahulah para Ashhab As-Samahah yang lain dan juga hadirin sekalian.

Ini pasal anak-anak dengan sembahyang, saudara! Kita semua patut risau. Jangankan kita risau, hanya kerana dunia kita belum cukup. Wang belum banyak, kita risau. Rumah masih bocor, kita risau. Kereta hanya sebuah mahu tambah lagi, kita risau. Tetapi anak-anak tidak sembahyang kita tidak risau. Anak-anak dengan sembahyang kita tidak risau.

Orang mungkin akan bantah saya, buat apa nak risau-risau, bukankah kita ada sekolah? Cukuplah dengan ada sekolah, mereka itu pasti akan pandai juga, pasti akan sembahyang juga.

dara, apabila saudara sebut pasal sekolah, kita tidak nafi, peranan sekolah memang diakui, memang besar dan sangat penting. Tetapi pada era hari ini, sekolah juga adalah tidak 'kebal' dari pengaruh-pengaruh: Pengaruh-pengaruh budaya yang bermacam-macam. Ada pengaruh budaya lekak, ada pengaruh budaya samseng, ada pengaruh budaya seks bebas, ada pengaruh budaya dadah dan termasuklah ada pengaruh budaya tidak pandai membaca Al-Qur'an dan pengaruh budaya tidak sem-

SEMPAHIYANG PENYELAMAT MANUSIA

bahyang atau tidak pandai sembahyang.

Suara saya ini, seperti aneh sahaja kedengarannya. Tetapi percayalah! Ini bukan terbit dari angangan saya. Bukan terbit dari ramalan-ramalan kosong yang tidak berasas. Tetapi saya membaca, alhamdulillah.

Baru-baru ini, sebuah akhbar luar negeri, keluaran 21 Mei 2006, telah mendedahkan satu data: Lebih dari 51,000 (lima puluh satu ribu) daripada jumlah seramai 149,000 (seratus empat puluh sembilan ribu) iaitu kira-kira tiga puluh empat peratus, pelajar-pelajar tahun dua hingga enam di salah sebuah negeri di Semenanjung Malaysia, didapati tidak tahu cara-cara sembahyang. Ini termasuklah tidak pasti berapa rakaat tiap-tiap sembahyang lima waktu dan juga tidak lancar membaca Al-Faatihah... Sama ada tidak tahu langsung atau teragak-agak ketika diminta membaca ayat-ayat asas sembahyang termasuk Al-Faatihah.

Berita ini, saudara! Turut marisaukan saya, selaku warga Negara Brunei Darussalam. Betapa saya tidak akan risau, rupa kita sama, kulit kita sama, pegangan kita sama dan bahkan 'nama' bangsa kita pun juga sama, dari rumpun yang sama. Kerana itu jangankan ia kita pandang ringan. Jangan pandang ringan.

Penolong Pegawai Pelajaran, di mana kajian ini dibuat mengulas dengan berkata "Tidak tahu bilangan rakaat dan tidak pandai membaca Al-Faatihah, maknanya adalah tidak tahu sembahyang."

Perangkaan ini, menurut akhbar itu, adalah berdasarkan kepada satu kajian oleh Jabatan Pelajaran Negeri yang berkenaan baru-baru ini. Itupun belum melibatkan pelajar-pelajar tahun satu kerana ingin memberikan peluang lebih luas lagi untuk mereka mempelajari ibadat asas ini. Jika mereka itu juga dilibatkan, menurut pegawai yang bertanggungjawab, tentu saja akan lebih teruk lagi.

Dari jumlah seratus empat puluh sembilan ribu, lima puluh satu ribu yang tidak pandai sembahyang, bukanlah satu angka yang kecil, tetapi cukup besar. Sepatutnya, dari seratus empat puluh sembilan ribu itu tidak ada, walau seorang pun, yang tidak pandai sembahyang. Semuanya mesti pandai. Seratus peratus mesti pandai. Tidak boleh, walau seorang pun yang tidak pandai. Ini apatah lagi sampai hampir 40 peratus yang tercicir yang tidak pandai itu.

Di mana kita ini, saudara? Ini adalah pelajar-pelajar Islam. Tetapi jelas, mereka sendiri telah tidak menegakkan agama, walaupun dalam diri mereka sendiri. Mengapakah demikian gerangan, wahai pelajar? Tidakkah kamu sedar, bahawa kamu itu

adalah aset agama, aset bangsa, aset negara dan aset masa depan?

Mengapa kamu tanggalkan 'pakaian' yang menjanjikan kemuliaan itu? Dan malah menjanjikan kejayaan dan keselamatan?

Firman Allah Ta'ala, tafsirnya, "Telah berjaya dan menaglah orang-orang beriman yang mendirikan sembahyang dengan khusyuk."

Firman Allah Ta'ala, tafsirnya: "Mereka itu memelihara sembahyang mereka pada waktunya."

Firman Allah Ta'ala, tafsirnya "Mereka itulah penerima pesaka yang mewarisi Syurga Firdaus. Mereka kekal di dalamnya untuk selamanya."

Tentang sembahyang ini, saudara! Protokol adalah berbeza dengan perkara-perkara lain yang bukan sembahyang. Dalam perkara sembahyang, tanggungjawab adalah bulat kepada keluarga, terutama ibu bapa, bukannya guru. Guru hanya menolong kerana itu jika terdapat 51,000 pelajar yang tidak pandai sembahyang, ibu bapa adalah masih dituntut, bukannya guru.

Ini adalah berdasarkan protokol Allah Ta'ala, berdasarkan mandat, kuasa dan veto yang telah dikur-niakan oleh Allah Ta'ala kepada keluarga itu. Kalau di dalam urusan-urusan kehidupan biasa, orang biasanya akan tergila-gila dengan mandat, tergila-gila dengan veto. Nah! Di dalam perkara sembahyang ini, Allah Ta'ala semenjak lebih dari seribu tahun yang lampau lagi telah pun memberikan mandat, kuasa dan veto kepada tiap-tiap keluarga Muslim itu. Mengapakah tidak kita gunakan?

Mahu tahu, mana mandat, mana kuasa, mana veto itu?

Selain hadis:

...مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ...

Ada lagi, saudara! Yang malah langsung daripada Allah sendiri, firman-Nya, tafsirnya: "Dan perintah-kah keluarga kamu melakukan sembahyang dan hendaklah engkau (sendiri) juga tekun dan sabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki dari kamu, Kami hanya memberi rezeki kepada kamu dan (ingat) kesudahan yang baik itu adalah bagi orang-orang yang bertaqwa."

Memang disadari, mendirikan sembahyang itu adalah amat berat bagi seseorang orang. Ini telah diperakui sendiri oleh Allah Subhanahu Wata'ala tafsirnya: "Dan sesungguhnya melakukan sembahyang itu adalah amat berat kecuali bagi orang-orang yang khusyuk."

Tentang perkara berat, susah dan payah, kita biasanya tidak lupa mencari siapa yang boleh menolong. Kalau kita sakit, kita akan cepat-cepat ke doktor. Jika penyakit itu berat, kita

pasti ingatkan Allah dan berdo'a memohon supaya disembuhkan-Nya. Begitu jugalah dengan lain-lain kesusahan, kita akan berdo'a dan berdo'a supaya kesusahan itu dihilangkan.

Tetapi siapakah yang pernah teringat untuk berubat dengan sembahyang? Untuk diangkat kesusahan-kesusahannya dengan sembahyang? Untuk disampaikan hajat-hajatnya dengan sembahyang? Untuk dia ditolong dengan sembahyang?

Barangkali amat sedikit. Walhal ada ayat sebelum

وَأَنبَأَ لَكِبْرَةَ الْإِلَهِ عَلَى الْخَشِيِّينَ

iaitu yang terdahulu sebelum ayat ini

وَأَسْمِعُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ

tafsirnya:

"Dan mintalah pertolongan kepada Allah dengan jalan sabar dan melakukan sembahyang."

Al-Bait Al-Maqdis pernah dijajah oleh pihak Berikat yang terdiri daripada enam buah negara Eropah. Mereka telah memasuki Negeri Syam pada tahun 492 Hijrah dan berjaya menguasai Al-Bait Al-Maqdis itu sehingga tahun 583 Hijrah iaitu 91 tahun lamanya. Sebelum itu Allah telah membangkitkan seorang pemimpin yang salih, panglima yang salih, Shalahuddin Al-Ayyubi Radhiallahuanhu untuk membebaskan Al-Bait Al-Maqdis itu daripada tangan-tangan penjajah ini. Lama dia dan askar-askarnya berjuang sehingga mengalami kesusahan dan kepayahan yang sungguh-sungguh getir. Ya, lama benar dia mengambil masa. Namun Allah belum juga membukakan pertolongan-Nya untuk mereka. Lalu setelah mendapati situasi yang amat perit ini, Shalahuddin Al-Ayyubi pun mengambil sikap dan berkata kepada askar-askarnya, ertinya "Bangunlah! bangkitlah kamu untuk sembahyang. (Mari) kita pohonkan pertolongan Allah terhadap musuh-musuh kita dengan sembahyang malam dan bangun malam."

Allahuakbar, Allahuakbar. Begitu orang beriman menangani masalah. Mereka tidak lupa menangani masalah dengan sembahyang.

Tetapi ramaikah orang-orang macam ini? Tidak ramai. Cuma sedikit sahaja. Istimewa di zaman rosak ini, masjid-masjid pun masih banyak yang sunyi. Mengapa? Adakah kerana sembahyang itu berat, maknanya tidak ramai orang yang berjemaah di masjid?

Namun tentang yang sedikit ini, mereka masih mempunyai kelebihan. Mereka sebenarnya adalah penyelamat kita. Peranan mereka besar, mereka mempunyai keramat dan kemuliaan, hasil dari kesabaran dengan sembahyang.

Alhamdulillah, di negara ini, Kerajaan Ke-



UCAPTAMA Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, dalam Seminar Kebangsaan Menghayati Ajaran Islam: Sembahyang Kewajipan Asasi pada 28 - 29 Rejab 1427 Hijrah, 22 - 23 Ogos 2006 Masihi anjuran Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bertempat di Dewan Goldstone, Centerpoint Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah pun mengambil sepenuhnya pengurusan masjid dengan melantik imam-imam masjid bagi tujuan supaya rakyat di negara ini tetap melakukan sembahyang fardu di masjid-masjid atau di surau-surau berjemaah. Tujuan ini telah pun terlaksana, sekalipun, di setengah-setengah masjid, para jemaah yang turut mendirikan sembahyang jemaah pada setiap waktu, sangatlah sedikit. Saya katakan sangat sedikit kerana jumlah mereka itu memang tidak ramai, tidak sampai lima puluh peratus dari jumlah penduduk di sesebuah qaryah berke- nuan atau tidak sampai dua puluh lima peratus atau mungkin juga tidak ada sepuluh peratus. Namun imam masih ada insyaa-Allah, bilal masih ada, ahli qaryah walaupun tidak ramai, masih ada, sama-sama mendirikan sembahyang jemaah itu.

Ertinya, yang datang ke masjid pada setiap waktu untuk berjemaah, realitinya, memang sedikit benar, berbanding dengan yang tidak hadir ke masjid itu, ramai! Sangat ramai.

Yang sedikit inilah 'penyelamat' kita, yang sedikit inilah yang sebenarnya pemakmur masjid. Mereka berjaya besar untuk survival umat, untuk survival bumi ini, sebagai mana hadis Qudsi maksudnya, "Sesungguhnya Aku (Allah) berkehendak untuk menimpakan azab kepada penduduk bumi, tetapi manakala Aku nampak orang-orang yang memakmurkan masjid dan orang-orang yang beristighfar memohonkan keampunan pada waktu sahur, Aku pun palingkan azab itu daripada mereka (penduduk bumi)."

Jadi terima kasih kepada kerajaan yang telah melantik pegawai-pegawai masjid, dan kemudian secara khusus terima kasih kepada imam-imam, kepada bilal-bilal, kepada penghayat-penghayat dan pemakmur-pemakmur masjid yang berjumlah amat sedikit itu kerana dengan jasa merekalah, Allah telah memalingkan azab-Nya dari menimpa kam-

pung, menimpa qaryah, menimpa negeri dan menimpa negara.

Ya, walaupun jumlah mereka sedikit, tetapi Allah memandang hebat kepada mereka kerana kesabaran mereka memakmurkan terus-menerus rumah-rumah Allah dengan sembahyang berjemaah.

Ini meningkatkan kita kepada satu peristiwa di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Di suatu ketika pada hari Jumaat, sedang Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam berkhutbah, ramai dari jemaah tiba-tiba keluar meninggalkan masjid dan meninggalkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sedang berkhutbah. Mereka pergi keluar Madinah kerana mendengar ada rombongan peniaga dari-pada Syam telah tiba dan kini sedang berkhemah di luar Madinah. Sahabat-sahabat yang tinggal yang mendengarkan khutbah dan seterusnya melakukan sembahyang Jumaat bersama-sama dengan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam hanya tinggal sedikit, cuma 12 (dua belas) orang sahaja. Lebih ramai yang pergi berbanding yang tinggal.

Maka pada ketika inilah, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam kedengaran bersabda "Sekiranya bukan kerana jemaah yang sedikit ini, bukan kerana yang dua belas orang ini, nescaya api dari langit akan menjilat penduduk Madinah."

Peristiwa ini, saudara! Tidak diragukan lagi, adalah memperkuat pula hadis Qudsi yang telah saya sebutkan tadi, bahawa orang yang jumlahnya sedikit, tetapi tahan sabar melakukan ibadat sembahyang dengan berjemaah di masjid, boleh menjadi penghalang atau penolak malapetaka serta bencana.

Sekali lagi tahniah kepada kerajaan, terima kasih kepada imam-imam masjid, bilal-bilal dan para ahli qaryah, mukim dan kampung atau siapa sahaja yang sentiasa berjemaah, yang istiqamah dengan masjid, yang komited dengan masjid, bahawa tuan-tuan adalah penyelamat umat, penyelamat negara, bahkan penyelamat dunia.

AGAMA

Agihkan wang zakat kepada sumber yang betul

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman bakar.rahman1@information.gov.bn

KIARONG, Khamis, 14 September.- Amil-amil di negara ini bertanggungjawab menasihati orang yang merasakan diri mereka tergolong fakir miskin lalu turut menuntut hak sebagaimana fakir bahkan sebaliknya mereka tidak sewenang-wenangnya mengaku sedemikian.

"Ingatkan mereka itu dengan baik terutama bagi mengelakkan daripada menjadi benar-benar fakir dan miskin yang kemudiannya sukar akan diubah akibat di murkai Allah kerana menuntut sesuatu yang bukan haknya, mengurangkan hak orang lain yang benar-benar berhak," kata Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin mengingatkan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Tauliah Kepada Amil-amil Seluruh Negara bagi tahun 1427-1428 Hijrah / 2006-2007 Masihi di Jame Asr' Hassani Bolkhiah di sini.

Yang Berhormat menjelaskan setakat ini terdapat kira-kira 3,855 ketua keluarga tergolong ke dalam asnaf fakir miskin tersenarai untuk di beri agihan zakat tahun ini.

Dari jumlah tersebut lebih 800 ketua keluarga penerima bantuan bulanan berupa bekalan barang-

barang keperluan asasi dan wang tunai, bantuan persekolahan dan bantuan sewa rumah manakala agihan zakat bagi tahun ini akan diumumkan sedikit masa lagi, terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan kadar bantuan bulanan sebanyak \$65.00 setiap seorang bagi keperluan asasi berupa barangan senilai \$35.00 dan bakinya \$30.00 tunai.

Selain itu bantuan bulanan perbelanjaan sekolah sebanyak \$60.00 setiap orang, sementara asnaf fakir miskin dan asnaf muallaf yang menerima bantuan sewa rumah ditetapkan tidak melebihi \$500.00 sebulan yang dibayar terus kepada

PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin. - Foto: Ramli Tengah.

pemilik rumah sewa, terang Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat semua bantuan yang berbentuk kewangan di salurkan melalui bank kerana penyaluran bantuan melalui bank didapati sangat baik bagi faedah penerima dan pihak-pihak yang menguruskan pengagihan.

Dalam pada itu kata Yang Berhormat, Jabatan Majlis Ugama Islam bersedia menerima permohonan baru dari mereka yang tidak tersenarai pada tahun 2004 dan 2005. Oleh itu amil-amil boleh mengemukakan jika mereka mendapati ada fakir miskin di kawasan masing-masing tercicir atau tidak tersenarai.

Itu merupakan sebahagian dari tugas amil bagi mengenal pasti asnaf zakat di kawasanya kerana di takuti kemungkinan ada fakir miskin tidak tahu atau tidak pandai berurusan bagaimana mendapatkan bahagian mereka, terang Yang Berhormat.



SALAH seorang imam menerima Tauliah Perlantikan Amil bagi tahun 1427 - 1428 Hijrah /2006 - 2007 Masihi. - Foto: Ramli Tengah.

283 amil telah dilantik

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman bakar.rahman1@information.gov.bn

KIARONG, Khamis, 14 September.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melantik seramai 283 orang amil bagi 134 kawasan di seluruh negara bagi tahun 1427-1428 Hijrah/2006-2007 Masihi bermula 1 Ramadan 1427 Hijrah hingga 30 Syaaban 1428 Hijrah.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin semasa Majlis Penyampaian Tauliah Kepada Amil-amil Seluruh Negara bagi tahun 1427-1428 Hijrah / 2006-2007 Masihi di Jame Asr' Hassani Bolkhiah di sini.

Yang Berhormat menyatakan sungguhpun lantikan amil adalah lantikan raja namun mereka merupakan sebahagian daripada asnaf zakat orang-orang yang berhak mendapat bahagian dari hasil kutipan zakat.

"Amil yang dilantik terdiri daripada kalangan pegawai masjid, penghulu, ketua kampung, pegawai serta kakitangan awam dan angkatan

bersenjata wajar dibayar dari hasil kutipan zakat pada kadar yang layak dengan tugas mereka itu," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengingatkan bahawa kedua-dua tugas dan tanggungjawab yang mereka pikul sebagai amil mahupun pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dalam pengurusan zakat hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh jujur dan amanah.

Yang Berhormat menambah kecekapan dan dedikasi tidak mencukupi malah orang yang tidak amanah bukan saja akan mudah mengabaikan kepentingan tugas jawatan yang dipegangnya tetapi juga akan mengecewakan harapan dan amanah yang diserahkan kepadanya.

Justeru itu Yang Berhormat mengingatkan bahawa mengutip zakat, mengumpul, menentukan pengagihan serta menyampaikannya kepada asnaf yang berhak merupakan amanah yang perlu diurus dan dikendalikan dengan penuh amanah di samping cekap, tekun dan teliti serta teratur mengikut panduan dan peraturan.



KELIHATAN salah seorang peserta pembentang ketika menyampaikan kertas kerja di Seminar Kebangsaan Menghayati Ajaran Islam : "Sembahyang Kewajipan Asasi", (atas), manakala gambar bawah, sebahagian peserta yang menyertai seminar tersebut. - Foto: Ramli Tengah.



Jangan abaikan sembahyang sunat

Oleh: Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn

GADONG, Rabu, 23 Ogos. - Umat Islam diingatkan agar tidak meninggalkan sembahyang-sembahyang sunat disebabkan menaikan sembahyang fardu kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan kelebihan yang besar kepada hamba-Nya yang mengerjakan sembahyang sunat.

Walaupun demikian sebahagian orang ada yang masih beranggapan bahawa sembahyang sunat itu hanya dibuat jika terdapat waktu yang terluang sahaja bukannya sedaya upaya menghadirkan waktu tersebut kerana apabila ditinggalkan sembahyang sunat tersebut pelakunya tidak akan berdosa.

Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili membuat peringatan itu dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Sembahyang Sunat dan Kerugian Mengabaikannya' di Seminar Kebangsaan Menghayati Ajaran Islam: Sembahyang Kewajipan Asasi di sebuah hotel di sini.

"Fahaman sedemikian sangat membimbangkan kerana persoalan di sini bukan masalah tidak berdosa dan tidak ada masa tetapi kehilangan kelebihan dan fadilat yang besar padahal ia dilakukan adalah untuk saham di akhirat," katanya.

Timbalan Mufti Kerajaan menjelaskan, menurut ulama Syafiiyyah susunan sembah-

yang-sembahyang sunat mengikut tertib keafdalannya bermula daripada sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha, Hari Raya Fitriah, Gerhana Matahari, Gerhana Bulan, Istisqa (meminta hujan), Witir, Rawatib, Tarawih, Dhuha, sembahyang dua rakaat Tawaf, dua rakaat Tahiyatul Masjid, dua rakaat Ihram Haji atau Umrah, Sunat Wuduk, Sunat Zawal kemudian diikuti dengan Sunat Muthlaq.

Sembahyang sunat tambahan disyariatkan untuk menyempurnakan kekurangan-kekurangan yang berlaku pada sembahyang fardu yang didirikan.

Selain itu menurutnya, di akhirat nanti sembahyang sunat juga boleh mengganti tempat sembahyang fardu yang ditinggalkan yang tidak diqada kerana ada kezuran seperti lupa sehinggalah ia meninggal dunia.

"Tetapi jika semasa di dunia, ia ingat akan sembahyang fardu yang ditinggalkannya itu, maka wajib ke atasnya untuk mengqada sembahyang tersebut dan dalam hal ini, sembahyang sunat tidak boleh mengganti tempat sembahyang fardu yang ditinggalkannya itu," jelasnya.

Dalam erti kata lain tambahan, fungsi sembahyang sunat untuk menampung atau menampung dan menyempurnakan segala kelemahan dan kekurangan yang berlaku

dalam sembahyang fardu yang dilaksanakan seperti tidak khushyuk ketika bersembahyang dan seumpamanya supaya ibadat sembahyang fardu itu mendapat pahala yang sempurna.

Sembahyang sunat katananya, amat besar fadilatnya selain dari mengharapkan rahmat serta maghfirah (keampunan) untuk menghapuskan segala dosa ia juga cara terbaik untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, memohon ketenangan jiwa dan fikiran, dilimpahkan rezeki, keamanan, hajat, dilindungi dari segala malapetaka dan seumpamanya.

Sembahyang sunat juga dianggap sebagai ibadat sunat secara fizikal yang paling afdal selepas ibadat jihad fisabilillah kerana dalam sembahyang sunat tersebut terhimpun pelbagai jenis ibadat antaranya keikhlasan, qira'ah ayat-ayat Al-Qur'an, rukuk dan sujud bermunajat ke hadirat Ilahi, menghadap kiblat, tasbeih dan tahmid, selawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan banyak lagi.

Seminar dua hari itu dianjurkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bagi menyemarakkan sambutan Israk dan Mikraj dengan mengundang beberapa orang mufti dari Malaysia, Republik Singapura dan negara tuan rumah.

Sembahyang membentuk peribadi diri

Oleh: Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn

GADONG, Rabu, 23 Ogos. - Ibadat sembahyang yang dilakukan dengan ikhlas, khushyuk dan tawaduk serta sempurna akan dapat membentuk peribadi diri dan masyarakat agar tidak melakukan perkara yang mungkar dan keji.

Ketutamaan Sembahyang amat besar dan istimewa berbanding dengan ibadat-ibadat yang lain. Ia juga merupakan salah satu cara untuk berhubung dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan juga penentu kepada penerimaan amalan ibadat yang lain.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Mufti Kerajaan Negeri Perlis, Sahibus Samahah Dato Alim Panglima Dato' Haji Mat Yahya bin Haji Hussin dalam kertas kerjanya bertajuk 'Sesungguhnya Sembahyang Itu Mencegah Dari Perbuatan Keji dan Mungkar' di Seminar Kebangsaan Menghayati Ajaran Islam: Sembahyang Kewajipan Asasi di sebuah hotel di sini.

Katanya, firman Allah dalam Al-Qur'an menjelaskan bahawa, sembahyang yang dilakukan oleh seseorang itu boleh menegah diri pelakunya daripada membuat dosa-dosa

dan kemungkaran. Ayat itu satu penegasan umum yang tidak dapat disangsikan lagi kebenarannya.

Namun demikian didapati banyak orang yang melakukan ibadat sembahyang tetapi tetap melakukan kemungkaran dan dosa-dosa lain yang seharusnya tidak berlaku, ungkapnya.

Keadaan tersebut menyebabkan kita merasa seperti ada pertentangan yang menunjukkan seolah-olah apa yang dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala itu tidak bertepatan dengan apa yang berlaku sedangkan hakikat sebenar tidaklah begitu, terangnya.

"Setiap orang Islam wajib percaya dan yakin serta berpegang teguh kepada Al-Qur'an kerana ia merupakan sumber hukum yang utama di dalam Islam bahkan ia merupakan neraca yang boleh menentukan beriman atau tidak seseorang Muslim itu," jelasnya.

Pelakuan manusia tegasnya, tidak membuktikan bahawa kandungan Al-Qur'an itu tidak benar, andainya kesiapan itu berlaku, kesiapan itu semestinya berpunca daripada pihak lain iaitu pelaku

sembahyang itu sendiri.

"Mereka tidak dapat menjadikan sembahyang itu sebagai satu unsur untuk mencekutkan satu kuasa bagi menahan diri pelaksana atau melahirkan keinsafan daripada melakukan perbuatan atau amalan yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala," katanya.

Tambahnya, ulama menafsirkan Surah Al-Ankabut sebagai sembahyang yang dilaksanakan dengan ikhlas, khushyuk serta sempurna dari sudut sunat serta adab-adabnya akan menghalang pelakunya daripada melakukan perkara keji dan mungkar.

Jika manusia melakukan sembahyang dan terus melakukan beberapa makasiat sesungguhnya dosa itu bukanlah dosa sembahyang akan tetapi dosa pelaku makasiat kerana dia melakukan sembahyang tanpa adanya khushyuk dan ikhlas kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan melakukannya tanpa memberi kesan kepada hatinya.

Sehubungan itu beliau berharap sembahyang yang dilakukannya itu akan mencekutkan daripada kemungkaran pada hari-hari berikutnya dengan berkat lazimnya ia melaksanakan sembahyang.



HASIL PRODUK TEMPATAN ... Pameran Show Case Produk Tempatan yang diadakan di Ibu Pejabat BINA sempat menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan berangkat meneruskan siri lawatan kerja ke beberapa buah institusi di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) yang bermula di Ibu Pejabat Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) di sini.

LAWATAN KERJA DYTM KE BEBERAPA BUAH INSTITUSI KPSSU

GADONG, Sabtu, 16 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan berkenan berangkat meneruskan siri lawatan kerja ke beberapa buah institusi di bawah Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) yang bermula di Ibu Pejabat Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) di sini.

Keberangkatan tiba DYTM ke institusi-institusi tersebut telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Eusoff Agaki; Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber

Laporan : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
Foto : Masri Osman,
Haji Sahrin Haji Asmat

Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdillah; Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar dan Setiausaha Tetap KPSSU, Dato Paduka Awang Haji Abdul Hamid.

Di Ibu Pejabat BINA, DYTM berkenan menerima sembah taklimat mengenai latar belakang, struktur organisasi, fungsi utama dan peranan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah BINA.

DYTM seterusnya berkenan berangkat meninjau secara dekat ke beberapa bahagian di jabatan berkenaan termasuk ke Bahagian Kemajuan Koperasi dan Pembangunan Estet, Bahagian Kemajuan Koperasi bertanggungjawab bagi menggalakkan penguatkuasaan koperasi, manakala bagi Bahagian Pembangunan Estet pula bertanggungjawab merancang dan melaksanakan penyediaan tapak dan kom-

pleks baru.

Bahagian Pembangunan Industri juga termasuk dalam lawatan DYTM selain memproses lesen-lesen rampaian secara pentadbiran bagi syarikat-syarikat yang beroperasi di tapak atau kompleks perindustrian di bawah kawalan BINA. Bahagian ini juga berfungsi membuat sokongan bagi guna tenaga dan buruh, pengecualian cukai, menerima permohonan import seperti simen air dan air galian dari luar negeri.

Dari Ibu Pejabat BINA, DYTM kemudiannya berkenan meneruskan lawatan ke SUNLIT Advertising Sendirian Berhad di Lot 71A Tapak Perindustrian Beribi. Keberangkatan tiba DYTM dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengarah-pengarah Urusan syarikat berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Daniel bin Haji Hanafiah dan Jackson Ting.

DYTM kemudiannya berkenan berangkat ke Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar, Jabatan Pertanian di Mukim Kilanas, yang menyediakan bahan-bahan analisis dan kajian dan seterusnya disebarkan bagaimana penyediaan bahan-bahan analisis dibuat.

Juga menarik perhatian DYTM dalam sesi lawatan itu ialah makmal biomolekular di mana pengesanan Penyakit Selesema Burung (HPAI, H5N1) dijalankan di makmal tersebut.

Dalam lawatan itu DYTM telah disebarkan fungsi utama bahagian itu iaitu mengesahkan sampel yang telah menunjukkan tanda-tanda positif semasa ujian saringan dan kaedah yang digunakan iaitu 'polymerase chain reaction' (PCR) iaitu teknik mengesan RNA dan DNA khusus bagi virus H5N1 yang secara keseluruhannya ujian tersebut akan mengambil masa di antara enam hingga lapan jam sebelum keputusan diperolehi dengan jumlah sampel yang boleh diuji setiap hari ialah 50 sampel dengan menggunakan 'veredus kits' yang telah diperakui oleh WHO.

DYTM kemudiannya meneruskan lawatan ke Pusat Pembangunan Keusahawanan dan juga Pusat Akreditasi dan Piawai Kebangsaan di Kampong Sinaut, Tutong untuk menyaksikan pameran hasil keusahawanan syarikat-syarikat anak tempatan.



BERGAMBAR RAMAI ... Duli Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengabadikan kenangan bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).



SEMBAH PENERANGAN ... DYTM ketika menyaksikan hasil-hasil kerja sambil mendengar sembah taklimat dari pegawai Syarikat SUNLIT Advertising Sendirian Berhad (atas).

DYTM semasa menyaksikan hasil produk yang dihasilkan oleh Syarikat SUNLIT Advertising Sendirian Berhad (atas kanan).

PERHATIAN ... DYTM memberikan perhatian dengan sembah penerangan yang disampaikan oleh salah seorang pegawai dari Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar dengan memerhatikan apa yang ditunjukkan (kanan).

DYTM ketika mendengar sembah penerangan semasa berada di salah sebuah makmal di Unit Perkhidmatan Makmal Veterinar (kanan sekali).





HASIL TEMPATAN ... DYTm ketika memegang songkok yang merupakan salah satu produk yang dihasilkan di Pusat Pembangunan Keusahawanan dan juga Pusat Akreditasi dan Piawaian Kebangsaan di Kampong Sinaut (kiri).

ROYAL PALM ... DYTm menyaksikan sebatang pohon 'Royal Palm' yang ditanam pada 23 Mac 1983 oleh DYTm sendiri ketika lawatan sambil belajar pada masa itu (kanan).

MENGUJI KEBOLEHAN ... DYTm ketika menguji kecekapan dalam menangkap ikan Selongsong dengan salah satu alat penangkap ikan (bawah).



Dari muka 12

Sekolah Putera-Puteri bersama ahli-ahli keluarga yang lain pada 23 Mac 1983.

Berhad di Meragang, Muara.

Sebelum tengah hari DYTm kemudiannya berkeran berangkat ke sebuah hotel di Jerudong bagi menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah sebelum menghadiri Majlis Santap bersama pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya di hotel berkenaan.

Di sebelah petang, DYTm seterusnya berkeran berangkat melawat Pusat Perkembangan Akuakultur di Meragang di mana DYTm berkenan melawat pameran mengenai usaha-usaha Jabatan Perikanan serta melihat kolam-kolam ternakan Ikan Selongsong dan Udang Ostrich, kemudiannya ke Syarikat Perusahaan Penghasilan Anak-Anak Udang Seiwa Corporation Sendirian

Lawatan DYTm diakhiri dengan keberangkatan ke Semaun Seafood Company Sendirian Berhad di Kompleks Pendaratan Ikan, Serasa, Muara.

Dalam lawatan itu DYTm telah menyaksikan bagaimana hasil ternakan khususnya ternakan udang diproses bagi kerja-kerja pengedaran dan pembungkusan sebelum ianya dieksport ke luar negeri.

Syarikat Semaun Seafood Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 28 November 1996 dipunyai sepenuhnya oleh Syarikat Semaun Prim Sdn. Bhd. sebanyak 51 peratus, Sin-sin Bun Pte. Ltd., Singapura 34 peratus dan 15 peratus dipunyai oleh Koperasi Perikanan Brunei Berhad.

Misi syarikat ini adalah untuk memproses produk-produk makanan laut yang berkualiti tinggi bagi pasaran tempatan dan eksport keluar negara.

Lawatan Kerja DYTm Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan ke Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah salah satu kesinambungan dan dukungan berterusan kepada usaha-usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan agensi-agensi kerajaan akan sentiasa peka dan responsif terhadap perkembangan semasa demi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara dalam sama-sama menaani wawasan negara.



DYTm ketika menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.



DYTm ketika menguji sendiri salah satu peralatan yang digunakan di Syarikat Perusahaan Penghasilan Anak-Anak Udang Seiwa Corporation Sendirian Berhad.

DYTm bersama pegawai dan kakitangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ketika menghadiri Majlis Santap (bawah).



PROSES PENGEDARAN ... DYTm ketika mendengar sembah penerangan dari Pengurus Besar Semaun Seafood Company Sendirian Berhad, Hanif Madakia mengenai dengan pemilihan saiz-saiz udang.



MASYARAKAT

Pusat Kesihatan Sungai Liang

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli saidah.omaralli@information.gov.bn

SUNGAI LIANG, Sabtu, 19 Ogos. - Penduduk Sungai Liang dan sekitarnya kini merasa lega apabila Pusat Kesihatan didirikan di kawasan kampung mereka.

Sehubungan itu Majlis Perletakan Batu Asas pusat tersebut disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi.

Projek bernilai lebih \$3 juta itu merupakan salah satu projek dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 bagi Kementerian Kesihatan sebagai menggantikan bangunan klinik lama yang telah dibina pada tahun 1952 yang terletak di tapak bangunan yang akan didirikan sekarang.

Pusat Kesihatan dua tingkat itu dibina di atas tapak seluas 0.74 hektar dengan kemudahan kawasan letak kereta yang akan dapat menampung hampir 60 buah kenderaan. Kerja-kerja tanah bermula pada akhir tahun lepas dan pembinaan bangunan dijadualkan siap pada akhir tahun depan dalam jangka tempoh dua tahun.

Apabila pusat tersebut siap nanti ianya akan menawarkan pelbagai perkhidmatan kesihatan dan perubatan seperti perkhidmatan rawatan pesakit luar, ke-malangan dan kecemasan, kesihatan ibu dan kanak-kanak, farmasi dan makmal serta menjadi salah satu mercu tanda kepada pencapaian kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dalam

menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

Pembinaan projek itu juga bukan sahaja menjadi mercu tanda tetapi 'catalyst' kepada usaha kementerian berkenaan yang berterusan dalam merancang dan membina kemudahan-kemudahan infrastruktur fizikal seperti pusat kesihatan dan klinik kesihatan serta lain-lain kemudahan yang akan

datang.

Apabila siap nanti pusat berkenaan akan menjadi salah sebuah bangunan yang cantik dan indah di Daerah Belait dan menjadi kebanggaan penduduk negara ini khususnya penduduk sekitar kampung tersebut. Hadir di majlis tersebut Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi menuang simen bagi menyempurnakan perletakan batu asas Pusat Kesihatan Sungai Liang yang dijangka siap tahun depan.

YSHHB sumbang \$34,725.00 bagi masjid dan surau

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 September. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hari ini menyampaikan beberapa sumbangan kewangan kepada sebahagian masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara, Persatuan Belia Lumapas (PERLU) dan mangsa-mangsa kebakaran dari Daerah Temburong.

Majlis penyampaian sumbangan kewangan disampaikan oleh Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Mohd. Daud yang diadakan di ibu pejabat di sini.

Sebanyak \$34,725.00 disumbangkan oleh YSHHB kepada 41 buah masjid, surau dan balai ibadat di keempat-empat daerah di seluruh negara bagi mengadakan majlis dan aktiviti di bulan Ramadan dalam bidang agama sebagai salah satu usaha Yayasan mentadbirkan masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara selaras dengan dasar dan tujuan penubuhannya dalam mempertingkatkan syiar Islam di negara ini.

Manakala sejumlah \$1,500.00 diserahkan kepada Persatuan Belia Lumapas (PERLU) khusus bagi menayakan Pesta Belia Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 Tahun 2006.

Melalui sumbangan ini, menunjukkan keprihatinan dan inisiatif yang diberikan oleh persatuan ini dalam sama-sama memeduli para belia dan masyarakat untuk bergiat aktif dalam perkara-perkara yang berkebaikan adalah selaras dengan dasar

tujuan penubuhan Yayasan dalam bidang kebajikan.

Kemudian diikuti dengan penyampaian sumbangan kewangan keseluruhan berjumlah \$9,500.00 kepada lapan buah keluarga yang terdiri dari 35 orang ahli keluarga yang terlibat dalam



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim menyampaikan sumbangan YSHHB kepada seorang penerima. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

kejadian kebakaran di Kampung Peliunan, Batu Apoi, Kampung Selapon dan Kampung Sungai Tanit di Daerah Temburong.

Pada majlis itu diselenggarakan dengan sumbangan derma sebanyak \$13,000.00 dari Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang disampaikan oleh wakilnya Penolong Pengarah JAPEM kepada mereka yang terlibat dalam kebakaran di Kampung Peliunan, Batu Apoi dan Kampung Sungai Tanit, Daerah Temburong.

Turut hadir di majlis itu Timbalan Pengarah Urusan Yayasan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penerima-penerima sumbangan serta pegawai-pegawai dan kakitangan Yayasan.



PENGERUSI Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menyaksikan majlis penandatanganan perjanjian tersebut. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.



YANG Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolqiah berkeren berangkat dan menerima sijil penyertaan dan penghargaan atas penyertaan Sekolah YSHHB di Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Penyampaian hadiah Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap

Oleh: Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

BERAKAS, Sabtu, 16 September. - Para pemenang Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 sesi kedua telah menerima hadiah dan sijil masing-masing di satu majlis yang diadakan di Kementerian Pembangunan.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolqiah, cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkeren berangkat dan seterusnya berkenan menerima sijil penyertaan dan penghargaan atas penyertaan

sekolah Yang Amat Mulia iaitu Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam persembahan koir di majlis perasmian pertandingan tersebut pada Ogos lepas.

Hadiah-hadiah dan sijil-sijil berkenaan disampaikan oleh Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Awang Haji Mohd. Zakaria bin Haji Serudin.

Kategori yang dipertandingkan ialah landskap bagi kawasan rumah persendirian di darat, rumah persendirian di Skim Perumahan Negara di darat dan di Kampung Ayer dan persekitaran sekolah-sekolah rendah di darat dan di Kampung Ayer.

Turut dipertandingkan seni gubahan bunga dan pertunjukan bunga-bunga hidup termasuk jenis pokok hiasan dan orkid.

Tiga pelajar terima biasiswa YSHHB

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 September. - Tiga penuntut yang menerima anugerah biasiswa Sultan's Scholar bagi sesi pengajian 2006/2007 telah menandatangani perjanjian biasiswa dengan pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang diwakili oleh Pengarah Urusan Yayasan, Dato Paduka Awang Haji Ali

Hashim bin Haji Mohd. Daud.

Mereka yang mendapat biasiswa itu ialah Dayangku Nur Hidayatul Fitri binti Pengiran Dato Paduka Haji Othman yang akan meneruskan pengajian dalam jurusan perubatan di Guy's & St. Thomas Hospital, King's College, University of London.

Oleh: Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

Sementara Samuel Tay Zhi Jian dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali pula akan mengikuti pengajian dalam jurusan Computer Aided Mechanical Engineering di School of Physical Sciences & Engineering, King's College, University of London, manakala lepasan penun-

tut dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Dayang Zety Erwinna binti Haji Ali Adin akan meneruskan pengajian dalam jurusan perubatan di St. Georges Hospital, College of Medicine, University of London.

Majlis menandatangani itu disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman yang berlangsung di Kompleks YSHHB di ibu negara di sini.

Majlis bermula dengan bacaan doa selamat bagi memohon keberkatan khusus kepada penerima anugerah biasiswa Sultan's Scholar yang akan berlepas ke United Kingdom pada penghujung September ini.



TIGA orang pelajar yang menerima anugerah biasiswa Sultan's Scholar terdiri dari Dayang Zety Erwinna binti Haji Ali Adin (kiri), Samuel Tay Zhi Jian (tengah) dan Dayangku Nur Hidayatul Fitri binti Pengiran Dato Paduka Haji Othman (kanan). - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

SUKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) bergambar ramai bersama dua atlet sejurus selepas mengurniakan pingat perak. - Foto : Masri Osman.

DBM juarai Pesta Sukan Remaja

Oleh : Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 10 September.- Daerah Brunei dan Muara muncul sebagai juara keseluruhan di akhir Pesta Sukan Remaja Kebangsaan (PSR) Ke-III dengan mengutip pingat emas terakhirnya dalam acara 100 meter (m), 400 meter dan lari berganti-ganti di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Daerah berkenaan berjaya mengutip 65 pingat yang melibatkan 29 pingat emas, 21 perak dan 15 gangsa.

Naib juara disandang oleh Majlis Sukan Sekolah-Sekolah dengan 29 pingat iaitu 15 pingat emas, enam perak dan lapan gangsa, manakala Daerah Tutong pula mengutip 49 pingat iaitu 11 pingat emas, 14 perak dan 24 gangsa menduduki tempat ketiga.

Peringkat akhir acara olahraga itu juga menandakan berlakunya tirai PSR yang majlis penutupnya disempurnakan oleh tetamu kehormat Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal yang juga menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam PSR.

Majlis penutup itu turut mengumumkan atlet terbaik lelaki dan wanita dalam temasya berkenaan di mana mereka menerima hadiah wang tunai sebanyak \$500.00 berserta piala dan sijil.

Gelaran Atlet Lelaki Terbaik digondol oleh Haji Khairul Muizuddin Haji Ramli, 16 tahun, dari Majlis Sukan Sekolah-Sekolah.

Beliau memenangi pingat emas dalam acara 100m, 200m dan lompat jauh serta mengutip pingat perak dalam acara lari berganti-ganti.

Atlet muda ini juga turut mengukir nama apabila berjaya memecahkan rekod lama 2004 iaitu 6.07m dalam acara lompat jauh lelaki dengan mencipta rekod baru dengan mem-



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal ketika menyempurnakan penyampaian pingat kepada atlet-atlet Pesta Sukan Remaja (PSR) Ke-III. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

buat jarak lompatan sejauh 6.24m.

Rahmah Ramlee, 18 tahun, turut berkongsi saat manis bersama Haji Khairul apabila dinobatkan Atlet Wanita Terbaik.

Peserta dari Daerah Brunei dan Muara meraih pingat emas dalam acara lari berganti-ganti dan lompat jauh, di samping memenangi

pingat perak untuk 110m lompat pagar.

Kejayannya memiliki rekod baru lompat jauh 4.31m memadamkan catatan lama 3.67m pada 2004 dan satu lagi rekod temasya dalam 400m dengan masa satu minit 0.80 saat memukam gelaran itu menjadi miliknya. Rekod lama ialah satu minit 0.91 saat yang dicipta pada 2004.

Daerah Belait membawa pulang enam pingat emas, tujuh perak dan 14 gangsa.

Kontinjen Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) pula mengutip dua pingat emas, 10 perak dan lima gangsa, manakala Daerah Temburong mengutip dua pingat emas, tujuh perak dan 14 gangsa.

MSSS juara bola jaring PSR Ke-III

Oleh : Maslina Awang Kurus

BERAKAS, Sabtu, 9 September.- Majlis Sukan Sekolah-Sekolah (MSSS) Brunei Darussalam menjuarai Kejohanan Bola Jaring Pesta Sukan Remaja Ke-III, 2006 dengan mendapat jumlah jaringan yang tinggi iaitu 189 jaringan dan 12 mata penuh.

Pasukan tersebut merangkul kemenangan dari keseluruhan empat perlawanan secara liga (pukul keliling) iaitu Daerah Brunei dan Muara 40 - 11,

Daerah Belait 44 - 23, Daerah Tutong 46 - 43 dan Daerah Temburong 59 - 8.

Daerah Belait memenangi pingat perak dalam pertandingan akhir liga tersebut setelah menewaskan Daerah Tutong 34 - 31 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Sementara itu, beberapa kategori hadiah istimewa juga disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha

Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Afsah binti Haji Abd. Majid.

Dayang Nor Hafizah Haji Abd. Sedik dari MSSS terpilih bagi penjaga gol terbaik, manakala Dk. Nur Mawar Ashikin Pg. Ali dari Daerah Belait terpilih bagi pemain tengah terbaik, sementara Dayang Wahidah Md. Zaili terpilih bagi pemain penyerang terbaik.

Pasukan terbersih bagi keseluruhan perlawanan ialah Pasukan dari Daerah Temburong.



DYTM mengurniakan pingat perak kepada Awang Tong Kit Siong atlet karatedo Sukan SEA Ke-23, Manila. - Foto : Masri Osman.

Atlet karatedo dan taekwando di Sukan SEA Ke-23 Manila raih perak

Oleh : Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn

BERAKAS, Khamis, 21 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan mengurniakan pingat kepada dua atlet negara BDNOC yang mewakili Sukan SEA Ke-23.

Majlis yang berlangsung di Dewan Stadium Negara Hassanal Bolkiah itu menyaksikan peserta taekwan-

do, Dayang Farahwaheeda Haji Bujang yang menyertai Kategori Bantam Weight dan peserta Karatedo, Awang Tong Kit Siong (Individual Kumite - 75kg) masing-masing menerima pingat perak.

Pengurnian pingat itu berdasarkan hasil Mesyuarat Majlis Persekutuan Sukan SEA (SEGF) awal tahun ini yang mendapati dua atlet yang memegang pingat perak pada acara berkenaan telah digugurkan secara rasmi kerana me-

langgar peraturan kejohanan.

Sehubungan dengan itu, dua atlet negara itu yang sebelum ini yang telah berjaya mengutip pingat gangsa dengan sendirinya dinaikkan taraf sebagai penerima pingat perak.

Pada Kejohanan Sukan SEA Ke-23 lalu, kontinjen negara telah berjaya mengutip satu pingat emas menerusi sukan Triples Lelaki Boling Padang, sementara dua lagi pingat perak berjaya diraih oleh dua peserta karatedo, manakala dua pingat gangsa dicapai menerusi acara karatedo dan taekwando.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Afsah binti Haji Abd. Majid menyampaikan pingat kepada seorang peserta (atas), manakala gambar bawah, memperlihatkan para pemain Majlis Sukan Sekolah-sekolah bergambar ramai bersama pingat kemenangan. - Foto : Hermie Suliana Haji Othman.



Kebawah DYMM menerima mengadap Raja Muda Perak

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah ibni Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibuddin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzwan.

Majlis Mengadap itu berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Berangkat sama di Majlis Mengadap itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Raja Dato Seri Ashman Shah ibni Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibuddin Shah.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin

Shah berada di negara ini bagi menghadiri dan membentangkan ucapannya di Majlis Forum Khas Mengenai Melayu Islam Beraja (MIB).

Hadir sama ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Juga hadir ialah ahli-ahli panel Forum Khas Mengenai MIB terdiri dari Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Profesor Emeritus Dato Dr. Khoo Kay Kim dan Yang Arif Datin Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Salleh.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Shah ibni Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibuddin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzwan. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Raja Muda Perak diraikan

JERUDONG, Rabu, 20 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat meraikan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzwan Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibuddin Shah di Majlis Persantapan Tengahari yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzwan, Raja Dr. Nazrin Shah berangkat tiba di negara ini bagi menyampaikan ucapan di Forum Khas Me-

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

ngenai Konsep Melayu Islam Brunei (MIB) yang bertajuk, 'Kecemerlangan Institusi Beraja' sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 Tahun anjuran Orang-orang Yang Dikurniai Gelaran.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah selaku Pengerusi

Jawatankuasa Tertinggi Majlis-majlis Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 Tahun anjuran Orang-orang Yang Dikurniai Gelaran dan Yang Amat Mulia Dato Seri Ashman Shah ibni Sultan Azlan Muhibuddin Shah dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Majlis Persantapan Te-



ngah Hari turut dihadiri oleh ahli-ahli panel forum yang terdiri daripada Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz

bin Juned; Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim; Yang Arif Datin Paduka Hajah Hayati binti Pehin

Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Salleh dan Profesor Emeritus Dato Dr. Khoo Kay Kim dari Malaysia.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan meraikan Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin, Raja Muda Perak Darul Ridzwan di Majlis Persantapan Tengahari yang berlangsung di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong. - Foto: Masri Osman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika mengurniakan sabda di Majlis Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Sesi Ke-61 di New York. - Foto: Ramli Tengah.

NEW YORK, Jumaat, 22 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersabda menyatakan beberapa pemikiran dan pandangan Negara Brunei

PBB perlu perubahan

Darussalam tentang perubahan terhadap PBB.

DYTM menghargai kerja-kerja terbaik sejauh ini yang telah dilakukan sejak bertahun-tahun lamanya oleh agensi-agensi badan dunia itu seperti oleh WHO, ESCAP, UNICEF, UNDP, UNESCO dan oleh para sukarelawan PBB di seluruh dunia.

Menurut DYTM agensi-agensi berkenaan boleh dipanggil sebagai nadi dan darah. Setiap hari pada setiap tahun mereka mencuba untuk memberikan harapan, keyakinan dan makna kepada kehidupan orang-orang biasa.

"Apa yang saya maksudkan ialah memberikan orang harapan bahawa sehingga masalah yang paling teruk sekalipun boleh dihadapi dan diselesaikan," sabda DYTM.

Untuk itu, DYTM mengucapkan terima kasih kepada mereka dengan peng-

hormatan yang tinggi terhadap dedikasi dan profesionalisme mereka. Mereka mewakili PBB pada tahap yang terbaik.

Menyatakan demikian ketika bersabda di Perhimpunan Agung PBB Sesi Ke-61 yang berlangsung di Ibu Pejabat PBB di sini, DYTM seterusnya bersabda tahun-tahun yang lalu, seperti juga pada setiap tahun dalam abad ini telah banyak membawa masalah yang berhubung kait dengan PBB yang mana akan terus dihadapi dan perlu diselesaikan.

"Sedihnya terasa semua itu seperti benda-benda biasa dalam 'Breaking News'. Bencana alam sekitar, kesihatan, bencana ekonomi dan keselamatan, kegagalan politik yang banyak dan juga kesengsaraan manusia yang besar yang mengikutinya.

"Bayangan seterusnya adalah suatu yang dramatik. Abad kita yang baru seolah-

olah menyerlahkan dirinya dengan pemandangan-pemandangan bencana, tanah runtuh, gempa bumi, tsunami dan bom keganasan. Imej-imej yang paling bertahan adalah manusia," sabda DYTM lagi.

Mereka ini, jelas DYTM adalah mangsa yang tersepit dalam peristiwa di mana mereka tidak dapat mengawalinya, mengetahuinya dan memberikan amaran. Hasil jangka panjang adalah perasaan mendalam terhadap tidak selamat. Ia telah meliputi kepada kehidupan setiap manusia secara individu dan juga keluarga dan setiap masyarakat di setiap negara yang kita wakili.

Ramai orang, sabda DYTM, merasakan kurang selamat dan mereka berusaha mencari jalan apa juga untuk menyelamatkan harapan bagi diri mereka.

"Di Asia, Afrika dan Amerika, mereka melakukan

perkara ini secara beramai-ramai. Mereka meninggalkan keluarga dan tanah air untuk berpindah. Mereka juga sering mempertaruhkan nyawa mereka pada risiko peribadi yang tinggi dalam usaha untuk memperkukuh harapan," sabda DYTM.

Fenomena itu, menurut DYTM melambangkan satu visi masa depan yang kurang jelas bagi berjuta orang penduduk kita. Ia juga mungkin akan lebih kabur lagi tanpa PBB, kadangkala dalam kemelut, dalam kawasan bencana dan di semua arena kehancuran, PBB menawarkan apa yang ia ada dengan cara memberikan harapan.

"Dengan yang demikian, pertimbangan kedua yang kita berikan bagi cadangan untuk perubahan adalah yang berbentuk kemanusiaan. Kita mengajukan pertanyaan yang mudah. Adakah cadangan berkenaan sesuai dan perlu bagi peng-

hidupan peribadi dan permasalahan orang-orang biasa?" sabda DYTM.

Penghidupan mereka, menurut DYTM semakin didominasi oleh cabaran-cabaran tinggi yang melampau dari abad baru ini. Ia adalah global. Mereka adalah saintifik, teknologikal, ekonomi, alam sekitar dan politik.

"Saya percaya ini bermakna kita mestilah meneruskan untuk menekankan betapa perlunya satu perubahan yang melebihi daripada hanya perubahan pentadbiran. Jadinya, pertimbangan ketiga kita terhadap perubahan adalah lebih praktis," sabda DYTM.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan turut menimbulkan persoalan adakah perubahan yang dicadangkan mencerminkan abad ketika ini, keutamaannya, cabaran-ca-

baran khususnya dan sifat-sifatnya yang berubah?.

Dalam erti kata yang lain, soal DYTM lagi adakah kita pasti bahawa kita tidak hanya mencuba menyelesaikan masalah abad ke-21 dengan mekanisme, keutamaan dan prosedur abad ke-20 dan kadang-kadang mekanisme abad Ke-19.

Ke arah itu, DYTM mengalu-alukan untuk meneruskan perbincangan dengan rakan-rakan pada tahun-tahun mendatang terhadap isu yang kritikal mengenai perubahan yang berkesan dan berpanjangan.

DYTM menegaskan perubahan yang akan dibuat memastikan bahawa badan dunia kita cukup berupaya untuk menangani abad ke-21 menggunakan syarat-syarat abad berkenaan.

PERKHIDMATAN AWAM MESRA PELANGGAN

قرخدمتن عوام مسرا قلثكن

دتریتکن اوله جیائن فرائغن، جیائن فردان منتري دان دجیتق اوله جیائن فرجیتقن کراچان، جیائن فردان منتري، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans	991
Polis	993
Bomba & Penyelamat	995
Mencari & Menyelamat	998
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING	
Air	140
Talian Kebajikan	141
Elektrik	144
Maklumat Penerbangan	2331747
Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)	2332600
Unit Pengurusan Bencana Alam	2381874
	2381313
	2382143
	2382027
Selesema Burung	8984777
	8985777

MENGUKUHKAN JALINAN PERSAHABATAN DENGAN CHINA

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

MENYINGKAP sejarah, Republik Rakyat China telah menjalin hubungan perdagangan dengan Negara Brunei Darussalam semasa pemerintahan Dinasti Western Han apabila peniaga-peniaga Cina menggunakan kapal-kapal dagangan mereka membuat persinggahan di negara ini.

Tercatat dalam lipatan sejarah apabila Raja Boni (nama lama bagi Negara Brunei Darussalam), Maharaja Karna mengetuai satu delegasi besar berangkat mengadakan lawatan ke Republik Rakyat China dalam tahun 1408, baginda telah dialu-alukan dengan sambutan yang begitu meriah.

Berasaskan sejarah hubungan kedua-dua buah negara sudah terjalin sejak lebih 2,000 tahun yang silam, lebih-lebih lagi dengan penemuan serpihan tembikar Dinasti Western Han telah menguatkan bukti tentang wujudnya hubungan dagangan tersebut.

Persahabatan kedua-dua buah negara dipereratkan lagi dengan termentainya hubungan diplomatik melalui penandatanganan Kenyataan Bersama pada 30 September 1991 di New York yang disusuli dengan penubuhan peringkat kedutaan.

Menandatangani bagi pihak Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, manakala Republik Rakyat China telah diwakili oleh Menteri Luarnya, Tuan Yang Terutama Qian Qichen.

Kerjasama dalam bidang politik antara kedua-dua belah pihak sudah berjalan sejak beberapa tahun melalui forum-forum serantau dan antarabangsa khususnya dalam konteks ASEAN yang mana ia dianggap penting terutama bagi keamanan dan kestabilan rantau ini.

Kedua buah negara adalah anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Mesyuarat Asia - Eropah (ASEM), Forum Serantau ASEAN (ARF), rakan dialog dalam ASEAN, di samping Jepun dan Korea Selatan.

Menyedari banyaknya peluang yang telah dan akan terus dikecapi bersama, kedua belah pihak semakin giat meneroka pelbagai bidang termasuk politik, ekonomi, kebudayaan, pendidikan, kesihatan serta pelancongan.

Bagi mengukuhkan lagi jalinan hubungan muhibah kedua-dua buah negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat mengadakan lawatan negara pada 4 November hingga 8 November 1993 ke Republik Rakyat China.

Antara tempat-tempat menarik dan bersejarah yang baginda lawati ialah Bandar Xian yang mempunyai lebih kira-kira 60 ribu beragama Islam daripada tiga juta penduduknya. Semasa di Xian, baginda telah singah dan seterusnya menunaikan sembahyang sunat di Masjid Besar (Great Mosque).

Sebagai memperingati keberangkatan lawatan itu, baginda telah berkenan mengurniakan sebuah kitab suci Al-Qur'an Mushaf Brunei Darussalam tulisan tangan kepada masjid berkenaan.

Kemudian dalam tahun 1999, baginda telah berangkat mengadakan lawatan kerja ke Republik Rakyat China. Di atas kebijaksanaan mengekalkan hubungan baik dan mesra antara kedua-dua negara, baginda telah diugerahkan Doktor Kehormat dalam Hubungan Antarabangsa (Honorary Doctorate in International Relations) daripada Beijing Foreign Studies University Pada 20 Oktober 2001 iaitu semasa Sidang Kemuncak APEC yang berlangsung di Shanghai.

Sejak penubuhan hubungan diplomatik 15 tahun yang lalu, beberapa perjanjian Memorandum Persefahaman (MOU) dalam pelbagai bidang telah dimeterai atas dasar kepentingan bersama.

Keberangkatan lawatan rasmi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah ke Republik Rakyat China baru-baru ini tentunya akan mengeratkan hubungan kedua buah negara.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berangkat tiba di Beijing pada 3 September lepas bagi memulakan keberangkatan ke Republik Rakyat China sebelum meneruskan lawatan ke Bandaraya Shanghai dan Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong.

Beijing dahulunya dipanggil Peking adalah ibu negara Republik Rakyat China dengan jumlah penduduk sekitar 14,560,000

orang merupakan bandar raya kedua terbesar selepas Shanghai mempunyai keluasan 16,808 kilometer persegi dengan kadar perkapita 366.3 bilion (GDP 2003).

Semasa di Beijing, Duli Yang Teramat Mulia telah mengadakan rundingan dua hala dan serantau dengan rakan sejawat Duli Yang Teramat Mulia, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri China, Tuan Yang Terutama Li Zhaoxing.

Dalam pertemuan yang berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Beijing, kedua-dua Menteri Hal Ehwal Luar Negeri juga menyuarakan rasa puas hati dengan hubungan kerjasama yang baik antara kedua-dua negara.

Susulan pertemuan muhibah itu, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama telah menandatangani MOU dalam bidang kerjasama pelancongan yang mengandungi 11 perkara bagi membolehkan kedua-dua belah pihak memajukan bidang pelancongan.

Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama kemudiannya menyempurnakan pelancaran Buku Koleksi Dokumen-dokumen Sejarah Mengenai Hubungan Dua Hala Antara China dan Negara Brunei Darussalam (The Collection of Historical Documents Related to Bilateral Relations Between China and Brunei).

Dalam sabda perutusan yang dimuatkan dalam buku itu, Duli Yang Teramat Mulia antara lain berharap Negara Brunei Darussalam akan terus memajukan hubungan kerjasama dengan China sebagai rakan kongsi terpenting di rantau Asia Pasifik moden.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia, hubungan itu mencerminkan sosiobudaya penduduk ke dua-dua negara yang berlainan latar belakang untuk lebih mengenali antara satu sama lain, persefahaman serta saling menghormati dan menghargai pengalaman masing-masing serta berkongsi sejarah yang menarik.

Duli Yang Teramat Mulia menambah, di tahun-tahun kebelakangan, kedua-dua buah negara merasa bangga di atas penerokaan semula pelbagai acara, cabaran-cabaran yang menandakan hubungan dengan China dan penduduknya telah wujud di masa yang lampau merupakan pengalaman indah untuk terus dipertingkatkan dengan pembaharuan semula jalinan silam.

Kandungan buku setebal 218 muka surat itu mema-



SEMPENA memperingati keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lawatan ke Republik Rakyat China, baginda telah berkenan mengurniakan sebuah kitab suci Al-Qur'an Mushaf Brunei Darussalam tulisan tangan kepada Imam Masjid Besar (Great Mosque) di Bandar Xian.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika berangkat melawat makam Raja Boni (nama lama bagi Negara Brunei Darussalam), Maharaja Karna pada bulan Jun 1993.

parkan rencana-rencana dan himpunan gambar-gambar artifak sejarah yang diterbitkan menggunakan dwibahasa iaitu bahasa Cina yang menggunakan kaligrafi tulisan Cina silam dan bahasa Inggeris.

Lawatan rasmi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selama empat hari, bermula 21 Mac 2002 merupakan satu lagi titik bersejarah dalam hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Negara Brunei Darus-

salam dan Republik Rakyat China sebelum itu juga telah menandatangani tiga MOU iaitu Persetujuan Pelaburan dan Perdagangan; Perlaksanaan Rancangan Bagi Pengembangan Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam dengan pembiayaan sendiri dan Perjanjian Penjualan Minyak selama setahun sempena lawatan negara Presiden Republik Rakyat China ke negara ini dalam bulan November 2000.

Dalam tahun 1993, Mesyuarat Rundingan Bersama (JCM) Ke-9 telah diadakan di Bandar Seri Begawan pada 14 Mei 2002.

Perdagangan dua hala di

antara kedua-dua buah negara terus meningkat di tahun-tahun yang lalu dengan kadar eksport Negara Brunei Darussalam dari bulan Januari hingga Jun 2002 berjumlah hampir B\$189 juta dan dalam masa yang sama kadar import adalah berjumlah B\$48 juta yang mana minyak dan gas adalah eksport terbesar dari Negara Brunei Darussalam ke China.

Hubungan persahabatan dan diplomatik yang telah terjalin antara kedua buah negara akan terus mendapat kemanfaatan dalam pelbagai bidang bagi kepentingan dan kesejahteraan bersama di era globalisasi.

Dikelolakan:



Kementerian Pendidikan

Dengan Kerjasama:

 Pelita بروني
BRUNEI

Kuiz Hari Guru 2006

Setiap borang penyertaan
awda berpeluang
memenangi empat hadiah

RTB
Pelita Brunei
Borneo Bulletin
Media Permata

4 in 1

WIN FOUR TIMES

1

 Dapatkan Borang Penyertaan
Secara

PERCUMA

 dengan membeli
Kad Hari Guru
 hanya di cawangan
 Pusat Pasar Raya
 Millimewah

Cara Penyertaan

Kuiz Hari Guru hanya diterbitkan di akhbar Borneo Bulletin, Media Permata, Pelita Brunei, dan melalui siaran televisyen di RTB. Jawablah soalan dengan menggunakan borang penyertaan yang disediakan atau dengan membeli Kad Hari Guru, awda berpeluang untuk memenangi 4 Hadiah dengan menyertai 4 Kuiz Hari Guru yang dinyatakan di atas.

Soalan Kuiz

- Tokoh ini digambarkan dalam syair Perlembagaan yang dikarang oleh Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dalam dua rangkap yang berbunyi:
 Seorang lagi..... namanya
 Berjawatan Guru tamat sekolahnya
 Amat sederhana barang gayanya
 Bermadah medengarkan dengan senyumanya
 Sekarang berjawatan pengelola Sekolah
 Sekolah melayu dilantik perintah
 Seakan menajagi dan waladah
 Jari dipicit sambli bermadah
 Siapakah tokoh yang dimaksudkan di atas?
 a. Dato Paduka Cikgu Awg. Haji Noordin bin Abdul Latif
 b. Dato Paduka Cikgu Awg. Haji Marsal bin Maun
 c. Dato Paduka Cikgu Awg. Haji Othman bin Bidin
- Pilih ayat di bawah ini bagi melengkapkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa majlis sambutan Hari Guru yang lalu.
 "Beta penuh yakin, guru-guru kita akan terus berpegang kepada ini, selama mana mereka tidak lupa akan tempat tumbuh mereka yang asal, sebagai orang Brunei"
 Adakah... a. Konsep MIB b. Konsep Nilai c. Konsep Orang Melayu
- Nasihat Siapakah yang dinyatakan ini?
 "Apabila anak-anak dihantar ke sekolah, ibu bapa jangan, 'lepas tangan'. Perlu ada kerjasama antara guru dengan ibu bapa."
 a. Tokoh Guru Tua b. Tokoh Guru Berjasa c. Tokoh Guru Cemerlang.

Syarat Penyertaan

- Penyertaan adalah terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
- Jawatankuasa Kuiz Sambutan Hari Guru Tahun 2006 adalah tidak dibenarkan untuk menyertai kuiz ini.
- Borang penyertaan adalah percuma dengan setiap pembelian Kad Hari Guru dan hanya boleh didapati di semua cawangan Pusat Pasar Raya Milimewah.
- Peserta hendaklah menjawab semua soalan dan ditulis dengan jelas. Keputusan pemenang kuiz adalah muktamad. Salinan fotostat borang penyertaan tidak dibenarkan.
- Peserta boleh memilih sama ada untuk menjawab sat' u, dua, tiga soalan atau menjawab keempat-empat kuiz.
- Borang jawapan hendaklah dihantar tidak lewat pada 28 September 2006, jam 1:30 petang kepada:
 - Jawatankuasa Kuiz Hari Guru 2006
Jabatan Perkembangan Kurikulum
Jalan Haji Basir, Pusu Ulak, B.S.B., BS8410
 - Pusat Pasar Raya Milimewah (Antara Satu Cawangan)
- Pihak penganjur berhak meminda syarat-syarat dan peraturan yang dinyatakan di atas.
- Hadiah yang tidak dituntut hingga akhir tahun 2006 adalah dikira mansuh.

Menangi Hadiah Istimewa


Undian Pada: 1st Oktober 2006
Undian Pemenang: di Rampai Pagi TV Brunei

Diurus oleh:

Disokong oleh:

Dengan Kerjasama:

Ditaja oleh:

Hadiah Disumbangkan:


 MAJU MULTITRONS
 MOTORS SDN. BHD.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايي

1. PENGENALAN: SOSIOLINGUISTIK DAN SUB-BIDANG KAJIANNYA

MENURUT Dell Hymes, sosiolinguistik adalah merupakan bidang yang mengkaji bahasa dari-pada segi hubungan antara latar, peserta, tajuk perbincangan, fungsi sesuatu interaksi, bentuk perhubungan dan nilai-nilai yang dipegang oleh ahli-ahli yang terlibat dalam pertuturan sesama sendiri.

Bidang ini juga boleh dikenali sebagai linguistik antropologi atau linguistik sosial, iaitu bidang yang mengkaji hubungan antara bahasa dan masyarakat. Lazimnya bidang ini menumpukan kajian bahasa itu dan topik atau konteks pengujarannya, seperti bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, laras bahasa, pidgin, kreol, bilingualisme, multilingualisme, dialek, ideolik, ragam bahasa, sikap terhadap bahasa dan kesetiaan terhadap bahasa juga perancangan bahasa.

2. LARAS BAHASA

Dalam kertas kerja ini, sehubungan dengan kajian sosiolinguistik, penulis akan cuba menyentuh secara ringkas tentang penggunaan laras bahasa, khasnya laras bahasa iklan perniagaan yang terdapat di akhbar-akhbar. Diperkecilkan skop kajian ini hanya kepada penggunaan laras bahasa iklan perniagaan yang terdapat di dalam Akhbar Minggu Malaysia, yang diterbitkan setiap hari Ahad.

Sebelum mengulas lebih jauh, ada baiknya diberi definisi laras itu. Laras bahasa secara kasarnya dapat dikaitkan dengan penggunaan bahasa penyampaian yang bersesuaian dengan bidang dan situasi bahasa atau konteks pengucapan. Laras bahasa juga boleh diertikan sebagai ciri-ciri khusus penggunaan bahasa mengikut bidang sesuatu ujaran atau wacana digunakan, contohnya laras bahasa doa, khutbah, upacara, sukan dan sebagainya.

Apakah yang mempengaruhi laras bahasa itu? Laras dipengaruhi oleh latar, penutur, peserta dan tujuan. Selain itu, laras juga dipengaruhi oleh tata bahasa, contohnya penggunaan ayat aktif dan pasif, dan panjang pendek ayat akan menghasilkan laras yang berbeza, di samping penggunaan kata-kata tertentu seperti kata-kata pinjaman dari bahasa Arab, bahasa Inggeris dan sebagainya, contohnya berfirman (laras khutbah/ceramah agama), multi (bahasa Inggeris) dan seumpamanya.

Beberapa ahli bahasa membahagikan laras itu kepada beberapa bahagian. Halliday, dalam hal ini membahagikan laras kepada tiga bahagian, iaitu **tajuk wacana, cara penyampaian dan gaya penyampaian**.

i. Tajuk Wacana

Ia merujuk kepada bidang yang diperkatakan, contohnya dalam bidang sains, biologi, perubatan, sukan, pendidikan, matematik, perniagaan dan sebagainya. Bidang-bidang ini akan menentukan kosa kata atau istilah serta jenis ayat yang akan digunakan.

Dalam hal ini, sekiranya wacana itu merupakan wacana ilmiah, maka ragam ayat pasif akan banyak digunakan dalam penyampaian wacana itu. Tetapi sebaliknya jika wacana itu berbentuk ulasan langsung, seperti ulasan perlawanan bola sepak, maka ragam ayat aktif (dengan imbuhan *me-*) dengan ayat tunggal yang pendek-pendek akan banyak digunakan untuk menyesuaikan situasi bahasa penyampaian dengan latar tempat / aksi (perlawanan bola sepak).

ii. Cara Penyampaian

Ia boleh disampaikan sama ada secara lisan atau tulisan. Dalam penyampaian secara lisan, si penyampai perlu menyesuaikan dengan konteks situasi, iaitu sama ada ia merupakan wacana syarahan atau ucapan, perdebatan atau doa. Begitu juga halnya jika sekiranya wacana itu berupa sebuah tulisan atau esei, laporan, surat rasmi atau surat peribadi, memorandum atau iklan - cara penyampaian itu harus bersesuaian dengan konteksnya.

iii. Gaya Penyampaian

Gaya penyampaian dapat diertikan sebagai teknik pengujaran itu, yakni pemilihan kata-kata yang bersesuaian. Ertinya, si penyampai perlu peka sama ada suatu ucapan itu disampaikan dalam situasi formal atau tidak formal. Contohnya, dalam memberi ucapan, si penyampai harus memikirkan adakah ucapannya itu disampaikan dalam majlis formal yang dihadiri oleh orang-orang kenamaan atau sebaliknya? Kebijaksanaan dan pertimbangan gaya penyampaian adalah penting untuk sesebuah interaksi berjalan dengan lancar.

3. JENIS DAN CIRI LARAS BAHASA

Laras bahasa dapat dibahagikan kepada dua golongan besar, iaitu **laras biasa dan laras khusus**. Laras biasa ialah laras yang digunakan atau diaplikasikan untuk masyarakat umum seperti laras dalam atau untuk bidang hiburan, laporan sukan, berita sukan, pengetahuan dan penerangan, syarahan, rencana, penyampaian maklumat dan pemujian (yang berbentuk rencana atau iklan). Sementara laras khusus pula ialah yang merujuk kepada kegunaan untuk khalayak khusus, seperti atau peminat dalam bidang tertentu dan pelajar-pelajar (rencana berkenaan bidang sains, laporan dan ulasan buku).

Namun demikian, terdapat tiga pembeza utama yang dapat membezakan antara laras biasa dengan laras khusus, iaitu kosa kata, tata bahasa dan gaya laras-laras itu.

'SOSIOLINGUISTIK: LARAS BAHASA IKLAN

Oleh : Muhsin

4. LARAS BAHASA BIASA: FORMAL DAN TIDAK FORMAL

Seperti yang diterangkan di atas, laras biasa ialah laras bahasa yang digunakan untuk khalayak umum tentang pelbagai bidang seperti hiburan, pengetahuan dan penerangan dan maklumat dan pemujian. Dari segi teknik wacananya, gaya ayat dalam laras ini adalah sederhana, ringkas dan padat. Erti kata lain, struktur ayat yang digunakan adalah mudah, contohnya laras yang tertera di papan keterangan: "Dilarang Masuk", "Dilarang Merokok", "Untuk Kaki Tangan Sahaja", "Jangan Membuang Sampah Di Sini".

Laras bahasa biasa dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu formal dan tidak formal:

i. **Laras bahasa biasa yang berbentuk formal** atau rasmi biasanya digunakan dalam majlis-majlis rasmi, dalam surat kiriman dan sebagainya, seperti laras bahasa yang digunakan juruacara majlis sambutan hari kebangsaan, dan dalam penulisan surat-memo-hon pekerjaan atau rayuan.

ii. **Manakala, laras bahasa biasa yang berbentuk tidak formal** merujuk kepada bahasa yang tidak formal yang digunakan sehari-hari, di mana banyak berlaku proses penguguran dalam ayat-ayat yang diucapkan baik penguguran subjek, predikat atau objek. (Seperti yang terdapat dalam perbualan santai remaja atau bahasa di pasar ikan).

5. LARAS BAHASA IKLAN

Menurut Kamus Bahasa Melayu, susunan Abrik Othman (1999), iklan dapat diertikan sebagai sesuatu kenyataan yang ditulis, dibuat untuk tujuan memberitahu kepada orang ramai atau masyarakat tentang sesuatu perkara atau maklumat. Iklan biasanya disampaikan melalui media massa - media cetak dan media elektronik. Namun ada juga yang berbentuk poster-poster yang ditampalkan pada dinding-dinding kenyataan dan sebagainya.

Iklan itu ada berbagai-bagai jenis antaranya, iklan yang dibuat khas oleh pihak kerajaan (seperti iklan-iklan kekosongan pekerjaan, iklan tawaran tender-tender dan sebagainya), iklan yang bersifat peribadi (umpamanya iklan-iklan ucapan tahniah atau ucapan takziah kematian seseorang) dan sebagainya.

Dalam kertas kerja ini penulis akan menyentuh tentang laras bahasa iklan perniagaan yang terdapat dalam akhbar, khasnya yang terdapat dalam Akhbar Minggu Malaysia, yang diterbitkan setiap Ahad. (Namun demikian, dapatlah dikatakan bahasa yang digunakan di dalam akhbar ini adalah terdiri dari pelbagai laras mengikut ruangan-ruangannya yang tertentu. Ini termasuklah laras berita dalam dan luar negeri, berita sukan, laporan politik, rencana/artikel dan sebagainya).

Seperti yang diterangkan di atas, fungsi iklan itu dibuat ialah untuk mempengaruhi pengguna dan untuk menimbulkan tanggapan tertentu tentang sesuatu produk atau barangan atau perkhidmatan yang hendak diperkenalkan. Dalam hubungannya dengan perniagaan, iklan adalah sesuatu yang mustahak dan menjadi salah satu faktor yang terpenting menggerakkan sesebuah perniagaan. Oleh yang demikian, kewujudan akhbar-akhbar selaku penyampai informasi perkembangan terbaru semasa baik tempatan, regional mahupun global berperanan secara tidak langsung sebagai landasan untuk syarikat-syarikat perniagaan memperagakan perniagaan dan barangan mereka.

Dalam Akhbar Minggu Malaysia, iklan-iklan perniagaan yang dipamerkan berbentuk bebas. Erti kata lain, pengiklanan dibuat tidak statik, walaupun terdapatnya ruangan khas 'Rampaklan' (seperti yang terdapat pada keluarannya 15 September 2002), iklan-iklan juga boleh berada di mana-mana bahagian atau segmen. Contohnya dalam keluarannya 15 September 2002, iklan sebatang pen berjenama PILOT diletakkan di muka hadapan akhbar, iklan serbuk pencuci DYNAMO diletakkan di muka surat 5 (segmen 'Dalam Negeri') dan dalam keluarannya 6 Oktober 2002, iklan nasi ayam Mc Donald berada di muka surat 40 (seg-

men 'Rancangan TV').

Namun ada sedikit perbezaan bentuk penyampaian iklan-iklan tersebut. Iklan-iklan yang disatukan atau dikumpulkan dalam ruangan 'Rampaklan' mengikut pengamatan penulis dilagani oleh syarikat atau peniaga-peniaga kecil-kecilan dan sederhana. Iklan-iklan yang diselitkan di ruangan ini bersaiz kecil, versi hitam-putih - ayat-ayat yang digunakan adalah ringkas dan padat. Contohnya, iklan-iklan jual beli rumah dan kedai, sewaan, iklan pinjaman wang, iklan perubatan / urut tradisional dan sebagainya.

Manakala iklan-iklan yang bersaiz besar, yang mempunyai ilustrasi-ilustrasi yang lebih menarik perhatian dan berwarna biasanya dibuat oleh syarikat-syarikat besar atau yang terkenal, seperti iklan makanan ala barat yang ada disebutkan di atas tadi.

6. CARA PENGHASILAN IKLAN & PEMILIHAN LARASNYA

Iklan-iklan yang dibuat terdiri dari pelbagai saiz yang biasanya disokong oleh gambar-gambar produk atau barangan yang diiklankan, disertai lukisan grafik, ilustrasi dan sebagainya. Dari itu, dengan memfokuskan laras bahasa yang digunakan, dapatlah dikatakan majoriti iklan dihasilkan dengan beberapa cara seperti berikut:

(a) Mempunyai Slogan

Slogan ialah kata-kata yang dijadikan pegangan sesuatu pertubuhan atau syarikat pengeluaran barangan. Seperti juga halnya dengan iklan-iklan di televisyen, sebilangan iklan-iklan di akhbar juga mempunyai slogan. Slogan dicipta sebagai trademark sesuatu barangan. Contohnya dalam iklan pil multivitamin Kiddi Pharamton dengan slogannya 'Membantu Anak Anda Membesar Untuk Masa Depan yang Cemerlang', juga slogan 'Cepat, Mudah, Mesra' iaitu seperti yang terdapat dalam iklan pinjaman wang, ruangan Rampaklan, 15 September 2002.

(b) Kaedah Pernyataan

Menyatakan secara langsung tujuan pengiklanan. Seperti yang banyak terdapat dalam ruangan Rampaklan, dengan menggunakan frasa-frasa atau klausa-klausa seperti 'Rumah/Kenderaan/Tanah Untuk Dijual/Sewa', 'Kerja Sambilan Kontraktor Dikehendaki Segera', 'Agensi Pembantu Rumah' dan sebagainya. (Merujuk Rampaklan 15 September dan 6 Oktober 2002).

(c) Ada Kaitan Konsep

Yang dimaksudkan dengan kaitan konsep ialah dengan mengaitkan sesebuah produk dengan sesuatu atau individu yang terkenal atau yang mempunyai nilai komersial, seperti dengan mengaitkan seseorang artis atau penyanyi dengan sesuatu produk barangan.

Dalam hal ini, merujuk MM 15 September 2002, sebuah syarikat pembekal akses internet, TM Net prabayar telah mengaitkan perniagaannya dengan melantik penyanyi terkenal Malaysia, Siti Nurhaliza sebagai duta TM Net. Kaedah iklan sebegini adalah bertujuan untuk menarik perhatian pelanggan, khasnya golongan remaja memandangkan penyanyi berkenaan mempunyai 'fan-based' yang begitu ramai. Begitu juga dengan barangan lain seperti sabun mandi, tilam berjenama, rantai berlian, minyak rambut dan sebagainya yang kebanyakannya turut dikaitkan dengan artis-artis, khasnya artis wanita. Dan artis berkenaan akan menyatakan sesuatu yang berupa ayat-ayat atau laras-laras tertentu yang dapat dijadikan tarikan barangan yang diniagakan.

(d) Umpanan

Kaedah umpanan kerap didapati dalam mana-mana iklan, tidak terkecuali iklan akhbar. Umpanan bermaksud merancang strategik untuk menarik atau memperdayakan pelanggan. Contoh laras iklan yang berbentuk umpanan ini adalah seperti yang berbunyi 'Beli Satu, Percuma Satu' atau yang terdapat dalam MM 15 September 2002, iaitu iklan berkenaan dengan peraduan minuman Vitagen dan Marigold yang menawarkan hadiah SATU SET RUANG

TAMU YANG LENGKAP, dengan syarat menggumpulkan beberapa banyak mungkin bukti pembelian minuman berkenaan. Selain itu, dalam iklan pesanan Cakera Padat (CD) Al-Qur'an Interaktif, ada dinyatakan kata umpanan yang berbunyi 'Penghantaran Pos Percuma'.

(e) Pesanan (Menyertakan Borang)

Terdapat juga iklan yang menyediakan kemudahan pesanan barangan dengan menyediakan borang pesanan. Misalnya, iklan pesanan Cakera Padat (CD) Al-Qur'an Interaktif yang menyediakan borang pesanan. Dalam borang itu mengkehendaki pembaca mengisikan butir-butir peribadi, seperti nama penuh, umur, jantina, bangsa, alamat, nombor telefon dan sebagainya.

Begitu juga halnya dengan, iklan peraduan minuman Vitagen dan Marigold yang menawarkan hadiah SATU SET RUANG TAMU YANG LENGKAP juga turut menyediakan borang penyertaan yang juga memerlukan pembaca yang ingin menyertai pertandingan itu untuk mengisi butir-butir peribadi yang dikehendaki. Tetapi dalam peraduan itu, ditambah dengan beberapa syarat penyertaan yang berupa sebuah wacana lengkap mengenai pertandingan tersebut.

(f) Bandingan

Iklan yang berbentuk sebegini dibuat dengan cara membandingkan sesuatu barangan dengan barangan lain. Umpamanya akan dinyatakan serbuk pencuci Dynamo lebih berkuasa daripada serbuk pencuci berjenama X.

(g) Gesaan

Laras iklan sebegini menggesa pengguna atau pembaca untuk mengambil perhatian perkara atau barangan yang diiklankan. Contohnya, dalam iklan makanan segera ala barat Mc Donald di atas ada menyatakan dengan klausa "Cubalah Nasi Ayam McD hari ini ..."

(h) Pertanyaan

Penggunaan penanda "?" kerap didapati dalam iklan-iklan akhbar. Teknik ini adalah salah satu lagi cara dalam penggunaan laras bahasa iklan. Dalam iklan cairan pencuci pakaian DYNAMO ada dinyatakan dengan ayat "LEBIH MUDAH! Bolehkah serbuk Pencuci Menjanjikan Yang Sama?"

Penggunaan tanda tanya "?" dapat menguatkan hujah-laras iklan. Erti kata lain ia seolah-olah memaksa pengguna menyahut cabaran iklan berkenaan. Contoh frasa lain yang digunakan ialah seperti, "Sakit Kepala? Sapulah Dengan Minyak Angin ABC".

7. KESIMPULAN

Dalam kertas kerja yang serba ringkas ini, dapatlah disimpulkan bahawa laras bahasa itu adalah berhubung kait dengan penggunaan bahasa atau ujaran atau ayat-ayat yang berkesesuaian dengan bidang dan konteks pengucapan.

Dalam kaitannya dengan iklan perniagaan yang terdapat dalam akhbar, khasnya akhbar Minggu Malaysia adalah bermacam-macam jenis dan bentuk penyampaiannya juga berlainan mengikut konsep-konsep barangan yang diiklankan. Pemilihan kata atau perkataan adalah kata-kata yang mudah difahami pembaca / masyarakat. Ini adalah kerana laras iklan termasuk dalam golongan laras biasa yang berlandaskan situasi khalayak umum.

Namun demikian, laras iklan tidaklah boleh dikatakan hanya mempunyai satu laras bahasa sahaja memandangkan iklan itu sendiri secara spesifiknya *flexible*, iaitu ayat-ayat yang digunakan dalam sesuatu iklan adalah mengikut tema dan konsep barangan yang diiklankan. Umpamanya iklan perubatan tidak akan mungkin memasukkan laras iklan makanan segera, begitu juga sebaliknya.

Laras bahasa iklan adalah laras bahasa biasa yang berbeza daripada laras bahasa khusus. Gaya penyampaian, pemilihan kosa kata dan tatabahasanya adalah ciri yang membezakan-nya.

IBADAT PUASA MEMPU NYAI RAHSIA DAN HIKMAT

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat usia, sihat tubuh badan dan nikmat keimanan yang mantap kerana dengannya kita dapat dipertemukan lagi dengan bulan yang mulia, bulan yang penuh rahmat, bulan keampunan dan bulan yang sangat tinggi darjatnya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala iaitu bulan Ramadan. Pada bulan Ramadan kita dituntut untuk menyempurnakan salah satu Rukun Islam iaitu ibadat puasa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 183, tafsirnya:


"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa."

Ibadat puasa mempunyai rahsia dan hikmat di sebalik tuntutan kefarduanannya, akan tetapi ianya hanyalah dapat diketahui oleh mereka yang benar-benar menghayati konsep dan tujuan sebenar ibadat puasa tersebut. Adapun di antara tujuan ibadat puasa itu difardukan ialah untuk melahirkan seorang mukmin yang bertaqwa. Taqwa dalam erti kata di sini ialah seseorang yang berpuasa itu takut daripada melakukan maksiat, kerana wajib ke atasnya meninggalkan segala runtuhan hawa nafsu dan perkara-perkara yang boleh mencacatkan ibadat puasa seperti mengumpat, berkhawat dan lain-lain lagi, apatah lagi perkara-perkara yang boleh membatalkan ibadat puasa seperti makan minum, melakukan persetubuhan di siang hari di bulan Ramadan dan sebagainya. Kerana nafsu membawa kepada keburukan, menghalakkan untuk melakukan perkara-perkara yang mungkar dan ketahuilah sebaik-baik benteng ialah dengan berpuasa seperti mana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Daripada Abi Hurairah Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Puasa itu merupakan perisai (dari api Neraka)."

Bagi mencapai kesempurnaan ibadat puasa, agama Islam telah menggariskan adab-adab dan tatacara berpuasa, di antaranya ialah menutup pandangan daripada melihat perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak dan perkara-perkara yang boleh melalaikan hati daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Sebagaimana yang ditegaskan menerusi firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nur ayat 30 - 31, tafsirnya:

"Katakanlah wahai Muhammad kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka daripada memand



dang yang haram dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Amat Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka daripada memandang yang haram dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya."

Seterusnya menjaga lidah daripada mengeluarkan kata-kata yang tidak berfaedah seperti berbual-bual kosong, mengumpat, berdusta, memfitnah, berbantah-bantah kerana perkelahian, bersumpah bohong dan sebagainya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, maksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu telah berkata ia: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Barang siapa yang tidak meninggalkan kata-kata yang

batil (dusta) dan melakukan perbuatan itu maka Allah tidak berhasrat padanya untuk dia meninggalkan makanannya dan minumannya."

Menjelang 1 Ramadan yang bakal kita tempuhi tidak lama lagi, selaku umat Islam pastinya kedatangan bulan yang mulia ini merupakan bulan yang sangat dinanti-nantikan

dengan penuh kegembiraan. Dalam hal ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum tiba bulan Ramadan, Baginda sering berdoa. Di antara doa Baginda itu ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh At-Tabrani dari Annas Radiallahuanhu, maksudnya:

"Ya Allah, berikanlah keberkatan kepada kami di

PERLU diingat juga, kehadiran para jemaah ke masjid untuk mengerjakan Sembahyang Tarawih itu adalah elok berterusan dari awal hingga ke akhir Ramadan. Jangan disebabkan kesibukan membuat persiapan untuk menyambut Hari Raya menjadi satu alasan untuk tidak menunaikan Sembahyang Tarawih berjemaah di masjid.

bulan Rejab dan Syaaban dan sampaikanlah kami ke bulan Ramadan."

Pernah diceritakan oleh Imam Sulaiman Al-Farisi sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Huzaimah dan lain-lain bahawa apabila akhir bulan Syaaban, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyampaikan khutbah kepada para sahabat-sahabat yang lain mengandungi beberapa panduan dan dorongan untuk memperbanyakkan amal ibadat dalam bulan Ramadan.

Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama merebut peluang keemasan ini dengan memperbanyakkan zikir, beristighfar, memperbanyakkan membaca Al-Qur'an, melakukan sembahyang sunat dan sebagainya, terutamanya Sembahyang Sunat Tarawih dan Sunat Witir yang amat dituntut dan afdal dilakukan secara berjemaah. Dalam mengerjakannya secara berjemaah, ianya sewajarnya di kerjakan secara sederhana iaitu tidak terlalu cepat dan tidak terlalu lambat yang penting sembahyang itu dikerjakan dengan sempurna mengikut rukun-rukun dan sunat-sunat serta syarat-syarat sah sembahyang mengikut hukum syarak. Elakkanlah kita melakukan secara berlumba-lumba.

Perlu diingat juga, kehadiran para jemaah ke masjid untuk mengerjakan Sembahyang Tarawih itu adalah elok berterusan dari awal hingga ke akhir Ramadan. Jangan disebabkan kesibukan membuat persiapan untuk menyambut Hari Raya menjadi satu alasan untuk tidak menunaikan Sembahyang Tarawih berjemaah di masjid.

Sebagaimana yang kita maklumi bulan Ramadan mempunyai beberapa kelebihan-kelebihan dan keistimewaan-keistimewaan yang tersendiri. Seperti mana hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, dari Abi Hurairah Radiallahuanhu Baginda bersabda, maksudnya:

"Sesiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala daripada Allah, akan diampunkan dosanya yang terdahulu."

Di bulan Ramadan ini juga, segala pintu-pintu Syurga terbuka luas, semua pintu Neraka tertutup rapat, hal ini dijelaskan dalam hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu berkata: Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Ketika bulan Ramadan tiba, maka semua pintu-pintu Syurga dibuka,

kesemua pintu Neraka akan tertutup, semua syaitan akan dibelenggu." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Oleh yang demikian, sudah jelas kepada kita betapa pentingnya ibadat puasa itu dilakukan, lebih-lebih lagi jika dilakukan dengan penuh keikhlasan, tawaduk dan mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Semoga dengan tibanya Ramadan pada tahun ini kita akan dapat melaksanakan setiap amal ibadat di sepanjang bulan yang mulia ini dengan lebih sempurna lagi dengan beroleh ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala. Amin ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Ahzab ayat 35, tafsirnya:

"Sesungguhnya lelaki dan perempuan yang Muslim, lelaki dan perempuan yang mukmin, lelaki dan perempuan yang tetap dalam ketaatan, lelaki dan perempuan yang sabar, lelaki dan perempuan yang khusyuk, lelaki dan perempuan yang bersedekah, lelaki dan perempuan yang berpuasa, lelaki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, lelaki dan perempuan yang banyak menyebut nama Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka ampun dan pahala yang besar."

وقت سمبهيڠ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڠ، امساک، شوروق دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 4 رمضان، 1427 برسماامن دغن 27 سفتيمبر، 2006 هيڠك كهاري ثلاث، 10 رمضان، 1427 برسماامن دغن 3 اكتوبر، 2006 اداله سمرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسحی
رمضان									سفتيمبر
4	12.13	3.22	6.15	7.24	4.42	4.52	6.08	6.31	27
5	12.13	3.23	6.14	7.23	4.42	4.52	6.08	6.31	28
6	12.12	3.23	6.14	7.23	4.42	4.52	6.08	6.31	29
7	12.12	3.23	6.13	7.22	4.42	4.52	6.08	6.31	30
8	12.12	3.23	6.13	7.22	4.41	4.51	6.07	6.30	1 اكتوبر
9	12.11	3.23	6.13	7.21	4.41	4.51	6.07	6.30	2
10	12.11	3.23	6.12	7.21	4.41	4.51	6.07	6.30	3

وقت ۲ سمبهيڠ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڠ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تغهاري.

HINDARKAN PERKARA-PERKARA YANG MENJEJASKAN KESEMPURNAAN IBADAT PUASA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

3. MELAKUKAN PERKARA-PERKARA HARUS NAMUN IA TIDAK SELARI DENGAN RAHSIA PENSYARIATAN IBADAT PUASA

ANTARA tujuan pensyariatan ibadat puasa itu ialah untuk melatih diri seseorang supaya lebih mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Menurut ulama', berlajar dan berdagang itu dapat melemahkan dan mengekang nafsu syahwat daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah dan perkara-perkara maksiat. Keadaan rasa lapar dan perut yang kosong itu akan memberi kesan yang besar dalam menjernihkan hati seseorang dan seterusnya akan menggiatkan lagi anggota tubuh badan untuk melakukan amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sebaliknya perut yang kenyang itu akan menyebabkan hati menjadi keras dan mudah alpa daripada mengingat Allah dan ini akan mendorong rasa malas untuk melakukan perintah-perintah-Nya.

Oleh sebab itu, ketika berbuka puasa seseorang itu dituntut agar tidak makan secara berlebihan sehingga terlahi kenyang kerana ini bertentangan dengan maksud dan rahsia ibadat puasa itu sendiri.

Antara perkara-perkara yang tidak selari dengan rahsia ibadat puasa itu juga ialah tidak menjaga diri daripada apa yang dinamakan sebagai perkara-perkara syahwat yang mubah. Syahwat yang dimaksudkan dalam hal ini ialah perkara-perkara yang selalunya menjadi keinginan seseorang dan pada dasarnya hukumnya adalah harus dan tidak membatalkan puasa. Perkara-perkara ini dapat dikategorikan sebagai perkara-perkara yang menyeronokkan sama ada perkara-perkara yang sedap didengar, dilihat, disentuh ataupun dihidu.

Antara contoh perkara-perkara di atas ialah menderang lagu-lagu yang dinyanyikan tanpa alat-alat muzik yang haram digunakan, melihat perhiasan-perhiasan atau ukiran-ukiran yang cantik atau sedap dipandang dan juga menghidu minyak-minyak wangi atau benda-benda yang harum.

Atas sebab yang sama seperti di atas, mandi kerana tiada tujuan yang dituntut oleh syarak atau sekadar bersuka-suka pada siang hari bulan Ramadan juga makruh dilakukan. Bagaimanapun, sekiranya tujuan mandi itu adalah kerana mengerjakan Sembahyang Jumaat, tidak sempat mandi jubah sebelum terbit fajar, ingin menghadapi perhimpunan orang ramai, bau badan yang busuk atau seumpamanya, maka mandi atas tujuan-tujuan tersebut tidaklah makruh bahkan dituntut dan disunatkan pula.

Sayugia diingatkan dalam perkara ini, jika majlis yang ingin dihadiri itu diadakan pada sebelah malam, maka menurut pendapat setengah ulama' adalah lebih baik (disunatkan) mandi pada sebelah malam juga dan bukannya pada siang hari ketika mengerjakan puasa.

Menurut ulama' juga, lebih awla (utama) mening-

galkan bercaluk mata ketika mengerjakan puasa, kerana ia juga merupakan perbuatan berhias-hias dan bersenang-senang yang tidak sehaluan dengan rahsia ibadat puasa itu sendiri.

4. BERSIWAK SELEPAS MASUK WAKTU ZUHUR SEHINGGA SEBELUM WAKTU TERBENAMNYA MATAHARI

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu yang maksudnya:

"Bau busuk mulut orang yang berpuasa itu pada Hari Kiamat lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Perkataan 'lebih harum' dalam hadis ini merupakan pujian dan tanda keredaan Allah Subhanahu Wata'ala terhadap orang yang tidak menghilangkan bau mulutnya akibat berpuasa itu. Ini juga membawa maksud bahawa perbuatan membiarkan bau mulut ketika berpuasa itu merupakan satu perkara yang dituntut. Sebaliknya menghapuskan-punya pula adalah makruh.

As-Sayyid Al-Bakri Rahimahullah menyatakan sebab mengapa bersiwak itu makruh setelah masuknya waktu Zuhur adalah kerana bau mulut yang terhasil pada waktu itu adalah kesan daripada ibadat puasa yang dikerjakan. Bau mulut yang terjadi sebelum waktu itu pula boleh jadi disebabkan oleh faktor-faktor yang lain seperti kesan makanan atau minuman yang diambil sebelum ismak.

Sesetengah ulama' berpendapat jika bau mulut bukan disebabkan kesan ibadat puasa semata-mata contohnya bau mulut kerana tidur atau kerana termanak makanan yang berbau busuk secara tidak sengaja, maka tidaklah makruh bersiwak ataupun memberus gigi walaupun selepas masuknya waktu Zuhur.

Bagaimanapun, menurut Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullah, pendapat yang awjah (lebih tepat) menyatakan hukum makruh itu tetap berlaku sekalipun perubahan bau itu bercampur antara kesan berpuasa dengan kesan faktor yang lain.

Atas sebab yang serupa, maka dapat dikisahkan bahawa memberus gigi selepas waktu tergelincirnya matahari juga makruh. Bagaimanapun, dalam hal ini seorang yang sedang berpuasa mestilah memastikan bahawa air, ubat gigi dan seumpamanya tidak masuk ke bahagian had batin mulut sewaktu memberus gigi kerana jika ini berlaku ianya akan membatalkan puasa.

5. MENGUCUP ISTERI ATAU SEBALIKNYA

Makruh ke atas orang yang mudah terangsang syahwatnya untuk melakukan perhubungan atau mudah inzal (keluar air mani) mengucup isteri atau suami pada bibir, mencium pipi dan sebagainya ketika sedang mengerjakan puasa. Perbuatan tersebut makruh kerana ditakuti ia boleh mendorong seseorang untuk melakukan perhubungan.

Sementara orang yang tidak mudah terangsang syahwatnya pula, meninggalkan perbuatan mengucup bibir isteri atau mencium pipinya adalah lebih utama kerana setiap orang yang berpuasa disunatkan untuk menjauhkan dirinya daripada segala perkara-perkara syahwat.

Menurut Al-Imam An-Nawawi Rahimahullah, perbuatan mencium bibir itu termasuk dalam kategori karahah at-tahrim (makruh yang hampir kepada peringkat haram) kerana ia boleh merosakkan ibadat puasa yang dikerjakan.

Juga termasuk dalam perkara-perkara yang mendorong berlakunya perhubungan atau inzal itu ialah berpelukan, bersentuhan kulit tanpa dilapiki oleh sesuatu dan sebagainya. Oleh sebab itu, ulama' mengkiaskan perkara-perkara tersebut adalah seperti hukum mencium ketika mengerjakan puasa.

6. BERBEKAM

Berbekam pada dasarnya harus dan tidak membatalkan puasa. Bagaimanapun, meninggalkannya adalah lebih utama kerana perbuatan tersebut boleh melemahkan tubuh badan orang yang berpuasa dan ini akan mendorongnya untuk berbuka.

Makruh juga melakukan perkara-perkara yang seumpamanya, seperti menderma darah di siang hari bulan Ramadan bagi orang yang sedang berpuasa kerana perbuatan ini boleh melemahkan anggota badan.

Abdul Rahman bin Abu Laila berkata bahawa seorang lelaki daripada kalangan sahabat Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah meriwayatkan yang maksudnya:

"*Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam melarang daripada berbekam dan mengerjakan puasa wishal (menyambung puasa secara berterusan tanpa berbuka di malam hari). Bagaimanapun Baginda tidak mengharamkan kedua-dua perkara itu kerana kasih Baginda terhadap sahabat-sahabatnya.*" (Hadis riwayat Abu Daud).



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 232 Bahagian Akhir

PENUTUP

Adalah mustahak bagi setiap Muslim memastikan puasanya itu jauh daripada perkara-perkara yang dilarang walaupun larangan-larangan itu hanya dalam peringkat makruh supaya puasanya itu menjadi suatu puasa yang berkualiti dan bukanlah sekadar memperoleh lapar dan dahaga sahaja.

Sememangnya untuk mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara makruh semasa puasa ini memerlukan kesungguhan dan kesabaran yang tinggi. Hanya hamba yang bersifat sabar, ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam mendirikan puasa sahaja yang mampu dan akan berusaha bersungguh-sungguh menjaga anggota zahir dan batinnya daripada melakukan larangan-larangan ini semata-mata kerana inginkan ganjaran yang lebih dan berlipat ganda serta mengharap keredhaan Allah. Orang-orang yang sabar dan ikhlas ini akan Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan dengan pahala yang tidak terkira yang tafsirnya:

"*Sesungguhnya orang-orang yang bersabarlah sahaja yang akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.*" (Surah az-Zumar: 10).

Abu Sa'ed Al-Khudri Radiallahuanhu berkata: Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"*Barangsiapa yang berpuasa bulan Ramadan dan mengetahui batas aturannya serta menjaga perkara-perkara yang patut dijaga maka dihapuskan dosadosa yang telah lalu.*" (Hadis riwayat Ahmad dan Ibnu Hibban).

Melakukan perkara makruh itu walaupun tidak berdosa, namun ia tetap mempunyai nilai larangan dalam menuju kesempurnaan ibadat puasa.

WALLAHU'ALAM

Ramadan membina peribadi insan cemerlang

Benarlah janji Allah Subhanahu Wata'ala seperti mana yang diungkapkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bahawa awal Ramadan dipenuhi dengan 'rahmat', pertengahannya pula dipenuhi dengan 'keampunan' dan akhirnya 'selamat daripada azab Api Neraka'. Inilah keberkatan Ramadan yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan pelbagai anugerah dan kurniaan yang teristimewa kepada umat Islam.

Sebenarnya keberkatan hidup dalam bulan Ramadan tidak dapat digambarkan melalui kata-kata. Kalimah 'keberkatan' itu sendiri yang bermaksud 'kebaikan Allah yang amat banyak sudah boleh menjelaskan betapa besarnya nikmat Allah Subhanahu Wata'ala dalam semua aspek hidup manusia di atas muka bumi ini. Keberkatan Ramadan memperibadikan banyaknya nikmat Allah yang diberikan-Nya kepada seluruh makhluk-Nya sempena kedatangan Ramadan. Bulan Ramadan merupakan 'madrasah' yang mendidik umat Islam membina peribadi insan yang cemerlang. Sepanjang bulan Ramadan, syariat Islam menyediakan pelan pendidikan terbaik dalam jangka masa yang sesuai bagi membentuk peribadi Muslim yang memiliki ketakwaan yang tinggi kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Alangkah bertuahny individu Muslim yang berjaya mengharungi proses tarbiyah ini dengan penuh kesabaran.

Jika kita telusuri sepanjang Ramadan, segala perintah serta larangan yang terkandung di dalamnya adalah proses-proses yang telah disyariatkan untuk mengembalikan martabat 'fitrah' manusia. Diri yang 'fitrah' ini akan berada hampir dengan Penciptanya serta berada dalam lingkungan nikmat dan peliharaan Allah. Tidak ada balasan yang lebih baik melainkan balasan Syurga dan segala dosa akan diampunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala melalui keberkatan Ramadan. Allah menjanjikan pengampunan segala dosa kepada individu yang benar-benar memohon ampun dari-Nya dan memerintahkan kita memperbanyakkan amalan kebaikan supaya ganjaran kebaikan yang banyak itu akan menghapuskan segala kemaksiatan yang telah dilakukan. Muslim mukmin yang memahami keberkatan Ramadan sebagai tempoh waktu untuk mendekatkan diri kepada Allah, menghapuskan segala dosa dan menyucikan jiwa, maka jiwanya akan terasa sayu kerana Ramadan akan pergi meninggalkannya. Itulah gambaran yang terjadi kepada kehidupan para sahabat Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang benar-benar terdidik dengan pancaran iman dan takwa.

Di sepanjang bulan Ramadan iaitu di siang hari kita diwajibkan berpuasa dengan penuh keimanan sebagai suatu perintah yang wajib. Kita digalakkan mempertingkatkan amal ibadat

dat kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyakkan melakukan sembahyang-sembahyang sunat, membaca Al-Qur'an dan berzikir, terutama sekali pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan dengan penuh rasa keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Beruntunglah bagi orang-orang yang memperoleh apa yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala pada sepuluh malam terakhir tersebut iaitu Malam Lailatul Qadar. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qadar ayat 1 hingga 5, yang tafsirnya:

"*Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Qur'an) ini pada Malam Lailatul Qadar. Dan apa jadinya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul Qadar itu? Malam Lailatul Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikutnya); sejahteralah malam yang berkat itu hingga terbit fajar.*"

Kekuatan umat Islam terbina di atas kekuatan peribadi umat Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Al-Qur'an dan As-Sunnah. Ramadan adalah medan terbaik untuk mendidik individu muslim bagi menajana kekuatan Islam. Kekuatan dan kecemerlangan individu muslim terbina hasil amal ibadat yang dilakukan secara ikhlas serta istiqamah di sepanjang Ramadan. Teruskanlah istiqamah di atas landasan yang direndai ini supaya keluarga, masyarakat dan agama dapat manfaat daripada semangat Ramadan. Mudah-mudahan perjalanan ibadat di bulan suci ini dapat kita sempurnakan tanpa halangan dan akan membawa bekal berupa pahala sebanyak-banyaknya.

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah

كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

BERSYUKUR kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah melanjutkan usia dan memberikan kita peluang bertemu lagi dengan bulan yang mulia dan penuh dengan kerahmatan serta pengampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala iaitu bulan Ramadan yang diwajibkan ke atas kita umat Islam untuk melakukan ibadah puasa. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 183, yang tafsirnya:

"*Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, moga-moga kamu bertakwa.*"

Alhamdulillah, hari demi hari di bulan Ramadan ini dapat kita lalui dengan baik dan suasana manusia memperhambakan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala demi mengharap keredaan-Nya mewarnai keceriaan hidup di sepanjang Ramadan. Keistimewaan kehidupan di bulan Ramadan dapat dirasakan dalam seluruh aktiviti kehidupan kita. Aktiviti harian kita berubah apabila memasuki bulan Ramadan. Perubahan inilah yang mewujudkan satu keistimewaan yang amat dirasakan oleh setiap masyarakat Islam sehingga apabila Ramadan berlalu pergi, kita amat terasa kehilangannya.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Kerjasama masyarakat, sekolah perlu wujud

DISIPLIN adalah latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tata tertib. Tugas menegakkan disiplin penuntut di sekolah bukan hanya terpitik di bahu guru disiplin atau guru besar mahupun ketua murid, ianya adalah tanggungjawab setiap individu di sekolah, ibu bapa dan masyarakat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada bertitah bersempena Hari Keputeraan baginda yang ke-44 tahun pada 15 Julai, 1990.

"Adalah menjadi hasrat beta untuk meningkatkan ketahanan nasio-

nal dalam menghadapi berbagai cabaran sosial dan ekonomi dunia di abad ke-21. Maka untuk mencapai hasrat ini, negara adalah memerlukan rakyat dan penduduk yang berdisiplin, bersopan santun dan penuh pemedulian, serta sentiasa bersikap dedikasi dan mempunyai komitmen kepada tanggungjawab dan tugas masing-masing."

Di dalam konteks ini, orang-orang yang diamalkan dengan tanggungjawab dan kewajipan, sama ada dalam kerajaan mahupun dalam masyarakat pada amnya, hendaklah mempunyai semangat bekerjasama yang kukuh sambil berusaha melenyapkan perasaan

mementingkan diri sendiri.

Hanya dengan semangat bekerjasama di antara satu dengan yang lain saja, kita akan dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.

Antara rumah dengan sekolah perlu ada semangat bekerjasama dan saling bantu-membantu barulah akan sempurna keperibadian penuntut itu dari segi rohani, jasmani, mental dan jiwa, bahkan dia nanti akan menjadi suatu anggota yang dedikasi dalam membangun umatnya dan meninggikan agamanya. Kerjasama antara dua pihak ini amat penting bagi memastikan kesamaan dalam penerapan disiplin kepada para penuntut. Kerjasama ini

turut membantu ibu bapa itu sendiri menjadikan anaknya seorang anak yang mentaati ibu bapa. Ada Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Abus-Syaikh yang kira-kira bermaksud:

"Moga-moga Allah merahmati ayah yang membantu anaknya untuk mentaatinya."

Masyarakat memang sepatutnya bekerjasama dengan sekolah dan rumah dalam memata-matai kelakuan penuntut agar disiplin itu terus dipraktikkan oleh mereka walaupun mereka di luar lingkungan sekolah dan rumah. Jangan hendaknya kita menjadi golongan seperti mana dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan

oleh Al-Baihaqi yang kira-kira bermaksud:

"Siapa berpagi-pagi tiada mengambil berat tentang urusan kaum Muslimin, maka dia bukan dari golongan mereka."

Jelasnya, menegakkan disiplin di kalangan para penuntut itu adalah tanggungjawab bersama. Semoga dengan kita bersama-sama mengusahakannya, para penuntut itu nantinya akan menjadi pelapis bangsa dan agama yang cemerlang, terbilang dan gemilang.

Awang Hasrulraizan bin Haji Kahar,
No. 60 - 40, Kampong Sungai Akar, Jalan Sungai Akar, BC 3915.
No. k/p: 00-261828

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Bersama Menangani Disiplin Penuntut Sekolah'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

motivasi kaunseling patut dijadikan satu aktiviti tahunan dalam membentuk disiplin penuntut seperti memanggil pakar kaunseling remaja dari institusi lain yang diundang oleh pihak sekolah. Jawatan kuasa disiplin juga perlu ditubuhkan di setiap sekolah. Guru disiplin sekolah juga boleh membantu dengan memanggil pihak ibu bapa dengan memaklumkan kesalahan dilakukan oleh anak mereka dan pada masa yang sama dinyatakan tindakan yang diambil oleh sekolah. Pembabit ibu bapa di sekolah perlu dibuat secara menyeluruh bukan sahaja dalam pelajaran te-

tapi juga disiplin anak mereka sendiri.

Secara kesimpulannya, masalah disiplin ini bermula dari rumah, jika ibu bapa sentiasa mengambil berat, pasti anak mereka menjadi orang yang diharapkan pada masa depan. Jika ibu bapa mampu mendisiplinkan anak di rumah, pasti anak mereka akan berdisiplin di sekolah atau di rumah.

Haji Azreem bin Haji Ramli,
No: 6 Simpang 74-41-31, Kampong Mata-Mata Gadong, BE 1718.
No. k/p: 00-124710.

Disiplin penuntut bermula di rumah

DALAM menghadapi arus kemajuan dan cabaran masa kini, keperluan terhadap pembentukan akhlak mulia semakin mendesak memandangkan masalah-masalah sosial timbul selari dengan kepesatan kemajuan dunia.

Disiplin merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang perlu kita amalkan sedari kecil lagi. Proses pembentukan disiplin bermula dari rumah sehingga ke alam persekolahan. Di alam persekolahan semakin banyak diperkatakan mengenai disiplin penuntut, semakin banyak kes baru membabitkan salah laku disiplin timbul. Ada yang

bergaduh sesama sendiri, ponteng, mengugut guru, merokok dan pelbagai salah laku lain berlaku memeningkan semua pihak terutama pengetua, guru disiplin dan ibu bapa.

Dengan adanya peraturan baru, merotan tidak lagi dibenarkan. Mungkin jika merotan dibenarkan, sebahagian masalah ini dapat diselesaikan. Walaupun menyakitkan dan memalukan, ia lebih baik kerana kesakitan yang dirasakan akan tertanam dalam jiwa penuntut yang melakukan kesalahan untuk tidak mengulangi kesalahan sama pada masa depan. Pada masa sama, penuntut lain tidak berani meniru atau

melakukan kesalahan disiplin kerana mereka tahu hukuman yang dikenakan.

Tetapi kaedah itu tidak lagi sesuai kerana ia akan menyebabkan penuntut yang dirotan berasa rendah diri, menyendiri atau bertindak lebih agresif. Yang lebih membimbangkan ialah tindak balas ibu bapa yang boleh menyaman guru dan sekolah jika menganggap tindakan merotan anak mereka didapati menyalahi peraturan sekolah.

Di antara kaedah terbaik dalam menangani disiplin penuntut ialah dengan adanya guru kaunseling yang sedikit sebanyak berperanan membantu penuntut yang bermasalah. Ceramah

Jangan mudah menuding jari

MEMBENTUK pelajar yang bersifat positif dan berbangga dengan bangsa dan negaranya sendiri, bukanlah satu perkara yang mudah, lebih-lebih lagi kita pada hari ini hidup dalam dunia 'terbuka dan tanpa sempadan' dan kita tidak dapat mengelak berhadapan dengan pengaruh-pengaruh negatif di era siber yang serba canggih ini. Ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi generasi remaja kita termasuk golongan penuntut dan mengakibatkan pelanggaran disiplin jiwa pelajar berlaku.

Apa yang perlu kita lakukan ialah membina benteng ketahanan diri dilengkapi dengan pengetahuan agama, akhlak dan disiplin serta pengalaman nilai-nilai murni beracuan Brunei yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja (MIB). Ini jugalah yang menjadi harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagaimana dalam petikan titah baginda pada 26 Julai 1988 yang berbunyi:

"Keadaan ini hanya akan terjamin jika Negara Brunei Darussalam dapat melahirkan tenaga manusia yang berkecayaan dan berkemahiran

serta berdisiplin dan mengekalkan ciri-ciri kebruneian di dalam kehidupan seharian."

Bukan mudah untuk membentuk masyarakat yang tercemerlang, gemilang dan terbilang. Semua pihak harus memainkan peranan. Untuk merealisasikan bukannya suatu perkara yang mudah kerana ianya memerlukan usaha yang berpanjangan yang sesungguhnya memerlukan komitmen daripada pelbagai pihak untuk membentuk generasi yang bakal menjana negara ke arah yang lebih gemilang serta melahirkan generasi yang berkhidmat dari segi tingkah laku.

Ini kerana penuntut/pelajar merupakan aset penting dan bakal pewaris kepimpinan serta tamadun masa depan bangsa dan negara. Mereka perlu berilmu, berdisiplin dan berkualiti agar menjadi insan sempurna yang akan dapat mencurahkan bakti kepada bangsa, agama dan negara.

Masalah disiplin di kalangan penuntut akhir-akhir ini mendapat perhatian ibu bapa dan masyarakat umum. Menyentuh mengenai disiplin penuntut di sekolah, kita tidak-

boleh menuding jari menyalahkan mana-mana pihak. Sama ada ianya berlaku dalam waktu sekolah atau sebaliknya. Kita patut berterima kasih dan menghargai atas ketelusan dan keterbukaan pihak sekolah dalam sama-sama menangani masalah tersebut. Disiplin pelajar ditingkatkan melalui pendidikan agama dan sivik, khidmat nasihat dan kaunseling, mengenalkan tindakan disiplin, di samping memberikan pengajaran kepada pelajar yang terlibat.

Kepakaran guru-guru dalam mengasuh dan mendidik pelajar secara psikologi dan akademik akan dapat meningkatkan disiplin pelajar. Pembentukan disiplin di sekolah adalah sama pentingnya penyebaran ilmu pengetahuan yang berupa pendidikan secara formal dan bersistem.

Pemantauan yang dibuat pihak sekolah hanya dalam suasana sekolah dan dalam masa yang sama pengawasan tingkah laku pelajar semasa di rumah perlulah dipantau oleh ibu bapa, keluarga atau penjaga mereka. Dalam hal ini, pastinya ibu bapa atau penjaga akan diberi fokus utama

kerana mereka adalah golongan yang paling hampir dengan diri pelajar.

Perpecahan institusi kekeluargaan dan kurangnya pemahaman terhadap agama adalah merupakan salah satu penyumbang utama. Sikap ibu bapa yang kurang memberi perhatian dalam perkembangan rohani anak membuatkan mereka berasa kecewa. Oleh itu asas keagamaan amat penting dipupuk dalam diri seseorang, kerana ianya sentiasa menjadi benteng dan pedoman dalam menempuh hidup. Kasih sayang adalah punca utama dalam melahirkan sebuah masyarakat madani. Sehubungan itu untuk mencapai realiti ini peranan dan kerjasama keluarga dalam mendidik anak adalah tunjang utama untuk membentuk insan yang rabbani.

Dengan jalan bimbingan, pemantapan dan pemeliharaan menjadikan ianya jalan penyelesaian terhadap masalah disiplin pelajar kita. Bagaimanapun perlaksanaannya tidaklah semudah melancarkan tulisan di atas kertas putih. Ia menuntut usaha yang gigih, jerih payah yang tidak me-

ngenal putus asa dan keikhlasan serta kesabaran yang tinggi. Apa pun usaha yang dilaksanakan oleh pihak yang terlibat dalam menanamkan akhlak yang unggul di kalangan para penuntut, ianya tidak membuahkan kejayaan yang diharapkan tanpa komitmen dari diri penuntut itu sendiri.

Peranan merekalah menentukan jatuh bangunnya sebuah negara. Dengan adanya gandingan pihak sekolah, guru-guru khasnya, ibu bapa serta penjaga juga masyarakat memberikan bimbingan dan pemahaman, mengharap hala fikir yang menjurus kepada kerangka yang selari dengan aspirasi serta memahami dan menghayati peranan dan misi yang perlu mereka mainkan bukan saja untuk menyumbang kemajuan negara bahkan menjana kualiti diri dengan akhlak dan saksiah yang mantap.

Hamidah binti Haji Abdul Hamid,
No. 7, Simpang 661-78, Rancangan Perpindahan Rakyat Kampong Ratale, Temburong PE 2951.
No. k/p: 01-044652.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Berjimat Cermat Dalam Berbelanja'. Tarikh tutup 4 Oktober 2006.

2. 'Hidupkan Ramadan Dengan Banyakkan Sedekah dan Kerja Amal'. Tarikh tutup 11 Oktober 2006.

3. 'BSB Terus Berkembang Maju'. Tarikh tutup 18 Oktober 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunet.bn

Bersama menangani disiplin penuntut sekolah

DISIPLIN menurut Kamus Dewan ialah latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tata tertib. Peraturan ditetapkan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik. Sekolah pula merupakan institusi yang dipertanggungjawabkan untuk memberi penerangan dan pendidikan agar membentuk manusia yang berpengetahuan, berkemahiran dan boleh berfikir secara rasional.

Setiap sekolah mempunyai dasar yang tegas iaitu adanya peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur tertentu yang telah ditetapkan untuk dipatuhi oleh setiap insan khususnya para penuntut. Mereka perlu mengikuti setiap peraturan sekolah yang telah ditetapkan untuk mendisiplinkan diri mereka agar mempunyai nilai-nilai moral yang mulia serta agar dapat memanfaatkan masa belajar dalam keadaan sempurna.

Ibu bapa berperanan dalam membentuk disiplin positif anak-anak kerana mereka merupakan guru pertama yang mempengaruhi perkembangan mental, emosi, sahsiah dan sosial kanak-kanak. Mereka bertanggungjawab untuk memastikan kelengkapan keperluan anak-anak mereka agar tidak menimbulkan masalah disiplin sekolah. Mereka perlu memastikan anak-anak datang ke sekolah tepat pada masa yang telah ditetapkan, memakai pakaian seragam sekolah yang bersesuaian, menyiapkan tugasan yang telah diberikan oleh guru dan bekerjasama dengan pihak sekolah dalam mematuhi setiap arahan peraturan-peraturan sekolah.

Para guru juga mempunyai tanggungjawab dalam menegakkan disiplin penuntut di sekolah. Guru sebagai 'role model' perlu menunjukkan contoh yang baik agar menjadi ikutan para penuntut. Para guru khususnya guru-guru disiplin perlu untuk mengelakkan diri dari melanggar disiplin sekolah. Para guru juga perlu bekerjasama untuk membentuk disiplin positif para penuntut secara berterusan.

Kakitangan sekolah yang lain seperti warden, pengawas perpustakaan serta buruh-buruh sekolah juga berperanan dalam menjaga disiplin baik penuntut di sekolah. Selain dari mempamerkan tingkahlaku yang baik mereka juga perlu untuk memata-matai penuntut agar mereka tidak melanggar disiplin sekolah.

Laporkan segala kegiatan-kegiatan negatif penuntut kepada pihak sekolah seperti penuntut-penuntut yang ponteng, merokok, membuat kacau dan sebagainya agar pihak sekolah dapat memberi denda yang setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang telah mereka lakukan.

Hazlenawatey binti Shaya,
No. 1163 Kampong Pengkalen Batu,
Jalan Mulaut Limau manis, BH 1123.
No. k/p: 00-291204.

TIP FOTOGRAFI

TIP MENGGILAP FOTO DIGITAL AWDA

Rahsia 13: GUNAKAN DENYAR PENGURANG KESAN MATA MERAH

KEBANYAKAN kamera-kamera terbaru mempunyai dua mod/cara denyar. Biasa (standard) dan Pengurang Mata Merah (Red Eye Reduction).

Denyar Pengurang Mata Merah mengarahkan kamera memancarkan berulung kali sebelum merakam syot supaya mata subjek serasi dengan cahaya terang (dari denyar). Gunakan cara ini bila awda mengambil gambar orang yang menghadapi kamera dalam pencahayaan yang kurang/rendah.

Kebanyakan orang tidak menyedari yang mereka perlu menggunakan denyar Mata Merah hingga mereka melihat sendiri hasil gambar-gambar tersebut. Jadi ingat gunakan pengurangan Mata Merah bila mengambil gambar-gambar dalam situasi seperti berikut:

- * Muka subjek yang menghadapi terus pada kamera
- * Pencahayaan kurang/rendah.
- * Bila menggunakan denyar.

Kesan Mata Merah pada gambar boleh juga dihilangkan dengan menggunakan program-program komputer jika kamera awda tidak memiliki fasiliti Pengurangan Mata Merah.

Semua istilah fotografi yang digunakan adalah istilah rasmi 'Buku Istilah Fotografi' yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tetap

SIRI KETIGA BELAS

OLEH : HM YUSOF

Bahasa Melayu Brunei Darussalam-MAB-BIM- Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Bersambung

ISTILAH-ISTILAH FOTOGRAFI TERKINI :

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
Open flash	Denyar terbuka
Open landscape	Landskap luas
Orthochromatic	Ortokromatik
Out of centre	Di luar pusat
Out of focus	Luar fokus
Outdoor photography	Fotografi luar
Over development	Pembinaan terlebih
Over exposure	Dedahan lebih
Over all lighting	Pencahayaan menyeluruh
Overdeveloped negative	Negatif lebih bina



Gambar diambil tanpa menggunakan denyar Pengurangan Kesan Mata Merah. Perhatikan kesan mata merah pada mata hitam subjek.



Gambar diambil menggunakan denyar Pengurangan Kesan Mata Merah.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramal di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar 740 keluaran 13 September 2006, ialah :

Bangunan Maktab Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 740 keluaran 13 September 2006

Miza Murfiqah binti Musa,
Sekolah Rendah Mulaat.
Umur : 9 tahun

Nuryasmeen Syukrina binti
Mohamad Yusof,
Sekolah Sinaran Mas.
Umur : 6 tahun

Ak. Muhd. Noor
Aminurashid bin
Pg. Saifuddin,
Sekolah Rendah Dato Marsal.
Umur : 8 tahun

ALAI PINTAR

**ALAI DIALU-
ALUKAN
MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN
RUJUKAN,
JABATAN
PENERANGAN**



SOALAN ALAI PINTAR 742

1. Apakah nama bangunan ini?

.....

.....

2. Di manakah letaknya?

.....

.....

.....

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 742

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

.....

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 742,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

REMAJA

PELITA ILMU

OLEH : H. A. MANAP

MINGGU ini adalah merupakan minggu yang amat penting dalam karier perguruan. Setiap bulan September negara kita akan meraikannya sebagai tanda untuk mengingati dan menghargai khidmat bakti para guru, dalam mendidik dan menjadikan bangsa kita sebagai sebuah bangsa yang berilmu dan berkembang maju di bidang pendidikan. Peranan guru bukanlah merupakan satu tanggungjawab yang kecil. Apa yang paling ketara ialah peranan dan tanggungjawab mereka adalah sangat besar, kerana ia berperanan dalam mencorakkan kehidupan dan mengangkat martabat dan kualiti masyarakat sesebuah negara. Justeru masyarakat yang asalnya tidak berilmu dan berpengetahuan menjadi masyarakat yang terangkat kehidupannya dengan ilmu pengetahuan. Bila keadaan ini berlaku maka berkembang pesat dan bertambahlah kemajuan sesebuah negara itu.

Pencapaian dan keupayaan membina kehidupan dengan perkembangan yang meluas adalah merupakan pertumbuhan dan perkembangan yang berasaskan ilmu pengetahuan. Di sanalah peranan guru itu diperlukan. Guru-guru itu adalah merupakan punca dalam menggali ilmu pengetahuan. Melalui mereka kepandaian menulis, membaca dan mengira diperolehi. Namun perubahan dunia sekeliling yang berkisar dengan perkembangan pelbagai ilmu pengetahuan menjadikan peranan guru lebih diutamakan. Bekalan dan ilmu pengetahuan yang mereka miliki juga semakin dipelbagaikan untuk memenuhi keperluan masyarakat di dalam sesebuah institusi masyarakat. Masyarakat menjadi lebih amat memerlukan ilmu pengetahuan sebagai asas kehidupan yang paling utama. Justeru peranan guru yang dipelbagaikan dengan pelbagai ilmu pengetahuan dalam menjadikan perubahan masyarakat berlaku adalah begitu dinamik. Semakin jauh dan semakin berkembang ilmu pengetahuan dan dunia pembelajaran menjadi pemangkin kepada setiap perubahan yang berlaku. Ilmu pengetahuan dilihat sebagai sesuatu yang amat penting dalam kehidupan.

Ilmu menjadi bertambah hebat dengan semakin banyak dan semakin luasnya ilmu pengetahuan diterokai. Ilmu menjadi sumber menyuntik berbagai maklumat dan ia menjadi bertambah hebat dalam membawa kebenaran dan pembaharuan. Bila perkembangan ini berlaku, setiap guru-guru dan pendidik semakin memerlukan pertambahan ilmu yang boleh digunakan sebagai asas mendidik dan mengajar bangsa yang semakin memerlukan tuangan ilmu ke dalam jiwa nurani mereka. Justeru perkembangan dan peranan guru-guru di negara kita adalah merupakan suatu yang tidak boleh diketepikan. Perkembangan dan pertumbuhan negara kita adalah berpunca dari semakin ramainya, anak bangsa yang berilmu pengetahuan. Ilmu itu dilihat sebagai pelita kehidupan, kehebatan ilmu itu juga sekali gus dijadikan sebagai asas yang membawa ke arah petunjuk kebenaran.

Nilai dan kualiti ilmu juga menjadikan kita lebih dewasa dan lebih memahami dalam menjalani kehidupan yang semakin mencabar dan berliku-liku. Meskipun keadaannya sedemikian, namun kedudukan ilmu dan kemuliaannya tetap menyerlah. Ilmu pengetahuan tidak lagi boleh dipisahkan dengan anggota masyarakat. Pemisahananya jika berlaku hanya akan membuat sesebuah bangsa itu tertinggal dalam arus pembinaan ummah yang berkualiti. Di sinilah guru-guru dan tenaga pengajar, tetap menjadi jentera yang berperanan menyalurkan ilmu melalui pendidikan bersistem. Sebagai jentera yang menjadi sumber pembinaan ummah, ilmu menjadi kekuatan dalam membina ketahanan masyarakat dan kehidupan berkualiti. Semua proses perkembangan dan laluan sedemikian telah kita dilalui dalam proses kehidupan bernegara di bumi bertuah Brunei Darussalam ini. Tema sambutan Hari Guru tahun ini 'Guru Berkualiti Meningkatkan Daya Saing Bangsa' jelas membawa mesej ke arah memberikan kekuatan hidup berbangsa. Tamadun terbina dengan adanya kekuatan kehidupan berbangsa yang mampu berdaya saing dengan perubahan sekeliling.

Hal ini termasuklah dalam menjadikan kualiti sebagai perkiraan utama, untuk dibawa ke dalam arus peningkatan daya saing, yang dihasilkan oleh kualiti guru yang tinggi. Justeru sebagai sebuah negara yang menjurus ke arah kemilauan hidup, ilmu pengetahuan menjadi asas dalam membina kekuatan berbangsa dan bernegara. Tidak hairan kalau kita melihat setiap jurus perkembangan dan kemajuan itu tidak akan lepas dari isu-isu ilmu pengetahuan yang bersendikan tamadun tinggi. Inilah keunikan yang ada di negara kita yang dapat ditandai kesinambungan pembinaannya melalui ilmu pengetahuan tinggi. Kehidupan berbangsa lebih bererti dengan adanya, ilmu yang diadun dengan kekuatan dan ketinggian nilai melalui proses pembinaan kekuatan berbangsa dan bernegara. Guru-gurulah yang menanai kekuatan bangsa dan ilmu itu, guru-guru itu calak yang menghasilkan produk bangsa yang mampu berdaya saing yang tinggi. Inilah keistimewaan guru, bukan setakat mengajarkan ilmu akan tetapi menjadi penyuluh kehidupan setiap mereka yang jahil dari pengetahuan.

AKU berkahwin dengan Syura atas pilihan kedua orang tuaku. Ketika itu aku baru saja putus cinta. Oleh kerana tiada pilihan lain dan pihak keluarga juga terlalu mendesak, aku pun terpaksa menerima sahaja tanpa sebarang bantahan.

Memang aku akui Syura seorang isteri yang baik. Dia seorang isteri yang cantik dan pandai mengambil hatiku dan kedua orang tuaku. Kami bercinta selepas kami berkahwin namun kami juga dapat rasai nikmat erti berumah tangga. Walaupun dia memiliki keluasan dari luar negara, tetapi dia akur dengan kehendakku agar dia menjadi suri rumah sepenuh masa.

"Abang dah sembahyang ...? tanya Syura. "Belum ... Syura pergilah sembahyang dulu ... Abang penat ni ... banyak kerja dekat office ...," balasnya dengan selamba.

Memang sejak dulu lagi Jefri jarang sekali sembahyang. Entahlah, padahal keluarga Jefri berasal dari keluarga yang agak kuat agamanya di kampung. Mungkin terlalu lama Jefri tinggal di luar negara, jiwanya terpengaruh dengan budaya di sana.

"Abang pergi dulu Syura ... banyak hal lagi dengan kawan ..."

Syura akur dengan kata-kata Jefri, dia tidak pernah membantah dan melawan sekalipun dengan sikapnya selama ini.

Jam menunjukkan pukul satu pagi. Namun Jefri belum lagi pulang ke rumah. Syura tetap menunggu suaminya. Berkali-kali Syura menghubungi Jefri tetapi panggilan itu tidak dijawab. Betapa resah hati Syura kerana bimbang malapetaka menimpa Jefri.

Jefri kerap mencari hiburan luar untuk kepentingan dirinya sendiri. Dia tidak pernah meninggalkan tabiat buruknya itu walaupun dia sudah berumah tangga. Yang jadi mangsa ialah Syura ... kasihan.

"Ding dong ...," bel berbunyi.

Syura pun terus menuju ke pintu. Lalu dilihatnya Jefri pulang dalam keadaan mabuk. Ketika itu Jefri melayan Syura dengan buruk sekali. Ditampar, ditendang dan dipukulnya Syura namun Syura tetap bersabar dan melayan Jefri dengan baik. Syura adalah isteri yang taat kepada suami. Begitu mulianya Syura.

Enam bulan sudah berlalu, Syura merasa tidak enak badan. Terus dia pergi membawa dirinya ke klinik untuk pemeriksaan.

"Tahniah ... Puan telah mengandung ...," jelas doktor setelah membuat pemeriksaan.

Syura pun bergegas balik ke rumah dan menunggu suaminya pulang dari kerja. Dengan perasaan yang penuh gembira, Syura pun menghubungi suaminya di pejabat untuk menyatakan hasrat di hatinya supaya Jefri pulang lebih awal sedikit.

"Kenapa Syura ni ... Dah buang tabiat agaknya ...," Jefri menjawab dengan penuh kebingungan.

"Baiklah ... abang akan pulang awal petang ni ...," jelasnya lagi.

Setelah Jefri mengetahui Syura mengandung zuriatnya, barulah terbuka hatinya untuk belajar tentang ilmu-ilmu agama. Syuralah yang banyak membantu dan membimbing Jefri ke jalan yang direndai oleh Allah. Syura amat gembira dengan perubahan diri suaminya itu.

Disebarnya berita yang penuh gembira ini kepada kedua orang tuanya di kampung. Mereka berasa amat gembira tentang berita dan perubahan yang mendadak terhadap diri Jefri. Di hati kecil mereka berkata, tidak salahlah mereka memilih menantu.

Sembilan bulan sudah berlalu. Bermacam-macam kerenah yang sudah

dilalui. Selepas saja solat Subuh, Syura terlena seketika, tiba-tiba perutnya terasa sakit, bisa tidak berkata ... Mungkin Syura hampir hendak bersalin. Akhirnya Syura tidak tahan lagi. Lalu dikejutnya suaminya yang sedang nyenyak tidur.

"Bang ... bangun bang ...," perut Syura sakit ni ... Syura tak tahan lagi lah bang ... rasa macam budak ni dah nak keluar ..."

"Apa ... biar betul ni ... jangan buat abang panik ..."

"Betul ..., Syura tak main-main lagi ni bang ...," lalu Jefri pun bergegas membawa Syura ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Denyutan jantung Jefri semakin deras. Isterinya belum lagi keluar dari bilik bersalin. Tepat jam 9.00 pagi, Syura selamat melahirkan seorang anak lelaki.

"Syukur pada-Mu

KE PUSARA AYAH BONDA

JEFRI tetap degil dan keras hati. Dia tetap menolak permintaan ibu bapanya itu walaupun Syura memujuknya agar menurut kemahuan orang tua Jefri hanya untuk seminggu. Malah, kerana terlalu geram dan takut Azim akan memaksanya, hari itu juga Jefri meninggalkan kampung halamannya hinggalah kini Jefri tidak pernah menjejakkan kaki ke sana lagi.

Tuhan kerana kedua-dua orang yang ku sayang telah kau selamatkan ...," bisik hati Jefri sambil mengesat air matanya tanda gembira.

Kedua-dua orang tua Syura dan Jefri berasa amat gembira sekali melihat anak menantu mereka selamat melahirkan. Tambahan pula orang tua Jefri, mereka sangat-sangat menantikan kelahiran cucu pertamanya itu kerana hanya Jefri lah satu-satu-

nya anak mereka.

Genap sepuluh hari sudah Syura melahirkan namun masih belum ada nama yang sesuai diberikan.

"Bang, apa hendak kita namakan anak kita ni ...?"

"Hm ... Apa kata kita namakan dia Abdul Azim ... Itu bermaksud Hamba Allah Yang Agung ..."

Syura pun bersetuju dengan cadangan Jefri. Pejam celik, sudah tujuh

tahun masa berlalu.

"Mama ..., jom balik kampung. Dah lama kita tak balik. Rindulah sama atuk dan nenek ...," renyek Azim yang berusia tujuh tahun kepada ibunya yang sedang menonton televisyen ketika itu.

"Mmm ... jomlah mama ... jomlah mama ...," paksanya lagi.

Syura pun memandang lembut Azim lalu mengusapnya dengan penuh kasih sayang.

Syura sedar sudah dua tahun mereka sekeluarga tidak balik kampung. Bukan kerana tidak mampu tetapi sikap degil Jefri yang membuatkan Syura terpaksa akur. Teringat kembali bagaimana Jefri menjadi keras kepala tidak mahu pulang ke kampung ayahnya, hanya kerana perkara yang agak kecil dan sangat remeh. Mungkin naluri kebapaan Jefri tidak dapat menerimanya atau mungkin dia terlalu sensitif pada ketika itu.

"Ayah bukan apa, kami terlalu sunyi. Kami saja berdua duduk di rumah ni. Apa salahnya kami jaga Azim. Dia pun suka sangat tinggal di sini. Bukannya lama sangat Jefri ..., cuma dalam beberapa minggu saja. Janganlah kau bimbang, bagaimana ayah ajar Jef, begitulah yang akan ayah ajar dengan Azim ...," lembut suara ayahnya memujuk Jefri.

SETELAH Jefri mengetahui Syura mengandung zuriatnya, barulah terbuka hatinya untuk belajar tentang ilmu-ilmu agama. Syuralah yang banyak membantu dan membimbing Jefri ke jalan yang direndai oleh Allah. Syura amat gembira dengan perubahan diri suaminya itu.

Jefri tidak sanggup melihat anaknya diceraikan, walaupun kepada ayahnya sendiri. Tambahan lagi Jefri mampu memberikan segalanya kepada Azim. Malah, Azim juga sering merengek mahu tinggal di kampung kerana atuknya memang manjakan dia sejak dia kecil lagi.

"Maafkan Jefri ayah ... Banyak sangat yang perlu Jef hendak selesaikan. Tahun depan Azim dah nak bersekolah dan saya sudah daftarkan dia. Bukan Jef tidak kasihankan ayah tapi Jef takut kami anak beranak tak sehaluan nanti ...," jawab Jefri sambil menarik nafas panjang selepas menjawab kata-kata ayahnya. Mengeluh.

"Umur kami bukannya panjang lagi Jef, kalau tak lama, seminggu pun cukuplah ...," sampuk emak Jefri dengan linangan air mata sambil mendakap erat cucu kesayangannya itu.

Jefri tetap degil dan keras hati. Dia tetap menolak permintaan ibu bapanya itu walaupun Syura memujuknya agar menurut kemahuan orang tua Jefri hanya untuk seminggu. Malah, kerana terlalu geram dan takut Azim akan memaksanya, hari itu juga Jefri meninggalkan kampung halamannya hinggalah kini Jefri tidak pernah menjejakkan kaki ke sana lagi.

Petang itu Syura memujuk Jefri supaya pulang ke kampung. Dan akhirnya dia mengalah juga dengan kerenah Azim yang tidak mahu-mahu hendak pulang ke kampung berjumpa atuk dan neneknya.

Pada malam itu juga mereka bertolak. Selepas solat Isyak mereka berangkat, walaupun secara mengejut namun Syura mengikut juga. Mungkin Jefri juga terlalu rindu kepada orang tuanya.

Setibanya di sebatang lebuh raya, Jefri memperlahankan keretanya kerana di situ adalah kawasan merbahaya. Walaupun tidak banyak kereta pada waktu itu, dia tidak mahu terburu-buru.

"Eh ... mama, atuk dengan nenek tu haa ...," teriak Azim tiba-tiba sambil menunjukkan ke sebuah kereta yang dinaiki oleh dua orang tua. Seorang lelaki dengan kepala bersongkok dan wanita tua di sebelahnya bertudung putih, seperti yang selalu dipakai oleh mak dan ayah Jefri.

Jefri dan Syura terkejut dengan teriakan itu tetapi mereka melihat juga ke arah yang ditunjukkan oleh Azim. Walaupun kereta itu sudah di belakang mereka, mereka masih meninjau-ninjau.

"Apa yang kamu merepek ni Azim, kamu mengigau ya?" marah Jefri.


"Tak, Azim nampak nenek lambai dekat Azim tadi ...," Azim berkeras.

Mereka semua diam. Jefri memandu keretanya dengan tenang. Setengah jam kemudian, Azim sekali lagi berteriak riang.

"Nenek ... nenek ... Mama, papa, nenek melambai ...," Azim melihat dan berteriak.

Sekali lagi mereka terkejut. Sebuah kereta dalamnya ada dua orang tua seperti tadi sekali lagi ditinggalkan oleh kelajuan kereta mereka. Namun, kali ini Jefri dan Syura juga dapat melihat kereta yang ditinggalkan itu. Cuma tidak nampak dengan jelas wajah mereka. Takkan mak dan ayahnya berjalan sejauh begini di tengah-tengah malam ini. Malah, kenapa sampai dua kali mereka melihat peristiwa yang sama?

Lihat muka 9



NAM sepakat membentuk keamanan kemakmuran dan keadilan dunia

HAVANA, Sabtu, 16 September. - Ketua-ketua Negara dan Kerajaan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) sepakat menyuarakan bagi mengukuhkan dan menggariskan kepercayaan yang berkekalan menerusi komitmen yang kukuh sebagai prinsip asas terutama sekali dalam membentuk keamanan dan kemakmuran serta keadilan dunia.

Perkara itu terkandung dalam draf yang dikeluarkan sempena Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara dan Kerajaan NAM di Pusat Persidangan Antarabangsa Havana, yang berakhir hari ini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Utusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah di antara 118 buah negara ahli yang menghadiri Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara dan Kerajaan NAM Ke-14, disini.

Draf setebal 91 muka surat itu menjadi landasan terperinci mengenai harapan dan cita-cita NAM bagi memastikan pergerakan itu relevan, maju dan mencapai hasrat penubuhannya sejak beberapa dekad yang lalu.

Dalam isu global, Ketua-ketua Negara dan Kerajaan NAM menekankan bahawa senario global ketika ini terus menjadi cabaran yang kuat seperti di bidang keamanan dan keselamatan, pembangunan ekonomi dan peningkatan sosial, hak-hak manusia dan peraturan undang-undang bagi negara-negara yang sedang membangun. Bagaimanapun ia akan bergantung kepada kekuatan dan solidariti di kalangan negara-negara untuk mencapai kemajuan ekonomi yang lebih besar.

NAM juga perlu terus kukuh, padu dan bangkit dalam menghadapi banyak cabaran serta peluang yang tersedia di masa akan datang. Bagaimanapun ia akan bergantung kepada kekuatan dan solidariti di kalangan negara-negara untuk menerima perubahan itu.

Ke arah itu, NAM telah menuai proses mengaktifkan semula keupayaannya sekalipun sidang kemuncak yang lalu terus memberi lebih keyakinan.

Undang-undang antarabangsa, mempromosi dan pemeliharaan 'multilateral', penyelesaian pertikaian secara aman, keamanan kebudayaan dan dialog peradaban, keamanan dan kebudayaan juga menjadi perhatian pada Ketua-ketua Negara dan Kerajaan NAM sepanjang

bersidang di negara kepulauan Caribbean ini.

Bagi memberi penghargaan hasrat penduduk NAM, Ketua-ketua Negara dan Kerajaan NAM menyatakan politik dan komitmen serta penentuan pergerakan itu adalah untuk menghormati prinsip penubuhannya di mana negara-negara sama-sama saling mengukuhkan dan menghormati kepelbagaian dan toleransi dari peringkat akar umbi.

Mereka juga menyatakan rasa puas hati mengenai perkembangan dan pencapaian pergerakan itu sejak lebih 45 tahun yang lalu dalam memelihara dan mempromosi idea-idea, prinsip dan tujuan termasuk dalam memburu faedah dan perhatian di kalangan ahlinya.

Oleh itu, ia perlu dikukuhkan menerusi usaha yang besar oleh pergerakan dengan mewujudkan mekanisme dan mengatur inisiatif yang lebih ke hadapan, di samping menggariskan sukatan yang konkrit seperti mencipta pelan tindakan dalam me-



negekalkan hasrat dan objektif NAM dalam semua bidang.

Menyentuh undang-undang antarabangsa, Ketua-ketua Negara dan Kerajaan juga menyatakan dengan menitikberatkan tujuan dan prinsip piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan prinsip undang-undang antarabangsa sangat diperlukan dalam memelihara dan mempromosi kemajuan ekonomi dan pembangunan sosial, keamanan dan keselamatan di samping hak-hak manusia bagi semua dan peraturan perundangan.

Dalam hubungan itu, ahli Pertubuhan Negara-negara Bersatu perlu memperbaharui komitmen mereka untuk membela dan memelihara piagam PBB dan undang-undang antarabangsa.

Bagi mempromosi dan memelihara faedah negara

ahli NAM, isu-isu multilateralism, penyelesaian pertelingkahan secara aman dan dialog kebudayaan, peradaban dan agama juga menarik perhatian Ketua-ketua Negara dan Kerajaan NAM untuk mencari langkah ke arah keamanan sejahtera.

Hubungan dengan PBB juga sangat perlu dalam menghormati setiap fungsi dan kuasanya terutama dalam Persidangan PBB dan untuk mengekalkan keseimbangan di kalangan organisasi ini dengan piagam masing-masing berasaskan fungsi dan kuasa.

Keselamatan antarabangsa dan perlucutan senjata merupakan topik yang sering kali menjadi perhatian sepanjang sidang kemuncak mahupun pada persidangan menteri-menteri sebelum ini.

Ketua-ketua Negara dan Kerajaan NAM juga me-

lahirkan perhatian yang mendalam mengenai kesusahan dan situasi yang kompleks dalam bidang berkenaan bagaimanapun menyeru usaha-usaha untuk menyelesaikan jalan buntu dalam perlucutan senjata dalam semua aspek melalui perundingan.

Menyentuh aspek pengendalian, Ketua-ketua Negara dan Kerajaan NAM menegaskan ia secara terang-terang mencabuli undang-undang antarabangsa termasuk perikemanusiaan antarabangsa dan undang-undang hak manusia terutama hak kehidupan, mengakibatkan kehilangan dasar kebebasan penduduk.

Mereka juga mengakui bahawa pengendalian tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana agama, warganegara, kumpulan etnik dan orang-orang tertentu dan menjadikan mereka sebagai asas pengendalian atau alasan

Laporan : Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn
Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim dari Havana, Cuba



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Utusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah di antara yang menghadiri Sidang Kemuncak NAM (kiri).

bagi memerangi keganasan.

Dalam bidang demokrasi pula, pemimpin NAM menegaskan nilai universal itu perlu berlandaskan kebebasan yang dikhususkan setiap negara sendiri dalam memastikan politik, ekonomi, sosial, sistem kebudayaan dan penyertaan penuh dalam semua aspek kehidupan mereka sendiri.

Mereka mengakui demokrasi, kemajuan dan saling menghormati kepada semua hak manusia dan kebebasan utama itu saling bergantung dan perlu mendapat sokongan dari masyarakat antarabangsa.

Perhatian mengenai kerjasama dan dialog Selatan-Utara, di samping peranan organisasi serantau juga menjadi perhatian Ketua-ketua Negara dan Kerajaan NAM sambil menyifatkan keperluan bagi meningkatkan interaksi di antara pemimpin negara membangun dan negara maju.

Mereka juga mahu melebarkan dan mendalami hubungan yang dinamik dan kerjasama dengan negara-negara maju dan negara berlandaskan industri terutama dalam Kumpulan G8 dengan berlandaskan saling menghormati, mengaut keuntungan bersama dan berkongsi tanggungjawab, di samping mengadakan dialog yang konstruktif dengan harapan menacu ke hadapan persaingan atau inisiatif dalam isu-isu global dan menjana kesefahaman yang lebih besar di antara utara dan selatan.

Sementara peranan penting dalam organisasi serantau membantu negara-negara berkecuali dan ne-

gara-negara membangun yang lain membentuk peranan bagi mempromosi keamanan dan keselamatan serantau sekali gus memajukan ekonomi dan sosial menerusi kerjasama di kalangan negara-negara serantau.

Ketua-ketua Kerajaan dan Negara NAM juga mengambil perhatian terhadap isu politik serantau dan rantau kecil termasuk di Timur Tengah, Afrika, Asia, Amerika Latin dan Caribbean.

Sementara itu, setiap negara ahli NAM juga disarankan menghormati hak untuk memastikan strategi dan keutamaan setiap negara itu diselenggarakan mereka sendiri.

Para pemimpin negara ahli NAM juga menyatakan kepentingan keterlibatan ahlinya dalam memudahkan kerajaan negara-negara membangun berhubung dengan perdagangan.

Manakala, kepentingan Kerjasama Selatan-Selatan juga bakal menyumbang kemajuan dan keperluan untuk mengukuhkan lebih jauh termasuk meningkatkan kapasiti menerusi kerjasama itu.

Isu-isu hak kemanusiaan, sosial dan kemajuan yang terkandung dalam draf terakhir Sidang Kemuncak NAM itu juga memberi perhatian menyeluruh mengenai isu-lautan, tenaga, kesihatan, jenayah, penyalahgunaan dadah dan rasuah yang menyaksikan beberapa garis panduan serta saranan telah berjaya digubal oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan NAM pada pertemuan mereka di sini.



SUASANA Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang menjadi landasan terperinci mengenai harapan dan cita-cita di masa akan datang.

Dari muka 8

Setengah jam kemudian, sekali lagi mereka melihat sebuah kereta yang sama tidak jauh di hadapan mereka. Kali ini Jefri memberikan diri memperlakukan keretanya. Sebaik berada dekat dengan kereta tersebut, kelihatannya seperti dua wajah yang amat dikenali tersenyum dan melambatkan tangan kepada mereka. Jefri tidak menunggu lama, dia terus memecut keretanya selaju yang boleh. Jefri dan Syura terdiam seribu kata kemudian Azim

yang merengek dan bertanya kenapa mereka tidak berhenti berjumpa dengan atuk dan neneknya.

Hati Jefri dan Syura tidak sedap. Setibanya di hadapan rumah maknya, mereka terus keluar dari kereta.

"Assalamualaikum ... mak, ayah, Jefri datang ni ..." dengan hati yang riang dia memberi salam.

Namun Jefri merasa hairan, rumah yang pernah didiaminya dulu gelap-gelita bagai tiada penghuni di dalamnya. Hampir sepuluh minit dia memberi salam. Hampa.

Jefri terus mati akal, dia

terus menuju ke rumah jiran yang terletak tidak berapa jauh dari rumah orang tuanya. Jiran yang paling hampir iaitu setengah kilometer dari rumah maknya.

"Apa ...! Betulkah Pakcik Wan ...? Innalillahi Waa-innaillahi Raajun ..." terkejut dan merasa hiba Jefri mendengarnya.

Terduduk Jefri mendengar cerita Pak Cik Wan tentang kedua orang tuanya. Sudah setengah tahun orang tuanya meninggal dunia ketika dalam perjalanan dengan kereta yang ditumpanginya menuju ke rumah Jefri kerana terlalu rindukan Azim, cucunya.

Menangis air mata darah sekalipun, Jefri tidak mampu mengembalikan ke kedua-dua orang tuanya.

"Sudahlah bang, yang pergi takkan kembali lagi ... kita hanya mampu berdoa agar roh mak dan bapa dicucuri rahmat dan banyak-banyaklah kita bersedekah dan berzikir agar mereka mendapat rahmat dari Allah," jawab Syura teresak-esak selepas mendengar berita yang begitu memanjatkan.

Jefri merasa amat kesal atas perbuatannya terhadap orang tuanya. Jefri hanya mampu berdoa agar kedua-dua orang tuanya mengampunkan dosanya.



Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

MENGHINA NABI

(Terusik oleh : Kononnya tukilan perbuatan antara Maharaja Byzantin di abad ke-14, Manuel Paleologos II dengan seorang cendekiawan Parsi tentang agama Kristian dan Islam yang diucapkan oleh Pope Benedict XVI di Universiti Regensburg, Jerman, Selasa, 12 September 2006)

Tunggulah!
akan ada saja cerita seperti ini
merekah menghina Nabi.
Perangai apa ini?
dari rimba mana
merekah datang?
merekah menyerang lagi
sampai kiamat?

Benar, mereka belum lagi puas
bahkan memang tidak akan puas
dari atas ke bawah
dari bawah ke atas
sama saja.
Perangai apa ini?
dari rimba mana?
jawablah!

Jika menjawab jangan lupa
firman Allah tentang mereka,
inilah yang muktamad
permusuhan itu tetap ada
sebagai darah daging.
Merekah tidak akan kering lidah
untuk menuhmah
terus menuhmah.

Inilah
asal usul
sejarah mereka ... dan juga
jati diri ...
(rakaman Al-Qur'an),
bahawa mereka memang tidak suka, selama
kita tidak mengikut mereka.

Maha benarlah Allah
maha benarlah Rasulullah
siapakah lagi yang belum faham
hakikat ini?
kita boleh saja
berjabat tangan, dengan mereka,
tetapi usah mengharap
merekah akan berubah.

Sikap inilah juga
pekerti inilah juga
yang mereka bawa
sampai ke kubur.
Merekah tidak peduli
kita luka - lukalah awak
kita sakit - sakitlah awak,
itulah mereka.

Merekah pintar bergaya
petah berbahasa,
jika belang belum nampak
dan pekong belum pecah,
maka mudalah
merekah bermain kata-kata:
yang putih jadi hitam
yang hitam jadi putih.

Inilah dasar pembelot:
curang khianat
dengki dan hasad
pakaian mereka.
Merekah amat sakit
mendengar nama 'Muhammad'
kerana Muhammad telah menolak
akidah 'berbilang Tuhan'.

Berapa ratus tahun
dendam ini sentiasa berdarah
dan akan terus berdarah ...
bila ada peluang ...
merekah mulai galak
tanpa kasihan
tanpa ada sopan
membakar ... membunuh ... menyembelih.

Tetapi ini ...
biasanya disangkal gila
oleh mereka ...
dan malah kita pula
yang dituding pembawa celaka.
Usah hairan, saudara!
jika nak tahu
inilah 'perangai rimba'.

Kepada Mukminin,
camkan baik-baik hakikat ini
jangan alpa jangan lupa

- jika lupa -
tuanlah mangsa nombor satu,
dan jangan juga bergaduh sebelanga
kerana jika bergaduh membawa hilang mutu.

Adi Rumi,
Dorchester Hotel, London,
14 September 2006.

SEMAKIN JAUH PERJALANAN SEMAKIN SEMPIT DADA

Sepatutnya bukan begini ...
semakin jauh perjalanan semakin sempit dada,
tetapi inilah hakikat
bumi dipijak seperti kaca
langit dijunjung seperti bara,
ke manakah boleh lari?
masalah mengejar di sana sini,
ke hujung ke pisuk
tersebar bau busuk,
ke bukit ke gunung
terdengar rintihan
menusuk jantung:
orang lapar ...
mana habuannya?
orang telanjang ...
mana pakaiannya?
orang tiada rumah ...
mana kediamannya?
tau-tau ...
merekah itu berdiri di pintu hatiku.

Jadi mana mungkin
untuk berlapang dada!

Adi Rumi,
Hotel Kamp, Helsinki, Finland,
10 September 2006.

JENDELA DUNIA

Sampai ke mana
boleh mengimbau?
semua mata semua minda
tiada jemu.

Ini, dari jendela dunia
kita tidak dikongkong,
sampai ke mana pun
tiada sekatan.

Besar kecil masalah
ada di sini,
manis dan getir
siapakah peduli?

Yang ketawa terus ketawa
yang menangis terus menangis
yang kenyang tetap kenyang
yang lapar tinggal lapar.

Inilah hukum hidup
landasannya panjang
tidak dapat dicari
batasnya di mana?

Hari-hari ada saja cerita
kejadian yang dirancang atau tidak dirancang
dari orang-orang baik
ataupun sipenyangak.

Inilah yang membentuk
segala budaya dan sejarah
dengan kita pula
jadi pewarisnya.

Ada budaya sipenjihat
sejarahnya juga jahat
ada budaya orang baik
sejarahnya juga baik.

Orang jahat
pencetus huru-hara,
orang baik
pembawa bahagia.

Ya, disinilah
jagat sedang berhadapan
dan akan terus berhadapan
dengan kejahatan dan kebaikan itu.

Siapa saja
ingin jadi penonton,
silakan!
jendela ini akan terus terbuka.

Adi Rumi,
Hotel Kamp, Helsinki, Finland,
11 September 2006.

RAMADAN

Ramadan
bulan yang dinantikan
setahun hanya sekali
penuh berkat dan rahmat.

Di bulan ini
bermacam dugaan dan cabaran
dalam menguji keimanan sejati
demi mendidik rohani dan jasmani
dengan bertawakal menyerah diri
pada-Mu Ilahi ...

Adi Jiwa

SELAMAT DATANG RAMADAN II

Selamat datang Ramadan
selamat datang penghulu segala bulan
hadirmu sekali dalam setahun
sungguh amat bermakna
menguatkan iman dan takwa.

Selamat datang Ramadan
bulan penuh keagungan
bulan turunnya kitab suci Al-Qur'an
Kalamullah yang tiada bandingnya
menjadi petunjuk nyata
dan pegangan hidup manusia sejagat
para Muslimin dan Muslimat.

Selamat datang Ramadan
bulan penuh kemuliaan
bersamalah kita menyemarakkan
beribadat, bertarawih dan bertedurus
'biar hidup penuh bererti'
begitu saranan Islam yang suci.

Selamat datang Ramadan
bulan penuh keberkatan
bulan yang dinanti-nantikan
seluruh umat Islam jagatraya
menunaikan ibadat puasa
mentaati ajaran Allah Azzawajalla
dan kekasih-Nya Rasul tercinta.

Selamat datang Ramadan
selamat datang bulan kesayangan insan
bersamalah kita menghayati
dan memohon ke hadirat-Nya
semoga mendapat rahmat dan keredaan-Nya
selamat di dunia bahagia di akhirat
amin!

RAMADAN, RAMADAN, RAMADAN

Ramadan
bulan hikmat yang bermanfaat
mencuci hati nurani insan
yang di dalam kesesatan
agar kembali ke pangkuan Tuhan
minta dibimbing dalam meniti hidayat-Nya
jauh dari segala bisikan nafsu nafsi
dan bangga diri.

Ramadan
bulan penuh cahaya Syurga
bersamalah kita menyemarakkannya
rebutlah fadilatnya yang tersirat
kejarlah ganjaran pahalanya
yang dijanjikan Allah Azzawajalla.

Ramadan
bulan keramat penuh berkat
awalnya rahmah
pertengahannya maghfirah
akhirnya itqam-minannar
pohonlah ke hadirat-Nya
sejuta rahmat dan ihsan
terhindar daripada api jahanam
terselamat daripada dunia dan akhirat
amin!

Ramadan, Ramadan, Ramadan,
bulan ciptaan Tuhan
menjadi bulan kesayangan insan
sebagai bulan kekasih
membawa cinta yang soleh.

Rahim M. S

AGUNGNYA JASAMU

Dulu aku bisu mengungkap kata
aku buta mengenal angka
aku jahil untuk membaca
semua aku tak upaya.

Guru
kau insan yang mula mengajarku ilmu

kau bak lantera menerangi hidupku
kau keluarkanku dari kejahlan
kau bimbingku ke arah kejayaan
kau pacuku gapai kecemerlangan.

Guru
kau ibarat nakhoda dalam pelayaranku
mencari ilmu
sepanjang perjalanan itu kau tak jemu
mengajarku
tak malu tegur kesalahanku
tabah tempuh pelbagai liku (krenahku)
kau benar-benar insan mulia
jerih payahmu membimbingku bukan kepalang
ikhlas, sabar dan tawakal jadi pegangan.

Sungguh agung jasamu guru!

Cepat sungguh masa berlalu
kini bisa berkata-kata
sudah pandai membilang angka apatah
lagi membaca
semua berkat usahamu membimbingku.

Marahmu buatku ingin terus maju
hukumanmu pembakar semangatku
nasihatmu jadi panduanku
ramahmu buatku asyik untuk terus
menimba ilmu.

Berkat sabar dan gigihmu membimbing
hari demi hari aku terus maju
lihatlah guru! Ini hasil semaianmu
kejayaanmu adalah kejayaanmu
hasratmu sudah tercapai melihat aku sampai
di menara gading
usah kau bimbang jasamu tetap kukenang
akulah pewarismu!
akan kubimbing anak bangsaku hingga berjaya
mungkin cara kita berbeza tapi tujuan
tetap sama
melahirkan generasi berilmu yang
menjadi harapan
kepada keluarga, bangsa, agama dan negara.

Sungguh agung jasamu guru!
tak mungkin terbatas dengan wang ringgit
hanya Allah dapat membalasnya.

Masih kuingat kata-katamu
jangan malu membuat salah dalam belajar
selalu belajar dari kesilapan
jangan malu bertanya kalau tak tahu
selalu hormati guru
doa dan usaha pasti berjaya.

Kata-kata ini jadi PEMANGKIN kejayaanmu!
TERIMA KASIH GURU!

MENGAPA & JANGAN

Mengapa?
mengapa?

Manusia selalu bertanya
inda pandai sangal
bertanya dan terus bertanya
kadang kala lupa diri.

Mengapa segala yang enak dilarang?
mengapa yang memabukkan diharam?
mengapa yang menggairahkan ditegah?

Merekah terus bertanya
mengapa?
mengapa?

Semua itu adalah larangan Allah
perintah Allah
tegahan Allah
semuanya mengundang kebinasaan
kehancuran
kerugian
penyesalan yang tak berkesudahan.

Jangan makan banyak
jangan membazir
jangan buang masa
jangan mengata
jangan berdusta.

Semua itu adalah larangan Allah
perintah Allah
tegahan Allah
semuanya mengundang kebinasaan
kehancuran
kerugian
penyesalan yang tak berkesudahan.

Soffio



سوسون رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 27 SEPTEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	SAYANG SEMUANYA - Siri Baru
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	RAMADAN MOVIES - 'Pintu Hidayah'
12.13	AZAN ZUHUR

PETANG

1.30	LATITUDE - 2nd RUN
2.00	BEING EVE
2.30	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
3.00	ISLAMIC SCHOLAR
3.22	AZAN ASAR
3.26	ISLAMIC SCHOLAR - Sambungan
3.30	DAPUR WARISAN
4.00	CYBERCHASE
4.30	MONSTER BY MISTAKE
5.00	JEJAK RASUL
5.30	IHYA RAMADAN
5.45	BERITA
6.00	RAMADAN KARIM
6.15	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.45	SIRAH NABAWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.24	AZAN ISYAK
7.30	GALERI
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA SERIES - 'Pintu Hidayah'
10.00	NEWS AT 10
10.45	SEMINAR MAJLIS ILMU
11.15	TEDARUS
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 28 SEPTEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	SAYANG SEMUANYA
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	DRAMA - 'Kabut Sutura Ungu'
12.13	AZAN ZUHUR
12.17	DRAMA - Sambungan

PETANG

1.00	STRANGE BUT TRUE -
------	--------------------

1.30	Siri Akhir
2.30	AMAZING RACE
	ANIMATED FEATURES - 'Globehunters: around the world in 80 days'
3.23	AZAN ASAR
4.00	DAPUR WARISAN
4.30	ATOM
5.00	JEJAK RASUL
5.30	IHYA RAMADAN
5.45	BERITA
6.00	RAMADAN KARIM
6.14	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.45	HALUAN

MALAM

7.23	AZAN ISYAK
7.30	WARTA ISLAM
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA SERIES: - 'Pintu Hidayah'
10.00	NEWS AT 10
10.45	MUSABAQAH
	TILAWATIL QUR'AN
	BELIA KEBANGSAAN
1.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 29 SEPTEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SESAME STREET
10.45	SHAPIES - Siri Baru
11.15	RAKAN CYBER
11.30	BERITA
11.45	JEJAK RASUL
12.15	FINGERTRIPS - Siri Baru
12.30	SEMBAHYANG FARDU
	JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	VISI SUCI
2.00	SUKAN
	ANTARABANGSA
2.30	PERINTIS
3.00	ISLAMIC SCHOLAR
3.23	AZAN ASAR
3.30	AN NUUR - Siaran Langsung
4.30	DAPUR WARISAN
5.00	JEJAK RASUL
5.30	IHYA RAMADAN
5.45	BERITA
6.00	RAMADAN KARIM
6.14	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.45	BICARA IMAN

MALAM

7.00	ANUGERAH CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM 2006
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA SERIES -

10.00	'Pintu Hidayah'
	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH JUMAAT
11.00	TEDARUS
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 30 SEPTEMBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	W.I.T.C.H
10.45	SCOUT'S SAFARI - 'Rites Of Passage'
11.15	DRAMA CO PROD: - 'Menuju Keredaan'
11.30	BERITA
11.45	DRAMA - Sambungan
12.00	GILLETTE WORLD OF SPORT
12.12	AZAN ZUHUR
12.16	GILLETTE WORLD OF SPORT - Sambungan
12.30	RAMADAN MOVIES - 'Pintu Hidayah'

PETANG

2.00	DRIVE
2.30	THE CHAMPIONS
3.00	ISLAMIC SCHOLAR
3.23	AZAN ASAR
3.27	ISLAMIC SCHOLAR - Sambungan
3.30	DAPUR WARISAN
4.00	THIRD WATCH
5.00	JEJAK RASUL
5.30	IHYA RAMADAN
5.45	BERITA
6.00	RAMADAN KARIM
6.13	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.35	JOURNEY INTO ISLAMIC S.E.A.

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.26	AZAN ISYAK
7.30	TELEMED
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA SERIES: - 'Pintu Hidayah'
10.00	NEWS AT 10
10.45	GUINNESS WORLD RECORDS PRIMETIME
11.45	TEDARUS
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 1 OKTOBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung

9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SUPER ROBOT
	MONKEY TEAM - HYPERFORCE GO!
10.45	TIMEBLAZERS
11.15	PIMPING
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'Treasured Island'
12.12	AZAN ZUHUR
12.16	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.15	LIGA BRASIL
2.45	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
3.23	AZAN ASAR
3.30	DAPUR WARISAN
4.00	UNIVERSITY FORUM
5.00	RAMADAN (FOREIGN DOC)
5.30	RAMADAN KARIM
5.45	BERITA
6.13	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.35	JOURNEY INTO ISLAMIC S.E.A
	MALAM
7.00	TAHUKAH AWDA
7.22	AZAN ISYAK
7.26	TAHUKAH AWDA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA SERIES: - 'Pintu Hidayah'
10.00	NEWS AT 10
10.45	STRONG MEDICINES
11.45	TEDARUS
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 2 OKTOBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	SAYANG SEMUANYA
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	HEALTHY HOME
12.00	RAMADAN MOVIES: - 'Pintu Hidayah'
12.11	AZAN ZUHUR
12.15	RAMADAN MOVIES - Sambungan

PETANG

1.30	WORKING ANIMALS
2.00	TENGKUJU DI MUSIM BUNGA
2.30	EXPATS
3.00	INNOV 8
3.23	AZAN ASAR
3.27	INNOV - Sambungan
3.30	KID PADDLE
4.00	FILLER
4.15	DAPUR WARISAN

4.45	RAMADAN (FOREIGN DOC)
5.15	IHYA RAMADAN
5.30	RAMADAN KARIM
5.45	BERITA
6.00	RAMADAN KARIM
6.13	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.30	FILLER
6.45	BIMBINGAN KELUARGA
	MALAM
7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	AZAN ISYAK
7.30	LINGKARAN IMAN
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA SERIES: - 'Pintu Hidayah'
10.00	NEWS AT 10
10.45	SUKAN GLOBAL
11.15	TEDARUS
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 3 OKTOBER

PAGI

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	SAYANG SEMUANYA
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	RAMADAN MOVIES: - 'Pintu Hidayah'
12.11	AZAN ZUHUR
12.15	RAMADAN MOVIES - Sambungan

PETANG

1.30	INNOVATION
2.00	SENARIO
2.30	ME@TV
3.00	INNOV 8
3.23	AZAN ASAR
3.27	INNOV 8 - Sambungan
3.30	MAPLETOWN
3.55	BUG ALERT
4.15	DAPUR WARISAN
4.45	RAMADAN (FOREIGN DOC)
5.15	IHYA RAMADAN
5.45	BERITA
6.12	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.30	FILLER
6.45	AL-ISLAM

MALAM

7.00	MENCARI SINAR
7.24	AZAN ISYAK
7.30	ORANG KITA
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANCANGAN KHAS
9.30	DRAMA SERIES: - 'Pintu Hidayah'
10.00	NEWS AT 10
10.45	DRAMA SERIES - Sambungan
11.15	TEDARUS
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT



KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

- 1) DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- 2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,
Kementerian Kesihatan,
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam
- 3) Tawaran yang mempunyai rujukan Tawaran Biasa dan Tawaran Kecil seperti yang dilampirkan bersama ini dan hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 17 Oktober 2006.
- 4) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 5) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 3.00 petang.
- 6) Pada bulan Ramadan (Puasa) pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.30 pagi hingga 11.00 tengah hari sahaja.
- 7) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- 8) Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Perniagaan Yang Masih Sah laku

TAWARAN BIASA

BIL. TAWARAN : KK / 56 / 2006 : SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLE ITEMS FOR DENTAL CLINIC FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (GROUP A : PART 1). Yuran tawaran \$200.00.

BIL. TAWARAN : KK / 57 / 2006 : SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLE ITEMS FOR DENTAL CLINIC FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (GROUP A : PART 2). Yuran tawaran \$200.00.

BIL. TAWARAN : KK / 58 / 2006 : SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLE ITEMS FOR DENTAL CLINIC FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (GROUP B). Yuran tawaran \$200.00.

BIL. TAWARAN : KK / 59 / 2006 : SUPPLY AND DELIVERY OF ACCESSORIES OF ENDOSCOPY , GASTROENTEROLOGY AND HEPATOLOGY DEPARTMENT, RIPAS HOSPITAL FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS. Yuran tawaran \$200.00.

TAWARAN KECIL

BIL. TAWARAN : KK / TK / 117 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF SUPER SLIM GASTROSCOPE FOR INTERNAL MEDICINE, RIPAS HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

BIL. TAWARAN : KK / TK / 118 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF GASTRO INTESTINAL VIDEOSCOPE FOR INTERNAL MEDICINE, RIPAS HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

BIL. TAWARAN : KK / TK / 119 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING TWO (2) UNITS OF ELECTRICAL BED FOR INTERNAL MEDICINE, RIPAS HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

BIL. TAWARAN : KK / TK / 120 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF GASTROSCOPY VIDEO SYSTEM CENTRE FOR INTERNAL MEDICINE, RIPAS HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

TAWARAN KECIL

BIL. TAWARAN : KK / TK / 121 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF VAC THERAPY MACHINE WITH DRESSING MATERIALS FOR THE DEPARTMENT OF ORTHOPAEDIC, RIPAS HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

BIL. TAWARAN : KK / TK / 122 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF ILLTIZAROV INSTRUMENTATIONS FOR THE DEPARTMENT OF ORTHOPAEDIC, RIPAS HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

BIL. TAWARAN : KK / TK / 123 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING TEN (10) UNITS OF WARMER BLOWER FOR THE DEPARTMENT OF ANAESTHETIC, RIPAS HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

BIL. TAWARAN : KK / TK / 124 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF BIS MONITOR FOR THE DEPARTMENT OF

ANAESTHETIC, RIPAS HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

BIL. TAWARAN : KK / TK / 125 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF CENTRAL MONITOR FOR THE CRITICAL CARE UNIT, RIPAS HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

BIL. TAWARAN : KK / TK / 126 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF ULTRASOUND MACHINE FOR PENGIRAN ISTERI HAJAH MARIAM HOSPITAL, TEMBURONG , MINISTRY OF HEALTH \$100.00

BIL. TAWARAN : KK / TK / 127 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF WATER TREATMENT SYSTEM FOR THE DEPARTMENT OF HEALTHCARE TECHNOLOGY, SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

BIL. TAWARAN : KK / TK / 128 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) LOT OF DIGITAL PABX SYSTEM FOR THE DEPARTMENT OF HEALTHCARE TECHNOLOGY, SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

TAWARAN KECIL

BIL. TAWARAN : KK / TK / 129 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF COMPOUND MICROSCOPE FOR THE FORENSIC BIOLOGY LABORATORY DEPARTMENT OF SCIENTIFIC SERVICES, MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

BIL. TAWARAN : KK / TK / 130 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING ONE (1) UNIT OF ORTHOPAEDIC INSTRUMENT FOR THE DEPARTMENT OF ORTHOPAEDIC, RIPAS HOSPITAL, MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

BIL. TAWARAN : KK / TK / 131 / 2006 (SE) : SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING SECURITY SYSTEM TO LABORATORIES FOR DEPARTMENT OF SCIENTIFIC SERVICES (BUILDING MAINTENANCE), MINISTRY OF HEALTH. Yuran tawaran \$100.00.

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

PERATURAN PENGIKLANAN DALAM EDISI IKLAN PELITA BRUNEI

1. IKLAN hendaklah dialamatkan kepada : Penerbit Iklan Pelita Brunei, Bahagian Akhbar, Tingkat 2, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.
2. Rang iklan hendaklah dimasukkan dalam disket menggunakan Microsoft Word dengan saiz font 11 ke 12 point, manakala persuratan mengenalinya boleh dihantar dalam 'hard copy'.
3. Iklan hendaklah sampai kepada penerbit dua (2) minggu sebelum tarikh terbit iklan yang dikehendaki.
4. Rang iklan hendaklah dalam Bahasa Melayu menggunakan ejaan rumi baru. Bahasa Inggeris hanya boleh digunakan bagi deskripsi iklan yang dibukakan untuk penyertaan dari luar negeri atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan.
5. Iklan-iklan hanya akan diterbitkan dua kali, itupun jika belum sampai kepada tarikh tutup tawaran. Walaubagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
6. Jika perubahan mendadak pada iklan-iklan yang sudah dihantar hendaklah dimaklumkan kepada penerbit tidak lewat pada hari Sabtu sebelum jam 10.00 pagi bagi iklan yang akan diterbitkan pada minggu berikutnya.
7. Sebarang iklan yang hendak ditarik balik (dibatalkan) hendaklah dimaklumkan tidak lewat dari hari Khamis 11.30 pagi iaitu bagi iklan yang akan diterbitkan pada hari Rabu akan datang.
8. Hanya kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi separuh kerajaan sahaja yang diterima mengiklankan di PELITA BRUNEI.
9. Hanya permohonan iklan-iklan yang mematuhi syarat-syarat dan peraturan ini sahaja yang akan dipertimbangkan.
10. Iklan-iklan juga boleh dihantar terus melalui e-mel : iklan_produksi@yahoo.com.



JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar Kelas " II dan III" kategori 4c & 4d sahaja untuk.

(i) Projek : **MAINTENANCE OF ALL DRAINS, CULVERTS, SUMPS AND GRASS CUTTING ALONG ROAD AND OTHER TURVED AREAS UNDER TWO YEARS TERM CONTRACT.**

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kemajuan Perumahan, Bahagian Pemeliharaan Estit, Jalan Surapit, Perpindahan Berakas, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari Sabtu, 14 Oktober 2006.

Tawaran Buka : 27 September 2006 (Rabu)

Tarikh Tutup : 17 Oktober 2006 (Selasa). Tidak lewat jam 12.00 tengah hari.

Tempat Tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran : \$ 25.00 (tidak dikembalikan)
Yuran Dokumen : \$ 25.00 (tidak dikembalikan)

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan TIDAK akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) yang disediakan oleh Jabatan yang menyatakan Tajuk dan Bilangan Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi daripada Jabatan Kemajuan

Perumahan, Bahagian Pemeliharaan Estit, Jalan Surapit, Perpindahan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran tawaran yang dikenakan tidak dikembalikan kepada pemborong.
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
9. Tawaran akan dikira sah laku bagi tempoh 90 hari dari tarikh tutup menghantar tawaran.

SENARAI TAWARAN YANG AKAN DITAWARKAN :

1. MAINTENANCE OF ALL DRAINS, CULVERTS, SUMPS, GRASS CUTTING ALONG ROADS AND OTHER TURVED AREAS AT KAMPONG PANDAN HOUSING SCHEME H17, H18, H22, H23, H24 & H25 KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNDER 2 YEARS TERM CONTRACT.
CONTRACT NO: JKP/27/2006
2. MAINTENANCE OF ALL DRAINS, CULVERTS, SUMPS/CATCHBASINS, GRASS CUTTING ALONG ROADS AND TURVED AREAS AT KAMPONG MENTIRI HOUSING SCHEME PHASE 1A, PHASE 1B AND PHASE II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNDER 2 YEARS TERM CONTRACT.
CONTRACT NO: JKP/28/2006

SILA LAYARI LAMAN WEB KAMI BAGI :

Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan
<http://www.brunet.bn/news/pelita/27sept/ikerja.htm>

Iklan-iklan tawaran <http://www.brunet.bn/news/pelita/27sept/iiklan.htm>
Iklan-iklan kursus <http://www.brunet.bn/news/pelita/27sept/ikursus.htm>



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

TAWARAN MEMBEKALKAN KENDERAAN

1. **T / 02 / HQ / 2006 - P**
10 BUAH KERETA SALOON
2. **T / 03 / HQ / 2006 - P**
10 BUAH KERETA SALOON / STATION WAGON 2000 CC / 3000 CC
3. **T / 04 / HQ / 2006 - P**
4 BUAH LIGHT TRUCK WITH METAL ROOF
4. **T / 05 / HQ / 2006 - P**
1 BUAH PICK UP / DOUBLE CAB
5. **T / 06 / HQ / 2006 - P**
1 BUAH CRANE TRUCK
6. **T / 07 / HQ / 2006 - P**
36 BUAH MOTORSIKAL 750 CC / 900 CC
7. **T / 08 / HQ / 2006 - P**
